

**PEMAHAMAN MURID TAHUN LIMA TENTANG
AKHLAK**

ROSHARA'MADAN B MOHD HASHIM

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2015**

**PEMAHAMAN MURID TAHUN LIMA TENTANG
AKHLAK**

ROSHARA'MADAN B MOHD HASHIM

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

2015

ABSTRAK

Kajian ini yang berlandaskan perspektif bersepadau sejagat bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman tentang akhlak yang dipunyai oleh murid Tahun Lima. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan tentang makna, hubungan, dan pembentukan akhlak yang dimiliki oleh murid Tahun Lima.

Data bagi kajian ini merangkumi maklumat secara lisan dan bukan lisan yang dikumpulkan dari lapan orang murid Tahun Lima dalam tiga sesi temu duga klinikal yang membabitkan sembilan belas jenis aktiviti. Setiap sesi temu duga dirakamkan secara audio dan video yang mengambil masa selama 30 minit hingga 50 minit. Penganalisisan data membabitkan empat peringkat, iaitu transkripsi rakaman temu duga kepada bentuk bertulis, pembentukan kajian kes yang membabitkan pemerihalan tingkah laku subjek tentang aspek tertentu ‘akhlak’, penganalisisan merentasi subjek, dan pengenalpastian konsep akhlak yang dimiliki murid Tahun Lima.

Dalam kajian ini, makna akhlak yang dipunyai oleh murid membabitkan perlakuan perkara baik yang disukai masyarakat dan direhui Allah dalam kehidupan seharian. Dalam konteks hubungan akhlak pula, murid mentafsirkan bahawa akhlak mempunyai saling hubungan yang berkait dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi. Seterusnya, dalam konteks pembentukan akhlak, murid mentafsirkan bahawa ibu bapa, keluarga, dan rakan sebaya memainkan peranan utama dalam pembentukan akhlak murid.

Kajian ini mendapati makna akhlak yang diberi murid hanya bertumpu kepada aspek luaran seperti kegiatan fizikal, sosial, dan budaya, yang mana kurang tumpuan diberikan kepada aspek kejiwaan atau dalaman individu. Seterusnya, murid menunjukkan bahawa terdapat perkaitan antara akhlak dengan aspek kepercayaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi serta membuktikan mereka mampu

memberikan contoh untuk menunjukkan perkaitan yang bermakna di antara akhlak dengan aspek yang telah disebutkan itu. Akhirnya, implikasi ketiga membabitkan pembentukan akhlak yang mana murid menyatakan bahawa keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, pihak ibu bapa dan sekolah perlu memberikan sokongan yang padu untuk merealisasikan pembentukan akhlak dalam kalangan murid, khususnya murid di sekolah rendah.

Kata kunci: pemahaman, murid Tahun Lima, akhlak,
perspektif bersepada sejagat

UNDERSTANDING OF MORAL AMONG YEAR FIVE PUPIL

ABSTRACT

This study is based on universal integrated approach to identify the understanding of the moral belonging to the Year Five pupils. Further, the study also aims to identify the extent of knowledge about the meaning, relationships, and moral development of pupils belonging to Year Five.

Data for this study include information both verbally and non-verbally collected from eight Year Five pupils in three clinical interviews involving nineteen different types of activities. All interviews are recorded on audio and video that takes about 30 minutes to 50 minutes. Analysis of data involves four stages, namely transcription recording interviews to writing, the creation of descriptive case studies involving the behavior of subjects about a particular aspect of 'morality', analysis across subjects, and the identification of moral concepts belonging Year Five pupil.

In this study, the meaning of moral behavior involving pupils belonging to the good things that the community favored and blessed of God in everyday life. In the context of a relationship of moral values, students interpret that moral has interconnections related to the beliefs, feelings, thoughts, attitudes, actions, and motivations. Further, in the context of moral development, students interpret that parents, family, and peers play a major role in the moral development of pupils.

The study found that given the moral meaning students focusing on the external aspects such as physical activity, social, and cultural, of which less attention is given to the internal psychological or individual. Next, show students that there is a relationship between the aspects of moral beliefs, thoughts, attitudes, actions, and motivations and prove they can provide an example to demonstrate the connection

between the moral meaning of the aspects mentioned. Finally, the third implication involves the formation of moral where pupils stated that families, parents, and peers play an important role in the formation of moral. In this case, the parents and the school should provide strong support for the realization of moral development among students, particularly students in elementary school.

Keywords: understanding, Year Five pupil, moral, universal intergrated approach.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga dan para sahabat baginda sekelian. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t sebab dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya saya telah berjaya menyiapkan kajian ini.

Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya, Prof. Dr. Nik Azis Nik Pa yang bersusah payah mengorbankan masa dan tenaga beliau selama beberapa tahun membimbing saya dalam menyiapkan tesis kedoktoran ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga ini juga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Wan Hasmah Wan Mamat, Dr. Ghazali Darussalam, dan Prof. Dr. Saedah Siraj yang memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan tesis kedoktoran di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Terima kasih tidak terhingga khas kepada isteri tercinta, Fauziah Abd. Kadir yang sentiasa menyokong kuat segala usaha yang saya lakukan di samping memberikan bantuan dari pelbagai aspek dalam menjayakan kajian ini, dan kepada permata hati kami berdua, Farhan Asyreeq, Aleeya Nadwa, Ezyan Nazeefa, dan Haseef Eyrdeen yang sentiasa memahami tugas bapa mereka sebagai seorang pelajar separuh masa. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih tidak terhingga buat bonda tercinta, Rosnah Mohd Kasap dan arwah ayahanda Mohd Hashim Mohd Ros serta rakan seperjuangan yang banyak memberikan nasihat, semangat, dan dorongan kepada saya sepanjang pengajian ini. Allah sahaja yang dapat membala jasa kalian semua.

KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|-------------------|
| Abstrak | iii |
| Penghargaan | vii |
| Senarai Kandungan | viii |
| Senarai Rajah | xv |
| Senarai Jadual | xv |
| | |
| Bab 1 Pengenalan | 1 |
| Latar Belakang | 1 |
| Penyataan Masalah | 7 |
| Kerangka Teori | 9 |
| Tujuan Kajian | 13 |
| Definisi Istilah | 13 |
| Pemahaman | 13 |
| Akhlak | 14 |
| Akhlak yang baik | 16 |
| Akhlak yang buruk | 17 |
| Limitasi dan Delimitasi | 17 |
| Signifikan Kajian | 19 |
| Rumusan | 20 |
| | |
| Bab 2 Tinjauan Literatur | 22 |
| Pengenalan | 22 |
| Beberapa teori tentang akhlak, moral, dan etika | 22 |
| Teori Etika Kebaikan | 22 |
| Teori Teori Utilitarianisme | 24 |
| Perspektif bersepadau sejagat | 25 |
| Pengetahuan dan pemahaman | 32 |

| | |
|---|----|
| Akhhlak | 34 |
| Tazkiyah al-Nafs | 36 |
| Pendidikan akhlak | 37 |
| Penekanan akhlak dalam Pendidikan Islam | 40 |
| Kajian berkaitan akhlak | 42 |
| Pembentukan akhlak | 44 |
| Keruntuhan akhlak | 47 |
| Gejala sosial | 50 |
| Metodologi dan Instrumen Kajian | 52 |
| Rumusan | 58 |
| Bab 3 Metodologi Kajian | 60 |
| Pengenalan | 60 |
| Reka bentuk kajian | 60 |
| Populasi dan sampel | 64 |
| Prosedur pengumpulan data | 68 |
| Instrumentasi | 70 |
| Pengelolaan temu duga | 70 |
| Tugasan temu duga | 71 |
| Soalan temu duga | 72 |
| Temu duga pertama | 74 |
| Temu duga kedua | 74 |
| Temu duga ketiga | 74 |
| Kajian rintis | 75 |
| Prosedur analisis data | 77 |
| Rumusan | 78 |
| Bab 4 Analisis Data | 79 |
| Pengenalan | 79 |
| Ahmad | 79 |

| | |
|--------------------|-----|
| Makna akhlak | 79 |
| Kesimpulan | 83 |
| Hubungan akhlak | 85 |
| Kesimpulan | 92 |
| Pembentukan akhlak | 94 |
| Kesimpulan | 98 |
| Rumusan | 99 |
| Jalil | 105 |
| Makna akhlak | 105 |
| Kesimpulan | 108 |
| Hubungan akhlak | 109 |
| Kesimpulan | 116 |
| Pembentukan akhlak | 118 |
| Kesimpulan | 121 |
| Rumusan | 122 |
| Amir | 128 |
| Makna akhlak | 128 |
| Kesimpulan | 131 |
| Hubungan akhlak | 133 |
| Kesimpulan | 139 |
| Pembentukan akhlak | 141 |
| Kesimpulan | 144 |
| Rumusan | 145 |
| Farid | 151 |
| Makna akhlak | 152 |
| Kesimpulan | 156 |
| Hubungan akhlak | 158 |
| Kesimpulan | 164 |
| Pembentukan akhlak | 166 |
| Kesimpulan | 169 |
| Rumusan | 171 |

| | |
|--------------------|-----|
| Zaki | 177 |
| Makna akhlak | 177 |
| Kesimpulan | 182 |
| Hubungan akhlak | 184 |
| Kesimpulan | 190 |
| Pembentukan akhlak | 191 |
| Kesimpulan | 195 |
| Rumusan | 197 |
| Hanim | 203 |
| Makna akhlak | 203 |
| Kesimpulan | 207 |
| Hubungan akhlak | 209 |
| Kesimpulan | 215 |
| Pembentukan akhlak | 217 |
| Kesimpulan | 221 |
| Rumusan | 222 |
| Hazimah | 228 |
| Makna akhlak | 228 |
| Kesimpulan | 232 |
| Hubungan akhlak | 234 |
| Kesimpulan | 241 |
| Pembentukan akhlak | 242 |
| Kesimpulan | 246 |
| Rumusan | 247 |
| Sofiya | 254 |
| Makna akhlak | 254 |
| Kesimpulan | 257 |
| Hubungan akhlak | 259 |
| Kesimpulan | 265 |
| Pembentukan akhlak | 266 |
| Kesimpulan | 270 |

| | |
|--|-----|
| Rumusan | 271 |
| Rumusan | 277 |
| Ahmad | 277 |
| Jalil | 280 |
| Amir | 282 |
| Farid | 284 |
| Zaki | 286 |
| Hanim | 288 |
| Hazimah | 290 |
| Sofiya | 292 |
| | |
| Bab 5 Rumusan dan Perbincangan | 295 |
| Pengenalan | 295 |
| Rumusan kajian | 295 |
| Makna akhlak | 296 |
| Makna akhlak | 296 |
| Akhhlak baik | 296 |
| Akhhlak buruk | 297 |
| Jenis akhlak | 297 |
| Akhhlak mulia | 297 |
| Akhhlak buruk | 299 |
| Perkara yang berkaitan dengan akhlak | 300 |
| Cara untuk menentukan baik buruk sesuatu | |
| akhlak | 300 |
| Hubungan akhlak | 301 |
| Hubungan akhlak dengan kepercayaan | 301 |
| Hubungan akhlak dengan perasaan | 301 |
| Hubungan akhlak dengan pemikiran | 301 |
| Hubungan akhlak dengan sikap | 302 |
| Hubungan akhlak dengan perbuatan | 302 |
| Hubungan akhlak dengan motivasi | 302 |

| | |
|---|-----|
| Bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk | 302 |
| Cara untuk membentuk akhlak yang baik | 303 |
| Pembentukan akhlak | 303 |
| Peranan keluarga dalam pembentukan akhlak | 304 |
| Peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak | 305 |
| Peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak | 306 |
| Rumusan | 308 |
| Perbincangan | 311 |
| Makna akhlak | 311 |
| Hubungan akhlak | 317 |
| Pembentukan akhlak | 320 |
| Kesimpulan | 325 |
| Implikasi kajian | 330 |
| Implikasi kepada teori | 330 |
| Implikasi kepada amalan pendidikan | 332 |
| Implikasi kepada kajian lanjutan | 333 |
| Rumusan | 335 |
| Rujukan | 336 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Muka Surat |
|--------------|---------------------------------------|-------------------|
| 1. | Kerangka konseptual tentang pemahaman | 33 |
| 2. | Pelan bilik temu duga | 71 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Muka Surat |
|---------------|---|-------------------|
| 3.1 | Huraian tugasan temu duga | 72 |
| 3.2 | Hasil kajian rintis | 76 |
| 3.3 | Prosedur analisis data | 77 |
| 4.1 | Huraian ringkas pemahaman Ahmad tentang akhlak | 103 |
| 4.2 | Huraian ringkas pemahaman Jalil tentang akhlak | 126 |
| 4.3 | Huraian ringkas pemahaman Amir tentang akhlak | 150 |
| 4.4 | Huraian ringkas pemahaman Farid tentang akhlak | 176 |
| 4.5 | Huraian ringkas pemahaman Zaki tentang akhlak | 202 |
| 4.6 | Huraian ringkas pemahaman Hanim tentang akhlak | 227 |
| 4.7 | Huraian ringkas pemahaman Hazimah tentang akhlak | 252 |
| 4.8 | Huraian ringkas pemahaman Sofiya tentang akhlak | 276 |
| 5.1 | Rumusan pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak | 312 |

BAB SATU

PENGENALAN

Latar Belakang

Kemerosotan akhlak, khususnya dalam kalangan remaja sering dikaitkan dengan beberapa faktor seperti peningkatan jumlah jenayah dan rasa tidak selamat (Nik Azis, 2008). Ini termasuklah faktor urbanisasi (dan migrasi golongan belia dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar), kawalan sosial yang longgar (kerana kurang penghayatan agama, kurang mengamalkan hidup yang baik, dan lebih mobaliti), kemajuan (yang membuat lebih banyak benda untuk dicuri), pembangunan sosio ekonomi yang tidak seimbang, pemunggiran golongan miskin, peningkatan tahap penyalah gunaan dadah, peningkatan bilangan pendatang haram, kekurangan kaki tangan polis dan kenderaan untuk mengawal dan mencegah jenayah, dan sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri.

Menurut Nik Azis (2008), masalah keruntuhan akhlak merupakan sesuatu yang dominan dan mencabar, bukan sahaja berlaku kepada orang dewasa tetapi juga dalam kalangan murid sekolah. Selain dari angka penglibatan rakyat Malaysia secara umum di dalam aktiviti jenayah yang semakin bertambah setiap tahun, peningkatan terhadap gejala sosial ini semakin membimbangkan melalui kadar penglibatan golongan belia beragama Islam di dalam kancah tersebut (Halim, 2002), sekali gus memberi satu gambaran tentang gejala kemerosotan nilai akhlak yang sedang dialami oleh umat Islam di negara ini.

Satu perkara yang jelas ialah urbanisasi dan ketumpatan penduduk mempengaruhi kadar jenayah, dan bukan peningkatan jumlah penduduk itu sendiri (Nik Azis, 2008). Seterusnya, sistem jenayah, sistem kawalan komuniti (kawalan tetangga),

dan teknik pencegahan jenayah memainkan peranan dalam mengurangkan kadar jenayah di sesuatu kawasan.

Pengangguran dan jenayah, khususnya jenayah harta benda nampaknya saling berkait antara satu sama lain. Misalnya, sebahagian besar penjenayah harta benda di negara kita terdiri daripada penganggur. Seterusnya, hampir setengah daripada penjenayah tersebut melakukan perbuatan mencuri untuk meneruskan tabiat menagih dadah. Dengan kata lain, ramai penjenayah harta benda terdiri daripada penganggur atau mereka yang bekerja dengan gaji yang rendah dan terlibat dengan penagihan dadah. Kegiatan gentlerisme pula banyak dilakukan oleh belia bangsa India (Amar Singh dalam Nik Azis, 2008). Seterusnya, warga asing melakukan kegiatan jenayah dalam kadar yang lebih rendah daripada kadar jenayah bagi warga Malaysia. Bagaimanapun, menurut Nik Azis (2008), pekerja asing lebih cenderung untuk melakukan jenayah ganas.

Trend jenayah di negara kita telah berkembang dari zaman sebelum merdeka sehingga sekarang. Jenayah kolar putih telah menjadi fenomena merentasi sempadan negara dan sukar untuk dikesan dan dibenteras dengan cepat (Amar Singh dalam Nik Azis, 2008). Indeks jenayah di Malaysia terbahagi kepada 2 kategori, iaitu jenayah ganas yang membabitkan perbuatan seperti pembunuhan, cubaan membunuh, rompakan berkumpulan (gang) dengan menggunakan senjata api, rompakan berkumpulan (gang) tanpa menggunakan senjata api, rogol dan mencederakan dengan sengaja, dan jenayah harta benda yang membabitkan perbuatan seperti pecah rumah, dan mencuri pada siang hari, pecah rumah dan mencuri pada malam hari, mencuri lori dan van, mencuri kereta, mencuri motosikal dan skuter, mencuri basikal, dan bentuk mencuri yang lain.

Pada umumnya, 90 peratus jenayah yang dilaporkan setiap tahun membabitkan jenayah harta benda (Nik Azis, 2008). Bagaimanapun, jenayah ganas berkembang dengan kadar yang lebih cepat daripada jenayah harta benda. Kemelut sosial ini perlu

ditangani dengan segera dan jika dibiarkan tanpa tindakan berkesan oleh pihak yang berkuasa ianya boleh menjadi semakin parah dan serius yang seterusnya akan mengakibatkan barah di dalam masyarakat dan negara umumnya.

Kesedaran dan kepekaan pihak berwajib terhadap punca kemerosotan akhlak dan pentingnya peranan pendidikan di dalam membentuk generasi yang berakhlak selari dengan rentak pembangunan negara tidak dapat dipertikaikan. Pelbagai dasar, sistem, perancangan strategik, dan program yang dilaksanakan dalam amalan pendidikan di negara ini memberikan gambaran yang jelas terhadap komitmen pihak kerajaan untuk melahirkan generasi rakyat Malaysia yang memiliki keperibadian yang mulia dan seimbang.

Selaras dengan komitmen tersebut, Kementerian Pelajaran telah menggubal konsep pendidikan bersepadu yang dilaksanakan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah bertujuan untuk mencapai hasrat pembentukan “insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan.” Dalam KSSR, komponen adab diwujudkan dalam kurikulum standard pendidikan Islam sekolah rendah dari Tahun Satu hingga Tahun Enam bagi memastikan hasrat negara bagi membentuk insan yang berakhlak mulia direalisasikan dalam usaha mencapai aspirasi negara melalui Wawasan 2020 (KSSR, 2011).

Matlamat Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh, beradab, dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa di dunia dan akhirat serta menyumbang kepada ketamadunan bangsa dan negara (KSSR, 2011). Dalam konteks melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah di bumi, pendidikan Islam merupakan persediaan kehidupan dunia dan akhirat yang sesuai dengan kehendak Allah. Pendidikan menyeluruh dan bersepadu yang menyatukan dan mengimbangkan ilmu naqli atau ilmu wahyu dan ilmu aqli ke arah pembentukan dan pengamalan akhlak

mulia untuk mencapai ketaqwaan dan beramal soleh. Enam tumpuan utama yang diberikan penekanan selain daripada modul Jawi adalah modul al Quran dan hadis, modul akidah, modul ibadah, modul sirah, modul Arab, dan modul adab.

Dengan kata lain, modul adab menjadi satu komponen penting bagi mencapai objektif kelapan dalam Dokumen Standard Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah, iaitu untuk menghasilkan pelajar muslim yang mengamalkan adab dan menghayati nilai akhlak dalam kehidupan sehari-hari (KSSR, 2011). Modul ini memberi fokus kepada dua aspek yang berikut, iaitu kepatuhan terhadap peraturan dan cara hidup Muslim dalam hubungannya dengan Allah dan Rasullullah dan kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara perhubungan manusia dengan diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat, dan negara.

Pada umumnya, modul adab yang diberi penekanan utama dalam kurikulum standard pendidikan Islam Tahun Lima termasuklah adab dalam kehidupan sehari-hari, adab dalam kehidupan bersosial, dan adab menuntut ilmu (KSSR, 2011). Seterusnya, topik yang diberi penekanan di dalam modul adab bagi kehidupan sehari-hari ialah adab mengurus diri dan adab menolong ibu bapa. Dalam modul adab bagi kehidupan bersosial, kandungan topiknya ialah adab berjual beli, adab bekerja, adab menziarahi jiran, adab ketika bermain, dan adab dengan pemimpin. Seterusnya, modul terakhir adab dalam Kurikulum Standard Pendidikan Islam Tahun Lima ialah adab menuntut ilmu. Walau bagaimanapun, hanya satu topik sahaja yang terkandung di bawah modul ini, iaitu adab menolong guru.

Dalam hal ini, pembentukan akhlak murid adalah salah satu elemen penting dalam pelaksanaan Pendidikan Islam selaras dengan penyataan Falsafah Pendidikan Islam (hlm. 3) :

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi

membentuk sikap, kemahiran, keperibadian, dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggung jawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan dan kesejahteraan abadi dan akhirat (KSSR, 2011).

Berdasarkan penyataan Falsafah Pendidikan Islam, aspek pembangunan sahsiah dan akhlak pelajar merupakan agenda utama yang perlu diberikan perhatian yang serius dalam pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Dalam sistem pendidikan formal negara, mata pelajaran Pendidikan Islam adalah subjek teras yang wajib diambil oleh setiap pelajar Islam bermula dari Tahun Satu sehingga mereka menamatkan pengajian di peringkat rendah atau menengah. Dalam hal ini, mereka akan didedahkan kepada beberapa aspek asas yang penting dalam pengajian Islam termasuklah aspek akhlak.

Pada umumnya, aspek akhlak adalah sebahagian kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam dan ia tidak dijadikan satu mata pelajaran khusus yang berasingan. Sebagai contoh, murid di peringkat sekolah rendah dari Tahun Satu hingga Tahun Enam didedahkan dengan pengenalan kepada nilai akhlak Islam seperti yang tertera dalam modul adab dalam subjek Pendidikan Islam. Dari aspek modul adab, objektif utama yang ingin dicapai ialah untuk membolehkan murid menyedari dan memahami sifat akhlak yang mulia, menyatakan cara bertatatertib menurut adab Islam, membezakan di antara akhlak yang mulia dengan kelakuan yang buruk dan menghayati serta mengamalkan akhlak Islam.

Beberapa isu kritikal telah dikenal pasti dari aspek pembelajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang sedang giat dilaksanakan di sekolah rendah ketika ini (Abdullah, 2013). Antara isu tersebut ialah terdapat segelintir murid Tahap Dua masih lagi tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi dengan baik, kelemahan dari segi pembacaan al- Quran, kurang menguasai hukum

tajwid asas seperti hukum nun mati dan mim mati serta gagal menguasai amali solat (Abdullah, 2013).

Dewasa ini, pemahaman murid tentang kepentingan beradab dan berakhhlak mulia dengan nilai murni nampaknya semakin terhakis dengan lambakan nilai negatif yang semakin mudah didapati dalam persekitaran mereka (Abdullah, 2013). Misalnya, pengaruh media massa yang melampau dan kesan kemajuan komunikasi maklumat yang pantas berubah setiap hari menambahkan kecelaruan pemikiran murid tentang nilai dan adab yang diajar oleh guru mereka di sekolah. Sebagai tambahan, kerapuhan sistem keluarga juga menggalakkan percambahan nilai negatif ini hingga menenggelamkan adab terhadap ibu bapa, adab terhadap guru, dan adab belajar pada situasi yang agak membimbangkan jikalau dilihat dalam konteks pendidikan akhlak masa kini (Adnan, 2003; Abdullah 2013).

Justeru, jalan penyelesaian perlu dicari untuk mengembangkan akhlak yang mulia ke dalam hati nurani dan jiwa murid agar pemahaman dan penghayatan mereka kepada ruh Islami kembali bertaut dan berada di atas landasan yang diredhai oleh Allah. Walau bagaimana pun, saya hanya memilih satu isu sahaja, iaitu mengenai pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Dengan kata lain, kajian ini hanya membabitkan pemahaman tentang makna akhlak yang dipunyai oleh murid Tahun Lima. Seterusnya, saya ingin meneliti perkara yang berkaitan dengan akhlak dari sudut pandangan murid, antaranya ialah tentang akhlak baik dan akhlak buruk, seterusnya meneliti hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, perbuatan, sikap, dan motivasi, serta mengenal pasti peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Dalam Kurikulum Standard Pendidikan Islam Tahun Lima di sekolah kebangsaan, modul adab merangkumi adab di dalam kehidupan seharian, adab di dalam kehidupan bersosial, dan adab menuntut ilmu (KSSR, 2011). Ianya selaras dengan

objektif Pendidikan Islam yang mengutamakan amalan dan penghayatan untuk melahirkan muslim yang beramal soleh. Namun begitu, melihat kepada senario yang berlaku dalam masyarakat hari ini, didapati nilai adab dan akhlak semakin terhakis dari diri murid dan pelajar disebabkan kurangnya pemahaman dan penghayatan mereka kepada pembentukan peribadi yang baik dan berakhhlak mulia (Abdullah, 2013).

Pernyataan Masalah

Kajian ini memberi tumpuan kepada isu kritikal yang membabitkan kesukaran dalam pembelajaran pendidikan Islam, terutamanya penghayatan dan pemahaman murid tentang subjek pendidikan Islam (Adnan, 2003; Abdullah, 2013; Asmawati, 2005). Pembelajaran pendidikan Islam sering dianggap sebagai pembelajaran yang membosankan dan terdapat sesetengah murid tidak mengambil berat tentang pendidikan Islam sebab mereka beranggapan subjek ini tidak diuji dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (Abdullah, 2013). Lantaran itu, pemahaman dan penghayatan murid yang lemah dalam pendidikan Islam telah mencetuskan pelbagai isu sosial seperti tingkah laku buli dalam kalangan murid sekolah menengah (Khalid, 2007), timbulnya gejala sosial dalam keluarga (Mohamed Syafiq, Fizwani, Suhana, Mohamed Sharif & Sulaiman, 2008), tingkah laku vandalisme yang berleluasa dalam kalangan remaja (Nurain, 2007), merokok dan penagihan dadah (Ahmad, Roslee & Mustafa, 2005), dan masalah lepak dalam kalangan remaja (Yahaya, Azizi, Ramli, Jamaluddin & Yusof, 2001).

Secara khusus, kajian ini bertumpu kepada isu kesukaran tentang pemahaman murid dalam pembelajaran akhlak (Mardzelah, 2000; Asmawati, 2005; Mohamad Faisal, 2005; Mohd Arif 1993; Norhayati, 2003). Pemahaman murid tentang akhlak dapat dikembangkan dalam jiwa murid melalui penghayatan yang maksimum dan pemahaman yang jitu sebab akhlak boleh membina peribadi dan mencorakkan budaya

sesuatu masyarakat. Hubungan yang baik sesama ahli masyarakat bermula dari murid yang mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi. Seterusnya, kesucian masyarakat hanya boleh dijaga dengan pembentukan peribadi yang mulia. Dalam hal ini, jikalau nilai kesucian ini tidak dipelihara dengan baik, sudah tentu masyarakat akan mudah terpengaruh dengan gejala negatif yang sukar dibendung seperti zina, buang anak, mencuri, merompak, berjudi, dan sebagainya (Rahimi, 2007).

Seterusnya, pemahaman murid yang lemah dan kesan daripada gejala yang tidak sihat boleh membawa kerosakan dan kebinasaan kepada diri individu, keluarga, dan masyarakat yang mana sudah tentu akan lahir sebuah masyarakat yang rosak dengan segala penyakit zahir dan batin, berlaku peningkatan jenayah sosial hingga sukar dikawal, berlaku keretakan hubungan silaturahim, dan hancurnya moral serta adab sopan sesebuah masyarakat (Al-Qardhawi, 2003).

Pada umumnya, tidak banyak kajian lepas di dalam dan luar negara berkaitan dengan isu kesukaran dalam pembelajaran akhlak. Kebanyakan kajian berfokus kepada pembentukan akhlak murid, isu gejala sosial, dan keberkesanan program pemulihan akhlak. Dalam hal ini, masih terdapat kurang kajian di Malaysia khususnya yang memberi tumpuan kepada pengetahuan sedia ada tentang pemahaman akhlak yang dimiliki oleh murid Tahun Lima. Justeru, terdapat jurang pengetahuan dalam kajian lepas yang berkait dengan pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Memandangkan pemahaman murid tentang akhlak adalah penting, fenomena ini perlu diteliti dengan mendalam. Menurut Nik Azis (2007), pelbagai pendekatan falsafah dan psikologi boleh digunakan untuk membincangkan isu dalam pendidikan sekolah rendah dan menengah. Justeru, perbincangan dan kajian mengenai pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak dilihat dari perspektif bersepadau sejagat (PBS) yang berlandaskan epistemologi Islam (lihat al Faruqi, 1980; Langgulung, 1981; Nasr, 1987; Naquib, 1990; Sardar, 1988; Nik Azis, 1994, 1999, 2012).

Kerangka Teori

Kajian ini berlandaskan perspektif bersepada sejagat. Menurut Nik Azis (1996), pendukung perspektif bersepada percaya bahawa manusia terdiri daripada tubuh dan roh yang dicipta khusus oleh Allah. Roh dicipta lebih dahulu dari tubuh. Roh bersifat kekal dan mengandungi daya atau fakulti kalbu, akal, jiwa, dan roh. Fakulti tersebut sebenarnya merupakan roh itu sendiri, yang memanifestasikan dirinya dalam berbagai bentuk yang tertentu bagi menjalankan fungsi yang berbeza. Roh manusia, walaupun bebas daripada tubuh, memerlukan tubuh untuk membina ilmu dan kepercayaan dalam kehidupan di dunia. Tubuh pula bersifat sementara dan mengandungi pancaindera dan fakulti fizikal. Tubuh merupakan alat bagi roh (Al- Ghazali, 1988).

Dari sudut pembentukan, roh manusia mempunyai dua ciri asas, iaitu ciri asal dan ciri semula jadi. Ciri asal membabitkan keadaan roh semasa dicipta. Misalnya, roh dicipta oleh Allah di alam arwah, mencintai alam tinggi, mempunyai keinginan bersama-sama dengan malaikat, dan cenderung ke arah perkara yang baik. Roh manusia sudahpun mempunyai beberapa pengetahuan dalam bentuk kerohanian sebelum bercantum dengan tubuh.

Naquib (1990) dalam Nik Azis (1996) misalnya, menerangkan bahawa roh mempunyai daya kognitif untuk membolehkannya melakukan perkara berikut semasa di alam arwah lagi, iaitu mengenal Allah sebagai Tuhan, Pencipta, dan Penguasa seluruh alam, mengenal dirinya dan roh-roh yang lain, dan membentuk dan membezakan lambang yang bermakna serta menggunakan lambang tersebut untuk berkomunikasi melalui daya percakapan asal.

- Ciri semula jadi manusia pula merupakan keadaan roh selepas bercantum dengan tubuh dalam alam dunia. Terdapat empat unsur penting yang menentukan ciri semula jadi manusia, iaitu unsur syahwat, unsur marah, unsur

kesyaitanan, dan unsur ketuhanan. Setiap unsur ini mempengaruhi pembentukan personaliti seseorang individu (Al-Ghazali, 1988) :

- Unsur syahwat : Unsur syahwat memainkan peranan dalam memenuhi keperluan fisiologi manusia seperti makan, minum, tidur, rehat, aktiviti, seks, dan keperluan deria.
- Unsur marah : Unsur marah memainkan peranan dalam memenuhi keperluan keselamatan manusia seperti mengelakkan atau menjaga diri daripada sebarang perkara yang boleh mencacatkan, merosakkan, atau membinaaskan tubuh.
- Unsur kesyaitanan : Setelah mencapai umur tamyiz, iaitu kira-kira tujuh tahun, individu mempunyai kebolehan untuk mencari jalan membuat tipu helah melalui akal rasional bagi melakukan berbagai kejahanan untuk memuaskan unsur syahwat dan marah. Unsur kesyaitanan ini melahirkan sifat buruk seperti menipu, pecah amanah, dan berbohong.
- Unsur ketuhanan : Unsur ketuhanan memainkan peranan dalam memuaskan beberapa keperluan asas manusia seperti keperluan emosi, sosial, penghargaan, penghormatan, pencapaian, sempurna diri, estetik, tazkiyah, dan kerohanian.

Dari sudut ontologi, perspektif bersepadaus sejagat menegaskan bahawa alam semesta dijadikan Allah dan bukan terjadi dengan sendiri, untuk kegunaan manusia. Ia wujud dengan teratur mengikut ketetapan Tuhan dan mengandungi tanda-tanda kewujudan, kekuasaan, dan kebijaksanaan Tuhan yang harus dijadikan bahan renungan, pemikiran, dan pengajaran oleh manusia (Nik Azis, 1990). Perspektif bersepadaus menegaskan bahawa manusia yang terdiri daripada roh dan tubuh dijadikan oleh Allah. Roh adalah entiti yang bersifat kekal, manakala tubuh pula adalah alat bagi roh dalam kehidupan dunia. Roh yang diciptakan dalam alam arwah sudah mempunyai beberapa pengetahuan kerohanian sebelum bersatu dengan tubuh. Walaupun manusia telah mengenal Allah sebagai Tuhan, Pencipta, dan Penguasa alam semesta semasa dalam

alam arwah lagi namun manusia mempunyai sifat lupa yang mendorong mereka melakukan kezaliman dan kejahanan kecuali yang bertaqwa kepada Allah (Naquib, 1990). Roh mempunyai sifat asal seperti sifat ketuhanan, sifat mencintai alam yang tinggi, dan sifat cenderung ke arah yang baik. Tujuan asas hidup manusia pula adalah untuk menjalani amanah sebagai hamba dan khalifah Allah di alam yang nyata.

Dari sudut epistemologi, perspektif bersepadu sejagat menegaskan bahawa pengetahuan yang dibina itu bersifat relatif sebab ia tidak mewakilkan realiti yang sebenar tentang persekitaran. Hanya Pencipta yang mempunyai pengetahuan mutlak tentang alam sekitar (Al-Ghazali, 1982). Dengan itu, wahyu dan ilham dari Pencipta adalah sumber rujukan mutlak bagi memahami realiti yang sebenar. Perspektif bersepadu memberi tumpuan tertentu kepada wahyu, intuisi intelek, pemikiran rasional, pengalaman empiris, dan tafakur.

Dari sudut aksiologi pula, perspektif bersepadu menegaskan bahawa nilai adalah bersifat mutlak, muktamad, dan kekal abadi. Nilai adalah bersifat hakiki dan Allah merupakan sumber kepada semua nilai (Nik Azis, 1999). Perspektif bersepadu juga menekankan faktor rohani adalah pengendali nilai murni dalam diri manusia dan hubungan dengan persekitaran (Nik Azis, 1999). Manusia hanya dapat mencapai nilai murni apabila rohaninya berjaya membuat perhubungan langsung dan berterusan dengan Pencipta. Dengan kata lain, manusia dianggap dapat menghayati nilai murni apabila mereka hidup dengan berpegang kepada peraturan yang ditetapkan Allah. Aksiologi terbahagi kepada dua komponen yang berkaitan, iaitu etika dan estetik.

Dari sudut realiti, perspektif bersepadu menegaskan bahawa manusia terdiri dari gabungan unsur fizikal dan rohani. Roh adalah entiti yang bersifat kekal, manakala tubuh pula adalah alat bagi roh dalam kehidupan duniawi. Kesejahteraan tidak akan tercapai selagi manusia tidak menghubungkan dirinya dengan Pencipta dan persekitaran (Nik Azis, 1994).

Menurut perspektif bersepada sejagat, adab adalah kesempurnaan perilaku manusia, yang lahir daripada sistem nilai murni yang diamalkan. Orang yang beradab ialah orang yang bersopan santun dan bersikap sederhana dalam kelakuan, tertib dalam pergaulan, serta berlaku adil dalam semua tindakan. Nilai yang disebutkan ini merupakan teras bagi pembinaan adab dan akhlak (Nik Azis, 1999a). Berdasarkan perspektif bersepada sejagat, berikut terdapat beberapa andaian asas yang diguna pakai dalam kajian ini.

1. Realiti bagi murid sekolah rendah dianggap sebagai sebahagian pembinaan aktif pengetahuan untuk memperolehi makna dari Pencipta.
2. Pengetahuan akhlak perlu dibina oleh setiap murid berdasarkan pengalaman empiris dan pengalaman sendiri.
3. Asal pengetahuan akhlak boleh disusur galur kepada interaksi sosial dan perkara asas dalam pembinaan pengetahuan ialah pendalilan rasional. .
4. Pembelajaran berlaku apabila murid mencapai makna tentang sesuatu objek pengetahuan yang membabitkan proses intuisi atau ilham yang berlaku dalam kalbu.
5. Peserta kajian telah mempelajari akhlak semasa kajian ini dijalankan.

Menurut Nik Azis (2012), perkara yang boleh diperhatikan, diukur, atau diuji oleh pengkaji pada sesuatu masa adalah amat terhad. Oleh itu, semua penyelidikan dibentuk dengan berlandaskan andaian yang tertentu. Andaian ialah perkara yang kita percaya sebagai benar, tetapi kita tidak mempunyai bukti yang cukup untuk menyokong kepercayaan tersebut. Sebahagian andaian terdiri daripada idea yang berhubung dengan teori perspektif bersepada yang diaplikasikan dalam kajian ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Secara khusus, enam soalan asas telah diberi tumpuan:

1. Apakah makna akhlak, akhlak yang baik, dan akhlak yang buruk menurut tanggapan murid Tahun Lima?
2. Apakah jenis akhlak yang berbeza serta perkara yang berkaitan dengan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?
3. Apakah hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi menurut tanggapan murid Tahun Lima?
4. Apakah peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?
5. Bagaimanakah sesuatu akhlak menjadi buruk menurut tanggapan murid Tahun Lima?
6. Bagaimanakah cara untuk membentuk akhlak yang baik dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?

Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian, manakala data bagi kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan temu duga klinikal bagi mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak dengan lebih mendalam.

Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah asas yang digunakan dalam kajian ini, yang empat daripadanya ialah pemahaman, akhlak, akhlak yang baik, dan akhlak yang buruk.

Pemahaman

Istilah pemahaman merujuk perihal memahami, apa yang difahami oleh seseorang individu tentang sesuatu perkara, atau sejauh mana sesuatu perkara difahami

oleh seseorang individu (Nik Azis, 2012). Oleh sebab pengetahuan bersifat konstektual, relatif, subjektif, tidak mempunyai struktur mutlak, terdiri daripada hasil pembinaan aktif yang dilakukan oleh seseorang individu, dan digunakan dalam interaksi sosial, maka apa yang kita tahu dan faham adalah semata-mata terdiri daripada tafsiran kita tentang perkara yang kita alami, bukan perwakilan sebenar tentang realiti yang wujud secara *a priori* di luar fikiran kita.

Menurut Nik Azis (2012), makna atau pemahaman mendalam tentang sesuatu fenomena dalam alam nyata hanya tercapai melalui intuisi sebab intuisilah yang mencantumkan apa yang ditanggapi oleh proses pendalilan rasional dan pengalaman empiris secara terpisah yang tidak dapat disepadukan untuk memperoleh makna. Namun begitu, intuisi hanya membawa kepada pemahaman tentang satu aspek realiti alam semesta dan bukan pemahaman yang menyeluruh. Seterusnya, menurut Nik Azis (2012), fikiran ialah satu dari kerja yang dilakukan oleh fakulti akal dan hasil kerja berfikir yang melibatkan pertimbangan, pemutusan, perbandingan, pembezaan, persamaan, dan penjelasan untuk membentuk pemahaman dan mencapai makna tentang sesuatu perkara dengan menggunakan dalil dari pengalaman empiris, hujahan rasional, intuisi atau ilham, dan khabar yang benar.

Akhhlak

Secara kasar, akhlak merujuk keadaan jiwa yang mewarnai dan menerbitkan tingkah laku insan. dari sudut tanggungjawab, akhlak mengatur dan menyelaraskan empat hubungan asas, iaitu hubungan insan dengan Tuhan, hubungan insan dengan diri sendiri, hubungan insan dengan masyarakat, dan hubungan insan dengan alam sekitar. Dari sudut amalan pula, akhlak dimanifestasikan dalam beberapa konteks umum yang saling berkait antara satu sama lain seperti akhlak perseorangan, akhlak kekeluargaan, akhlak kemasyarakatan, akhlak kenegaraan, dan akhlak peribadatan khusus.

Secara khusus, istilah akhlak berasal daripada perkataan Arab *akhlaq*, iaitu kata jamak bagi istilah *khuluq* yang bermaksud keadaan jiwa yang mendorong manusia untuk melakukan tindakan dan tingkah laku tanpa pertimbangan yang terperinci, penelitian yang mendalam, atau pemikiran yang panjang, sebab tindakan dan tingkah laku tersebut sudah menjadi tabiat dan kebiasaan bagi mereka. Sebaliknya, tindakan, kecenderungan, atau tingkah laku yang jarang dilakukan, tingkah laku yang tidak berterusan, atau tingkah laku yang tidak menjadi kebiasaan bukan merupakan contoh akhlak (Nik Azis, 2012).

Menurut Al-Ghazali (1988), akhlak merupakan gambaran tentang keadaan dalam diri manusia yang telah sebatи dan daripadanya terbit tingkah laku secara mudah dan senang tanpa memerlukan pertimbangan atau pemikiran. Seterusnya, beliau menyatakan akhlak sangat penting dan pengaruhnya sangat besar dalam membentuk tingkah laku manusia. Apa saja yang lahir dari manusia atau segala tindak-tanduk manusia adalah sesuai dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwanya.

Seterusnya, menurut Al-Ghazali (2003), semua sifat yang ada dalam hati akan melahirkan pengaruh atau tandanya pada anggota manusia sebab beliau menegaskan bahawa tidak ada satu perbuatan pun melainkan semuanya, mengikut apa yang ada dalam hati manusia.

Tingkah laku atau perbuatan manusia mempunyai hubungan yang erat dengan sifat dan pembawaan dalam hatinya seumpama pokok dengan akarnya. Misalnya, tingkah laku atau perbuatan seseorang akan baik apabila baik akhlaknya, contohnya pokok, apabila baik akarnya maka baiklah pokoknya. Apabila rosak akar, maka akan rosaklah pokok dan cabangnya. Allah berfirman: “Dan tanah yang baik, tanamannya tumbuh subur dengan seizin Allah, dan tanah yang tidak subur, tanamannya hanya tumbuh merana. Demikianlah Kami mengulangi tanda-tanda kebesaran (Kami) bagi orang-orang yang bersyukur ” (Surah *al A’raf* 7:58).

Seterusnya, akhlak merujuk perkara yang merangkumi seluruh kehidupan manusia seperti disiplin diri, aktiviti harian, sikap, watak, gaya hidup, corak pemikiran, perilaku, dan cara pembawaan diri dalam pergaulan sesama manusia (Nik Azis, 1999a). Sebagai tambahan, akhlak dirumuskan sebagai perkara yang merangkumi beberapa dimensi psikologi, iaitu sikap, sifat, tingkah laku, dan amalan secara langsung seperti keimanan kepada Allah dan Rasul, iaitu sikap, redha dengan ujian Allah, iaitu sifat, berdoa dengan penuh ketakutan dan mengharap, iaitu tingkah laku, dan melakukan solat fardhu lima waktu sehari semalam, iaitu amalan secara langsung (Halim, 2002).

Akhhlak yang baik

Akhhlak yang baik merujuk sifat baik (mahmudah) seperti adil, amanah, jujur, dan penyayang. Akhhlak yang mulia terbentuk daripada cantuman disiplin yang tinggi, amalan yang soleh, sikap yang positif, watak yang baik, gaya hidup yang kemas dan bersih, pemikiran yang luas dan terbuka, emosi yang matang, pegangan hidup yang penuh beriman, perilaku yang bersopan santun, dan pergaulan yang beradab.

Apabila individu memainkan peranan yang sewajarnya, maka wujudlah keadilan, iaitu menempatkan sesuatu pada tempatnya yang wajar dan tepat. Untuk mengenali dan memahami tempat yang tepat dan benar bagi sesuatu perkara memerlukan ilmu yang benar. Ilmu tersebut pula diperoleh melalui pendidikan, dalam mana pendidikan ditakrifkan sebagai ta'dib dan bukan tarbiah. Istilah tarbiah merujuk proses yang terbatas kepada aspek fizikal dan emosi bagi pertumbuhan dan perkembangan manusia. Pendidikan sebagai ta'dib membabitkan pengembangan adab dan akhlak (Nik Azis, 2012).

Akhhlak yang buruk

Akhhlak yang buruk merujuk akhhlak yang dibentuk berasaskan unsur syahwat, marah, dan kesyaitanan berkembang menjadi unsur yang dominan (Nik Azis, 2012). Unsur syahwat, marah, kesyaitanan, dan ketuhanan merupakan empat blok asas bagi pembentukan akhhlak manusia (Al-Ghazali, 1992). Sekiranya tiga dari blok ini, iaitu unsur syahwat, marah, dan kesyaitanan berkembang menjadi unsur yang dominan, maka manusia tidak akan berjaya membentuk akhhlak yang mulia.

Menurut Nik Azis (2014), semua bentuk kehidupan manusia di dunia merupakan kehidupan yang berada dalam proses kembali kepada Allah. Manusia pada tabiatnya adalah pelupa dan pelalai, dan keadaan ini boleh membuat mereka cenderung kepada maksiat, kejahilan, ketidaktaatan, dan kezaliman. Bagi Muslim, hanya kehidupan beragama secara Islami dapat membantu mereka mencapai kebahagiaan, kesejahteraan, dan kecemerlangan hidup duniawi dan ukhrawi.

Limitasi dan Delimitasi

Kajian ini mengandungi beberapa limitasi, yang mana tiga daripadanya adalah berkaitan dengan reka bentuk kajian, teknik pengumpulan data, dan masalah temu duga yang dikemukakan.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang mempunyai beberapa kelemahan. Misalnya, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi tetapi boleh menyokong implikasi kepada teori. Jangka masa yang diambil untuk menjalankan kajian ini adalah panjang dan melibatkan pengumpulan data yang banyak.

Kajian kes merupakan kajian yang bersifat intensif dan melibatkan bilangan subjek yang kecil dari sebuah sekolah. Oleh sebab itu, hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada sampel yang lebih besar. Kemungkinan, murid lain akan menghasilkan corak pemikiran yang berbeza daripada murid dalam kajian ini

disebabkan corak pemikiran setiap individu adalah unik. Namun begitu, murid juga berkemungkinan menghasilkan corak pemikiran yang tidak jauh berbeza daripada murid dalam kajian ini.

Kedua, teknik temu duga klinikal memerlukan kecekapan pengkaji mentafsirkan tingkah laku murid. Pengkaji perlu memberi makna secara berterusan kepada gerak balas dan tindakan murid. Pengkaji yang kurang mahir dalam mentafsir gerak balas murid terhadap terhadap soalan yang dikemukakan tidak dapat mencungkil kekuatan dan kelemahan pemikiran murid dan sukar memperoleh gambaran murid tentang makna akhlak yang dimiliki oleh mereka.

Ketiga, walaupun tugasan yang dikemukakan dalam temu duga dibina dalam bentuk yang sesuai dengan kebolehan dan tahap pemikiran murid, namun pemerhatian dan penelitian pengkaji bukan satu proses pengumpulan data secara pasif. Tafsiran tentang tingkah laku murid yang diperhatikan tertakluk pada perspektif dan matlamat yang ditetapkan oleh pengkaji. Kualiti pemerhatian dan pentafsiran yang dibuat oleh pengkaji banyak bergantung pada pengalaman berinteraksi dengan murid dan pengetahuan tentang akhlak yang dimiliki oleh murid.

Walaupun persediaan awal yang rapi dibuat, fleksibiliti dalam menyoal tugasan temu duga dan kebebasan menyoal secara spontan merupakan dua ciri penting temu duga klinikal. Semasa sesi temu duga, ada kemungkinan beberapa soalan perlu ditambah bergantung kepada gerak balas murid. Gerak balas atau respon murid dalam temu duga merupakan satu perkara yang sukar dijangka. Walau bagaimanapun, pengkaji bertanggung jawab membentuk soalan spontan berdasarkan gerak balas murid. Seterusnya, kajian ini mempunyai beberapa delimitasi, yang mana tiga daripadanya membabitkan pemilihan topik, pemilihan subjek kajian, dan perkara yang dianalisis.

Dalam kajian ini, satu topik sahaja yang dipilih, iaitu akhlak. Saya hanya mengkaji topik pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Masalah keruntuhan

akhlak dalam kalangan murid, gejala ponteng sekolah, masalah sosial remaja, dan aspek lain dalam pendidikan Islam tidak diteliti dalam kajian ini.

Kedua, pemilihan subjek kajian membabitkan lapan orang murid yang diminta memberi penjelasan mereka tentang konsepsi akhlak. Subjek terdiri daripada murid Tahun Lima dari sebuah sekolah kebangsaan dan tidak melibatkan murid dari peringkat lain, seperti Tahun Empat, Tahun Enam, atau murid dari sekolah lain.

Akhirnya, perkara yang dianalisis hanya bertumpu kepada tiga konteks, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam makna akhlak, perkara yang diteliti termasuklah makna akhlak baik dan akhlak buruk. Hubungan akhlak membabitkan hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi, manakala pembentukan akhlak membabitkan peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Pemahaman akhlak dalam kalangan murid sekolah menengah, pembangunan akhlak menurut Al-Ghazali, cabaran kritikal dalam pendidikan akhlak, dan pembentukan akhlak remaja masa kini tidak diteliti dalam kajian ini.

Signifikan Kajian

Kajian ini adalah penting atas beberapa alasan seperti hasil kajian boleh membekalkan maklumat tambahan kepada para guru mengenai proses pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Berdasarkan maklumat tersebut, guru dan pihak yang berkaitan dengan institusi pendidikan dalam negara boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk mengenal pasti pemahaman murid yang melibatkan modul adab dalam Pendidikan Islam Tahun Lima khasnya, dan mata pelajaran Pendidikan Islam umumnya.

Seterusnya, guru dapat merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna untuk komponen akhlak supaya mereka dapat memberikan penghayatan

yang maksimum kepada murid dan menjadi amalan dalam keseluruhan kehidupan mereka. Di samping itu, guru dapat merancang tindakan susulan yang perlu sekiranya terdapat kelemahan dalam pemahaman dan penghayatan murid terhadap akhlak. Justeru, mutu pengajaran guru dan prestasi serta akhlak murid terus mungkin dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, hasil kajian ini berpotensi untuk memberi panduan kepada penulis modul dan buku teks dalam merangka rancangan pelajaran yang lebih fleksibel dan memberi kesan terhadap pendidikan dan pembelajaran akhlak terutama dalam rancangan pelajaran Pendidikan Islam Tahun Lima. Jikalau komponen akhlak yang digubal itu bertepatan dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran murid Tahun Lima, ia dapat memberi impak yang positif kepada murid.

Akhir sekali, kajian ini mungkin boleh memberi impak kepada penggubal dasar pendidikan Islam yang mana dapatan yang diperolehi boleh memberi maklum balas tentang keperluan untuk penambahbaikan kurikulum semasa dalam meningkatkan pemahaman murid tentang akhlak. Dengan kata lain, kualiti kurikulum mungkin dapat diperbaiki demi kebaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam komponen akhlak.

Rumusan

Bab Satu meletakkan asas bagi laporan kajian ini. Ia menggariskan latar belakang kajian dan mengenal pasti beberapa isu atau masalah kritikal yang berkaitan dengan bidang kajian. Kemudiannya, satu masalah kajian telah dipilih dan diuraikan serta justifikasi bagi pemilihan tersebut telah dilakukan. Seterusnya, penerangan diberikan tentang kerangka teori, tujuan kajian, dan soalan kajian. Akhir sekali, definisi istilah dikemukakan, limitasi dan delimitasi kajian diuraikan, dan signifikan kajian dibincangkan.

Berdasarkan asas ini, laporan kajian maju ke hadapan untuk menjelaskan dengan terperinci tinjauan literatur dalam Bab Dua, metodologi kajian dalam Bab Tiga, hasil kajian dalam Bab Empat, dan perbincangan, kesimpulan, dan implikasi kajian dalam Bab Lima. Seterusnya, segala rujukan disenaraikan di bawah tajuk Rujukan, manakala bahan sokongan dan tambahan pula dilampirkan di bawah tajuk Lampiran.

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

Pengenalan

Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi perbincangan tentang teori dalam kajian ini dan perbandingan antara perspektif teori. Teori yang digunakan untuk kajian ini adalah perspektif bersepadaunegatif, yang mana teori ini dibandingkan dengan konstruktivisme radikal untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan antara dua teori tersebut. Bahagian kedua pula berkisar pada perbincangan lanjut tentang istilah pemahaman dan akhlak, dan akhir sekali, perbincangan tentang kajian lepas yang berkaitan dengan akhlak.

Beberapa teori tentang akhlak, moral, dan etika

Dalam bahagian ini, beberapa teori tentang akhlak, moral, dan etika dibincangkan dengan lebih teliti. Berikut ialah perbincangan tentang beberapa teori yang berkaitan dengan akhlak, moral, dan etika.

Teori Etika Kebaikan

Pendukung teori aretaik berpendapat bahawa terdapat sedikit sekali atau mungkin tiada langsung perbuatan yang pada asalnya bersifat baik atau buruk secara automatik. Sebaliknya, keadaan memainkan peranan dalam menentukan baik buruknya perbuatan tersebut. Mengikut pendukung teori aretaik seperti Aristotle, cara terbaik untuk membincangkan etika adalah dengan bertanya tentang perkara yang membuat seseorang menjadi orang yang baik, dan kualiti yang membezakan orang baik daripada orang jahat (Nik Azis, 2009). Apabila soalan ini dapat dijawab, maka soalan tentang perbuatan yang dianggap baik juga terjawab. Misalnya, perbuatan yang baik adalah

perbuatan yang dilakukan oleh orang yang baik. Teori etika kebaikan memberi penekanan kepada peranan utama yang dimainkan oleh motif dalam perkara yang membabitkan moral. Misalnya, pendukung teori kebaikan menganggap bahawa perbuatan yang baik berasaskan dorongan tertentu. Oleh itu, pandangan bahawa kebaikan tertentu diperlukan untuk membuat keputusan yang betul mengimplikasikan bahawa keputusan moral yang betul memerlukan motif yang betul.

Teori etika kebaikan mencirikan baik dan buruk dari sudut kebaikan tradisi, iaitu yang membuat seseorang menjadi orang yang baik. Menurut Aristotle, perkara yang penting ialah etika, iaitu perkara yang berkaitan dengan perwatakan. Fokus Aristotle ialah kepada watak yang cemerlang atau kebaikan moral seperti ramah mesra, kejujuran, keadilan, dan keberanian (Nik Azis, 2009). Bagaimanapun, Aristotle tidak membicarakan tentang tanggungjawab atau tugas moral. Sebaliknya, memberi tumpuan pada perkara yang membuat manusia menjadi benar-benar gembira. Kegembiraan yang sebenar disebut sebagai eudaimonia, iaitu segar-bugar, sejahtera, perihal kepuasan diri, dan sempurna kendiri. Menurut Aristotle, manusia dapat membuat keputusan tentang tindakan yang bermoral dengan mempertimbangkan dua sikap atau tindakan yang ekstrem seperti jujur-tidak jujur, sabar-tidak sabar, berani-penakut, rajin bekerja-malas bekerja. Selepas mempertimbangkan tindakan yang ekstrem, manusia dapat memahami tindakan pertengahan atau tindakan yang wajar untuk diambil.

Asasnya, terdapat tiga langkah yang mendasari pandangan Aristotle: (a) matlamat akhir tindakan manusia ialah kegembiraan, (b) kegembiraan terdiri daripada melakukan tindakan dengan berpandukan alasan dan penilaian rasional, dan (c) tindakan mengikut alasan yang rasional merupakan ciri utama bagi semua kebaikan tradisional. Aristotle berpendapat bahawa manusia mempunyai peranan khusus. Peranan tersebut ialah untuk menjalani kehidupan yang sejahtera sebagai manusia yang memerlukan

pematuhan kepada perkara yang ditentukan secara rasional dan bertindak selaras dengan kebaikan tradisional.

Teori Utilitarianisme

Kata dasar bagi utilitarianisme ialah “utiliti” yang bermaksud “berfaedah”. Jikalau sesuatu perbuatan dianggap berfaedah (akibat perbuatan tersebut adalah diingini) dalam jangka pendek, ia disebut sebagai utilitarianisme tindakan. Jika sesuatu perbuatan adalah berfaedah dalam jangka panjang (mewujudkan teladan yang akan diikuti), ia disebut sebagai utilitarianisme peraturan. Utiliti adalah ukuran bagi akibat atau natijah sesuatu tindakan (Nik Azis, 2009). Sesetengah tindakan membawa beberapa keseronokan dan kesakitan. Perbezaan antara kedua-dua perkara ini, iaitu perbezaan bersih antara keseronokan dan kesakitan adalah utiliti bagi tindakan tersebut. Dengan kata lain, tindakan M boleh memiliki utiliti yang lebih tinggi daripada tindakan N walaupun M tidak menghasilkan sebarang keseronokan. Keadaan ini berlaku apabila M membawa lebih sedikit kesakitan berbanding dengan N. Utilitarianisme menegaskan bahawa dalam sebarang keadaan, perkara yang betul untuk dilakukan dari segi moral adalah untuk bertindak sedemikian rupa bagi memaksimumkan utiliti.

Menurut Nik Azis (2009), pandangan utilitarianisme boleh digunakan dalam semua aspek kehidupan (doktrin menyeluruh) atau dalam aspek tertentu sahaja (doktrin politik). Utilitarianisme menyeluruh membabitkan pandangan bahawa membuat sesuatu tindakan itu benar atau salah ditentukan oleh standard utilitarian, dan standard itu turut menjelaskan kepada kita bentuk kerajaan, institusi sosial, dan polisi yang adil atau tidak adil. Utilitarian politik pula membabitkan penggunaan utilitarianisme dalam struktur politik masyarakat yang khusus sahaja, dan bukan dalam semua ruang praktikal yang membabitkan tindakan peribadi individu yang hidup dalam masyarakat dan struktur politik masyarakat. Pada peringkat awal kemunculannya, utilitarianisme tidak

membezakan jenis keseronokan. Kemudiannya, pendukung utilitarianisme membentuk versi yang lebih sofistikated iaitu keseronokan boleh membabitkan tahap tinggi atau rendah. Menurut Nik Azis (2009), keseronokan tahap tinggi (misalnya, keseronokan yang diperoleh melalui usaha intelektual) mempunyai timbangan yang lebih berat berbanding dengan keseronokan tahap rendah (misalnya, keseronokan yang diperoleh melalui sensasi). Implikasi daripada pandangan ini ialah kita perlu diambil kira kedua-dua aspek kualiti dan kuantiti keseronokan atau kegembiraan semasa mempertimbangkan apa tindakan yang akan dilakukan. Versi moden bagi utilitarianisme telah mengetepikan idea tentang usaha untuk memaksimumkan keseronokan dan mengantikannya dengan idea tentang usaha untuk memaksimumkan pemuasan semua minat dan pilihan rasional orang yang relevan.

Perspektif Bersepadu Sejagat

Perspektif Bersepadu Sejagat adalah pendekatan yang wujud semenjak awal sejarah kehidupan manusia. Antara lain, perspektif tersebut membabitkan idea tentang falsafah, psikologi, dan sosiologi (Nik Azis, 2009). Sebelum abad ke-19, psikologi merupakan satu cabang falsafah. Namun begitu, gerakan kebangkitan massa menentang cengkaman agama Kristian Barat yang menghasilkan pemisahan domain keduniaan dari domain keagamaan turut membuka ruang kepada pemisahan psikologi dari bidang falsafah. Dalam domain keduniaan, usaha telah dilakukan dalam budaya Barat moden untuk membebaskan manusia daripada pengaruh agama dan kemudiannya daripada kawalam metafizik terhadap fikiran, bahasa, dan tindakan manusia. Menurut Syed Muhammad Naquib (1995), proses yang dikenali sebagai sekularisasi, mengubah orientasi kehidupan manusia dari kehidupan yang berpusatkan Pencipta kepada kehidupan yang berpusatkan manusia. Fokus perbincangan pendukung sekularisme

tentang kehidupan manusia adalah pada keperluan masa kini dan dalam lokasi keduniaan atau kebendaan semata-mata.

Sekularisasi dianggap sebagai satu bentuk perkembangan pembebasan, dalam proses tersebut berusaha untuk mengetepikan agama dan sokongan metafizik dalam kehidupan manusia dan membebaskan manusia untuk bertindak dengan berpandukan akal rasional semata-mata. Dalam zaman kesedaran pada abad ke-18, akal fikiran dianggap sebagai sumber dan asas utama bagi autoriti. Zaman tersebut juga dikenali sebagai zaman rasionalisme atau realisme atau objektivisme. Perspektif bersepadaus sejagat adalah pendekatan yang bertentangan dengan sekularisme dan rasionalisme.

Dalam aspek falsafah, PBS membabitkan kepercayaan bahawa kehidupan dapat dijalankan secara terbaik dengan menggunakan kaedah dan adab, dan alam ini dapat difahami secara terbaik melalui proses yang berpaksikan keimanan dan ketakwaan kepada Tuhan. PBS merupakan ideologi dengan ajaran agama dianggap sebagai kunci dan tapak bagi memahami alam ini dan menjalankan kehidupan dunia dan ukhrawi dengan cara terbaik (Nik Azis, 2009). Menurut PBS, urusan pentadbiran negara tidak boleh dipisahkan dari urusan agama. Pemerintahan negara dan kehidupan harian tanpa kerohanian yang bercirikan keimanan dan ketakwaan bukan sahaja mendorong kerosakan kepada manusia, tetapi juga kerosakan kepada alam sekitar. Ringkasnya, pendukung PBS menegaskan bahawa seluruh aktiviti manusia mestilah berpandukan ajaran dan pertimbangan agama. Kemajuan dan perkembangan yang sebenar tidak dapat dicapai jika manusia mengetepikan peranan Tuhan dalam sistem berfikir dan bertindak mereka. Hakikatnya, perkembangan dan kemajuan merujuk usaha untuk kembali kepada ajaran agama sebenar dan merujuk kepada diri insan dan cara mereka kembali kepada sifat fitrah seperti yang dijelaskan oleh ajaran agama.

Menurut Nik Azis (1994), perspektif bersepadaus menjelaskan bahawa akhlak manusia terbentuk berdasarkan unsur syahwat, marah, kesyaitanan, dan ketuhanan. Jika

unsur syahwat, marah, dan kesyaitanan dikembangkan dan menjadi berpengaruh, maka manusia tidak akan berjaya membentuk akhlak yang mulia. Pada asasnya, nilai nisbi dalam budaya barat yang sekular adalah nilai yang berpunca daripada unsur syahwat, marah, dan kesyaitanan. Sebaliknya, jika unsur syahwat, marah, dan ketuhanan dikembangkan, dididik, dan dikawal dengan betul melalui daya intelek dan keimanan kepada Allah, maka manusia akan mencapai keunggulan peribadi dan ketinggian akhlak.

Pada hakikatnya, manusia terletak antara haiwan yang rendah dan malaikat yang tinggi, sebab manusia memiliki ciri semula jadi keduanya. Semakin ketara manusia mengabaikan ciri kemalaikatannya, maka semakin dekat ia kepada pangkuhan haiwan dan syaitan. Sebaliknya, semakin banyak manusia mengembangkan ciri kemalaikatannya, maka ia semakin menyerupai malaikat. Tetapi manusia tidak sama dengan malaikat kerana malaikat tidak memiliki unsur syahwat dan marah. Namun begitu, manusia mampu mencapai kedudukan yang tinggi daripada malaikat sekiranya ia berjaya mengembangkan ciri asal dan semula jadinya dengan sempurna (Langgulung, 1983).

Dalam Islam, setiap perbuatan manusia diukur mengikut tepat tidaknya perbuatan itu dengan peraturan yang ditetapkan syariah Islam. Dalam proses pengukuran itu, perbuatan manusia dikelaskan sebagai wajib, sunat, harus, makruh, atau haram. Sistem pengelasan ini menunjukkan pentingnya pahala dan dosa sebagai kesan atau akibat dalaman bagi setiap perbuatan manusia. Al-Ghazali (1988) menjelaskan bahawa pembentukan budi pekerti yang baik mestilah berteraskan empat kekuatan utama, iaitu kekuatan ilmu, kekuatan syahwat, kekuatan marah, dan kekuatan keadilan.

Menurut perspektif bersepadu sejagat, manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang bersifat istimewa. Manusia diberikan ciri yang khusus untuk membolehkan mereka menanggung amanah Allah yang tidak tertanggung oleh makhluk yang lain.

Berakhhlak mulia merupakan satu daripada ciri tersebut. Perspektif ini memberi perhatian kepada aspek rohani, jasmani, dan akal manusia (Nik Azis, 1999).

Perspektif bersepadu sejagat merupakan satu pandangan yang memberi tumpuan kepada penyepaduan unsur kebendaan dengan unsur kerohanian dan memberi tempat yang khusus kepada peranan Pencipta dalam menganalisis unsur ontologi, epistemologi, aksiologi, kosmologi realiti, hierarki ilmu, keperluan asas dan tujuan hidup.

Menurut Nik Azis (1992), perspektif bersepadu menjelaskan bahawa tujuan asas hidup ialah manusia harus menjalani tugas sebagai hamba dan petugas Tuhan di bumi. Kuasa pemerintahan secara mutlak ialah hak Tuhan dan manusia hanya menjalankan amanah yang ditentukan oleh Tuhan. Kemuliaan seseorang diukur dari segi ketaqwaan, bukan dari segi pangkat, keturunan, atau kekayaan. Menurut perspektif bersepadu, pendidikan merupakan suatu proses dalam mana pelajar dibimbing untuk membina skim tindakan, skim operasi, dan skim adab yang mantap. Perspektif bersepadu menegaskan bahawa pembelajaran adalah hasil daripada usaha murid sendiri dan guru tidak boleh belajar untuk murid. Dengan itu, pembelajaran membabitkan pembinaan ilmu oleh individu mengikut kebolehan masing-masing. Realiti bukanlah satu fenomena yang wujud secara bebas di luar pemikiran individu. Sebaliknya, realiti itu wujud dalam pemikiran individu itu sendiri.

Perspektif bersepadu sejagat berbeza dengan konstruktivisme radikal. Pada asasnya, konstruktivisme radikal adalah suatu gagasan epistemologi genetik yang membicarakan tentang pembentukan dan pengertian pengetahuan yang dimiliki oleh manusia. Implikasi gagasan itu ialah konstruktivisme radikal bukan satu orientasi yang mendakwa dapat membantu manusia membentuk gambaran sebenar dan muktamad tentang alam ini. Sebaliknya, pendekatan itu hanya merupakan satu cara berfikir yang agak koheren dan tidak bercanggah yang mungkin dapat membantu manusia untuk membincangkan alam yang dialami oleh mereka. Dengan kata lain, konstruktivisme

radikal merupakan satu bentuk epistemologi, iaitu penjelasan falsafah tentang cara manusia mengetahui sesuatu perkara secara rasional. Satu perkara menarik yang ditonjolkan oleh konstruktivisme radikal ialah pendekatan ini meletakkan tanggungjawab untuk bertindak, berfikir, dan membina pengetahuan di atas bahu setiap individu (Nik Azis, 1999).

Konstruktivisme radikal dibentuk berlandaskan pendekatan falsafah yang menganggap manusia sebagai satu organisme yang aktif tetapi tidak mempunyai kebolehan untuk mengetahui realiti ontologi, iaitu realiti yang wujud secara bebas daripada cara manusia mengetahuinya. Realiti yang diketahui oleh manusia merupakan realiti yang mereka bina sendiri dengan menggunakan persepsi dan pengalaman mereka, yang semuanya diwarnai oleh struktur konsepsi (skim kognitif, konsep, teori, model, dan paradigma) sedia ada (Nik Azis, 1999).

Menurut perspektif bersepodu sejagat, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah berlandaskan teknik temu duga berasaskan kepada temu duga klinikal disemak yang digunakan Piaget (Nik Azis, 1996). Teknik itu membabitkan tiga komponen atau prosedur asas, iaitu pemerhatian, penyoalan, dan penilaian. Melalui teknik ini, pemerhatian dibuat secara langsung ke atas tingkah laku yang dipaparkan oleh subjek kajian semasa menyelesaikan masalah tertentu dalam konteks satu dengan satu bagi mengenal pasti pengetahuan yang dibina oleh murid melalui pengalaman mereka. Dalam konteks ini, kaedah pengumpulan data adalah sama seperti yang dijalankan dalam kajian berasaskan kepada konstruktivisme radikal. Walau bagaimanapun, konstruktivisme radikal adalah teori yang berasaskan kepada pandangan barat yang sekular, jika dibandingkan kepada perspektif bersepodu yang berasaskan kepada espitemologi Islam yang mana lebih sesuai digunakan dalam kajian ini.

Berhubung dengan kaedah penganalisisan data, perspektif bersepodu sejagat menganjurkan analisis data yang dibuat dalam lima peringkat, iaitu rakaman audio atau

video temu duga klinikal ditranskripkan kepada bentuk bertulis, data mentah dalam bentuk transkripsi diolah dan disusun mengikut tema tertentu selaras dengan tugasan yang dikemukakan semasa temu duga untuk menghasilkan protokol temu duga, kajian kes dibentuk berdasarkan maklumat daripada protokol temu duga dan catatan pengkaji mengikut tema kajian yang telah ditetapkan selaras dengan soalan yang dikemukakan semasa temu duga, analisis merentas subjek kajian dibuat, tingkah laku subjek dikenal pasti berdasarkan tema dan analisis kajian kes, dan rumusan pengetahuan tentang tingkah laku dibuat berdasarkan tingkah laku subjek kajian yang telah dikenal pasti.

Dalam hal ini, konstruktivisme radikal juga menganjurkan kaedah penganalisisan data yang sama dengan perspektif bersepadu sejagat, walau bagaimanapun pendekatan ini hanya sesuai dijalankan kepada kajian yang membabitkan pendidikan matematik berbanding dengan perspektif bersepadu sejagat yang lebih sesuai dijalankan dalam kajian ini yang berasaskan kepada pendidikan Islam.

Menurut perspektif bersepadu sejagat, tafsiran dan perbincangan merentasi subjek kajian dibuat berdasarkan analisis dapatan kajian utama berserta dapatan kajian sampingan yang diperoleh dari tiga peringkat temu duga. Tafsiran dan perbincangan ini banyak bergantung kepada kecekapan pengkaji semasa menganalisis dan mentafsirkan tingkah laku lisan dan bukan lisan subjek kajian. Dengan kata lain, penafsiran tentang konsep akhlak yang dimiliki subjek kajian dibina oleh setiap murid berdasarkan pengalaman empiris dan pengalaman sendiri yang boleh disusur galur kepada interaksi sosial dan perkara asas dalam pembinaan pengetahuan ialah pendalilan rasional yang dikenal pasti dan dibentuk melalui tafsiran yang dibuat pengkaji sepanjang sesi temu duga dijalankan. Sebaliknya, pendekatan konstruktivisme radikal menganjurkan penafsiran tentang sesuatu konsep yang dimiliki oleh subjek kajian terdiri daripada sesuatu yang dipersepsikan, dikonsepsikan, dan direka pengkaji semata-mata, dan ia dibentuk melalui tafsiran yang dibuat pengkaji sepanjang sesi temu duga dijalankan.

Ringkasnya, perspektif bersepada sejagat adalah lebih sesuai digunakan untuk membantu saya membuat tafsiran data, perbincangan tentang dapatan kajian, dan menjawab soalan kajian.

Jelas di sini, perspektif bersepada merupakan kerangka teori yang sesuai digunakan untuk mengkaji pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak, yang mana teori ini berdasarkan kepada epistemologi dan pendekatan Islam, seterusnya dapat memberi panduan dalam menjawab dan merungkai persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, tiga tugasan berbeza dibentuk bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman tentang akhlak yang dimiliki oleh murid. Secara kasar, pemahaman tentang akhlak diteliti melalui tiga aspek utama. Pertama, tugasan tentang makna akhlak, yang bertumpu kepada akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak yang berbeza, perkara berkaitan dengan akhlak, cara untuk membentuk akhlak baik, dan cara untuk menentukan baik buruk akhlak.

Seterusnya, yang kedua, tugasan tentang hubungan akhlak, yang bertumpu kepada hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi. Akhir sekali ialah tugasan tentang pembentukan akhlak, yang bertumpu kepada peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji pemahaman murid tentang akhlak berlandaskan perspektif bersepada sejagat.

Menurut perspektif bersepada, konstruk tentang pemahaman boleh diteliti dari tujuh aspek yang membabitkan makna akhlak, perkaitan akhlak, jenis akhlak, dan penaakulan akhlak. Seterusnya, konstruk tentang kandungan akhlak dalam kajian ini diteliti dari tiga aspek berbeza, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Kedua-dua konstruk tentang pemahaman dan kandungan akhlak ini membentuk konstruk soalan dalam kajian ini, iaitu pertama, apakah makna akhlak, akhlak yang


baik, dan akhlak yang buruk menurut tanggapan murid Tahun Lima?; kedua, apakah jenis akhlak yang berbeza serta perkara yang berkaitan dengan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?; ketiga, apakah hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi menurut tanggapan murid Tahun Lima; keempat, apakah peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?; kelima, bagaimanakah sesuatu akhlak menjadi buruk?; dan akhir sekali soalan keenam, iaitu bagaimanakah cara untuk membentuk akhlak yang baik dan cara untuk menentukan buruk baik sesuatu akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima? Ringkasnya, kesemua konstruk soalan tersebut menjurus kepada pemahaman murid tentang akhlak. Secara terperinci, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada akhlak dari sudut makna, hubungan, dan pembentukan akhlak sahaja.

Pengetahuan dan Pemahaman

Istilah *memahami* merujuk mengetahui, memiliki idea, mempunyai pengetahuan, memaklumi, menanggapi, memafhami, atau mengerti akan andaian, asal usul, batasan, cirri, erti, faedah, fungsi, hakikat, implikasi, keadaan, kebaikan, kegunaan, kepentingan, kualiti, kuantiti, maksud, perwakilan, skop, status, tanda, atau taraf sesuatu perkara (Nik Azis, 2012). Memahami tidak dapat diperoleh melalui peniruan, pemindahan, penerapan, atau penyerapan, tetapi perlu dibina atau dijana oleh individu berdasarkan persepsi, konsepsi, dan tafsiran mereka tentang perkara yang dialami.

Pemahaman tidak boleh dibina daripada cebisan pengetahuan yang diterima daripada persekitaran, tetapi pembinaannya membabitkan proses rekursif, dalam mana *blok binaan* bagi sesuatu pemahaman terdiri daripada hasil aktiviti pembinaan yang terdahulu. Pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu tidak menggambarkan dunia sebenar, tetapi berkaitan dengan cara individu tersebut berkembang dalam proses

mentafsirkan dunia yang dialami olehnya. Dengan kata lain, mengetahui adalah proses yang adaptif, aktif, individual, peribadi, dan berdasarkan pengetahuan yang dibina sebelumnya. Namun begitu, interaksi sosial merupakan satu faktor penting bagi proses mengetahui (Nik Azis, 2012).



Rajah 1. Kerangka konseptual tentang pemahaman akhlak.

Istilah *pengetahuan* merujuk idea, gagasan, gambaran, konsepsi, matlamat, pandangan, tanggapan, skim bagi operasi mental, atau struktur mental yang dibentuk oleh individu yang berfikir, dan perkara itu berdaya maju dalam julat pengalaman semasa individu tersebut. Dengan kata lain, pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu terdiri daripada rangkaian perkara dan hubungan yang menjadi tempat bergantung bagi individu tersebut dalam menjalani kehidupan sehari-hari, dan dia percaya

bahawa orang lain juga bergantung pada perkara yang sama. Pengetahuan boleh dibina oleh seseorang individu dalam domain deria dan konseptual tentang perkara yang dialaminya tanpa merujuk realiti ontologi. Dalam penilaian akhir, apa yang penting ialah perkara yang dibina mestilah berfungsi, koheren, konsisten, berdaya maju, dan tidak melibatkan percanggahan (Nik Azis, 2012).

Pada asasnya, kajian ini bertumpu kepada pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak yang mana istilah pemahaman merupakan istilah yang sering diguna dalam kajian ini yang membabitkan konsep psikologi dari pelbagai perspektif yang berbeza. Huraian tentang istilah pemahaman ini sedikit sebanyak boleh memberikan maklumat tambahan tentang makna bagi konsep psikologi yang digunakan dalam kajian.

Akhhlak

Menurut Al-Ghazali (2003), akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa dan tidak memerlukan sebarang pertimbangan serta sifat tersebut mendorong ke arah pelbagai perbuatan yang baik dan yang buruk. Seterusnya, Al-Qaradhawi (1993) menyatakan akhlak mulia merupakan satu juzuk utama daripada pembentukan masyarakat Islam. Beliau menjelaskan orang yang berakhhlak mulia bersifat adil, suka melakukan kebaikan, bersifat kasihan belas kepada orang lain, bercakap benar, amanah, sabar, menepati janji, mulia, menjaga maruah diri, rendah hati, pemurah, berani, enggan melakukan kejahatan, suka berkorban, bersedia menghulurkan bantuan dengan kadar segera, penampilan bersih, bersikap sederhana dalam segala segi, suka memaafkan orang lain, memberi nasihat, boleh bekerjasama, membenci segala yang diharamkan Allah s.w.t, berupaya menundukkan nafsu syahwat dan sifat marah, berusaha melakukan sebanyaknya pelbagai amal kebaikan, mengutamakan orang lain berbanding diri sendiri, dan melakukan kebaikan kepada seluruh makhluk Allah s.w.t. Selanjutnya, Ibnu Miskawaih (1966) merumuskan bahawa akhlak ialah satu keadaan bagi diri atau

jiwa yang mendorong untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, sebab sudah menjadi sifat atau kebiasaan.

Ahmad (1974) memberi pengertian akhlak sebagai ‘iradat-iradat yang dibiasakan’, iaitu apabila sesuatu perbuatan yang berasaskan kemahuan atau iradat diulang-ulang, maka ia akan menjadi akhlak. Seterusnya, beliau menggambarkan akhlak sebagai ‘membiasakan sesuatu kecenderungan secara berkekalan’. Menurut Ahmad (1974), kecenderungan yang tidak menjadi kebiasaan yang berkekalan tidak boleh dinamakan sebagai akhlak. Nampaknya, pandangan beliau selari dengan konsep akhlak yang diberi oleh Al-Ghazali (2003) dan Ibnu Miskawaih (1966) yang menekankan unsur ketekalan sesuatu keadaan yang wujud dalam jiwa seseorang sehingga melahirkan perlakuan yang tekal dan mudah dalam apa jua keadaan yang dialaminya.

Dalam konteks sosial, akhlak merupakan elemen yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan, dan kesejahteraan. Keruntuhan nilai akhlak dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu (Najati, 1993), malah turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan sebab keruntuhan akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (Bennabi, 1998). Pengkaji barat sendiri menyedari kelemahan ini dan membuat kesimpulan tentang keperluan untuk kembali kepada unsur pemurnian akhlak terutama melalui agama (Mohd Sulaiman, 1992).

Pembentukan akhlak yang dilaksanakan menurut perspektif Islam adalah berdasarkan rangka syariat Allah s.w.t berasaskan akidah, dikawal oleh syariat, dan dihiasi dengan akhlak. Hanya kemajuan dan pembangunan yang menepati syariat ilahi sahaja yang mampu membawa manusia mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Jika sebaliknya, pasti akan mengundang keruntuhan dan kecelakaan di dunia dan akhirat (Al-Qardhawi, 2003).

Darraz (1973) menggariskan nilai akhlak yang dipetik dari al-Quran dan membahagikannya kepada lima kategori iaitu; nilai akhlak peribadi, nilai akhlak kekeluargaan, nilai akhlak kemasyarakatan, nilai akhlak kenegaraan, dan nilai akhlak keagamaan. Menurut Al-Zantaniy (1984) pula, akhlak membezakan manusia dengan haiwan. Jiwa manusia sudah terbiasa dengan menjaga akhlak dan melakukan suluk, ibadah, dan sebagainya. Jalaludin dan Usman (1994) pula membahagikan akhlak Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Sunnah kepada sembilan kategori utama, iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap rasul, akhlak terhadap Al-Quran, akhlak terhadap peribadi, akhlak terhadap kedua orang tua, akhlak terhadap anak, akhlak dalam rumah tangga, akhlak terhadap sesama manusia, dan akhlak terhadap lingkungan hidup.

Seterusnya, al-Ghazali (2003) meletakkan lima faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan akhlak seseorang, iaitu tazkiyah atau pembersihan jiwa, mujahadah atau melawan hawa nafsu, melazimi amalan kebaikan, membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak buruk, dan muqarabatullah atau pengawasan diri terhadap Allah. Walau bagaimanapun, hanya faktor tazkiyah atau pembersihan jiwa sahaja yang akan dihuraikan secara terperinci dalam bab ini. Kupasan ilmiah yang dijelaskan di atas nampaknya masih belum mampu menjawab persoalan asas yang dikemukakan dalam bab sebelumnya, iaitu "Apakah makna akhlak?" serta "Apakah makna akhlak baik?" dari perspektif murid Tahun Lima.

Tazkiyah al-Nafs

Dari sudut bahasa, tazkiyah bermaksud penyucian, pembersihan, dan penyuburan diri serta penyingkiran segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan segala perkara yang tidak baik. Dari segi istilah, tazkiyah mengandungi makna suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh untuk membersih dan menyucikan diri dari sifat buruk dan keji (mazmumah) yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak mulia

(mahmudah) seseorang insan. Seterusnya, penyucian diri itu diikuti dengan usaha pengisian dan perhiasan diri supaya proses tersebut menjadi lebih sempurna (Zarrina, 2007).

Tazkiyah melibatkan proses usaha dan kesungguhan seseorang insan dalam menyelesaikan konflik antara baik dan buruk yang wujud dalam jiwanya atau nafs (Zarrina, 2007). Jiwa atau *nafs* dalam bahasa Arab, dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *soul*, secara umumnya boleh difahami sebagai suatu jirim yang halus yang bergerak memberi kekuatan kepada kehidupan dan perasaan serta kehendak yang ada pada diri manusia (al-Jurjani, 2000).

Nafs atau jiwa ini merupakan suatu hasrat yang mencetuskan nilai kekuatan pada diri seseorang insan bagi mencapai naluri kemahuannya. Setiap yang dihasilkan melalui amal perbuatan merupakan lukisan kehidupan yang bermula dari suatu perasaan yang mengalir dalam jiwa untuk diterjemahkan menjadi kenyataan melalui perbuatan, sebab perbuatan manusia biasanya menurut acuan hasil dari perasaan yang terpendam di dalam hati. Dengan kata lain, jiwa ialah suatu bentuk ukiran pemikiran dan cita-cita, sama ada yang baik mahupun buruk yang terkandung di dalam hati. Kesimpulannya, persoalan seperti ”Apakah jenis akhlak yang berbeza serta perkara yang berkaitan dengan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima?” masih belum dijawab dengan mendalam dan teliti menurut pandangan murid Tahun Lima.

Pendidikan akhlak

Dalam akhlak, kandungannya ialah adab, manakala bentuk intipatinya ialah iman dan taqwa. Ini bermakna apabila menyebut konsep akhlak, ia secara langsung menyentuh adab yang mulia. Adab yang kata akarnya *addaba* bermaksud mengajarkan adab. Adab juga boleh membawa maksud adat kebiasaan. Tegasnya, ia menggambarkan satu kebiasaan, budi pekerti, dan perilaku yang diambil daripada orang yang dianggap

sebagai contoh (Al-Kaysi, 1997). Dalam konteks Islam sudah semestinya adab yang digariskan adalah bersumberkan wahyu Ilahi. Namun, pelaksanaan adab adalah mengikut keadaan dan tuntutan masyarakat setempat asalkan ia tidak bertentangan dengan prinsip dan syariat Islam. Menurut Al-Kaysi (1997), adab Islam bertujuan untuk menyusun kehidupan harian, yang memberikan ketenangan dan maruah. Justeru, adab Islam menyentuh soal kehidupan umat Islam dari sekecil-kecil perkara sehingga hal kepada perkara yang besar.

Islam sebagai *ad-din* amat menekankan kepada pendidikan akhlak. Sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud “Agama itu adalah nasihat,” (Mohd Yusuf, 2000) iaitu nasihat tentang yang betul dan yang salah. Tujuan utama perutusan Nabi Muhammad s.w.t kepada manusia juga memperlihatkan kepentingan nilai akhlak dalam Islam, sebagaimana sabda Rasulullah s.w.t yang bermaksud; “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia” (Mohd Yusuf, 2000). Oleh itu, menurut pandangan Islam nilai akhlak adalah sebahagian daripada Islam itu sendiri. Justeru, dalam Islam manusia yang paling tinggi statusnya adalah manusia yang paling mulia akhlaknya dan tinggi sifat taqwanya. Malah, tidak sempurna iman seorang muslim itu sekiranya dia tidak memiliki nilai akhlak yang mulia dan terpuji.

Dalam hal ini, banyak hadis yang menunjukkan kaitan iman dengan akhlak. Misalnya, “Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya” (Mohd Yusuf, 2000) dan “Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri” (Mohd Yusuf, 2000). Bagaimanapun, tidak bermakna bahawa dengan memiliki akhlak yang sempurna dan mulia sudah memadai untuk dikategorikan sebagai muslim yang benar-benar beriman.

Seterusnya, kepentingan peranan iman kepada umat Islam diutamakan sebab ia merupakan asas yang menentukan segala amalan dan perilakunya diterima Allah s.w.t. Tiada gunanya seseorang itu berakhlak atau bermoral tinggi, namun dia tidak

mempercayai dan patuh kepada peraturan dan hukum Allah s.w.t. Dalam hal ini, Tunku Sarah (1997) turut menegaskan bahawa penerapan nilai akhlak bermula daripada intipati tauhid kepada Allah s.w.t demi melahirkan insan yang soleh dan berakhhlak. Beliau membuat kesimpulan bahawa pengajaran nilai akhlak yang berkesan akan berlaku apabila dikaitkan dengan keimanan kepada Allah. Hanya apabila insan itu menyedari akan kehadiran Allah s.w.t, barulah dia akan mendidik hati dan diri dengan sebenarnya. Jelasnya, akhlak merupakan pelengkap kepada keimanan dan mencantikkan lagi ibadah yang dilaksanakan oleh seseorang muslim.

Akhhlak sangat ditekankan dalam Islam, malah ia merupakan sebahagian daripada Islam itu sendiri. Untuk memelihara kehidupan yang harmoni, maka penekanan kepada sudut keagamaan dan kerohanian amatlah penting terutama dalam penekanan iman yang berlandaskan tauhid kepada Allah s.w.t. Kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui daripada perilaku akhlaknya. Iman yang kuat akan melahirkan akhlak yang baik dan mulia, sedangkan iman yang lemah akan melahirkan akhlak yang buruk dan keji (Kamal, 1987). Dalam hal ini, peranan agama dan aspek rohani perlu ditekankan dalam apa juu bentuk pendidikan akhlak dan moral. Pendidikan akhlak berteraskan nilai agama adalah lebih sempurna dan menjamin melahirkan insan yang berkualiti sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi.

Walaupun telah dijelaskan betapa Islam mengambil berat tentang peranan iman dan rohani atau agama dalam pendidikan akhlak, namun terdapat pelbagai pandangan yang menolak kepentingannya. Misalnya, masyarakat Barat kini tidak pasti akan peranan agama berhubung dengan pendidikan nilai, moral, dan akhlak. Tidak keterlaluan jikalau dikatakan masyarakat Barat yang tidak beriman dan sekular sedang menolak kepentingan agama secara menyeluruh. Menerusi globalisasi, impaknya yang negatif ke atas masyarakat boleh menjadi sesuatu yang serius (Asmawati, 2005).

Walau apapun, keadaan seperti ini tidak berlaku di kebanyakan negara di rantau ini. Di Malaysia, pelbagai langkah telah diambil bagi menyedarkan masyarakat untuk kembali kepada nilai mulia. Ini merupakan satu petanda yang baik bagi kedua-dua pendidikan moral dan pendidikan agama. Perkara ini jelas dalam Rukun Negara dan cabaran keempat yang terkandung dalam Wawasan 2020, iaitu mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya, yang rakyatnya kuat beragama dengan nilai kerohanian serta disemai dengan nilai etika paling tinggi.

Terkini, Pelan Integriti Nasional (PIN) yang digubal oleh pihak kerajaan yang merangkumi semanagat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan serta falsafah dan prinsip Rukun Negara merupakan satu pelan induk dalam usaha membina masyarakat yang bermoral dan beretika. Penggubalan PIN juga bertujuan merealisasikan Wawasan 2020 yang menunjukkan kesungguhan negara memberikan penekanan kepada nilai agama dan kerohanian dalam membentuk peribadi mulia dan moral yang tinggi. Tegasnya, pendidikan agama dipercayai berupaya mempengaruhi cara pemikiran anak-anak khususnya remaja dan seterusnya tingkah laku mereka. Oleh itu suatu bentuk sistem pendidikan akhlak dan moral yang mengambil kira peranan dan nilai agama perlu diberi perhatian dan ditekankan ke atas pelajar (Asmawati, 2005).

Walau bagaimanapun, kupasan ilmiah mengenai pendidikan akhlak dan adab ini masih belum mampu menjawab persoalan asas yang dikemukakan dalam bab sebelumnya, iaitu “Apakah peranan keluarga dalam pembentukan akhlak ?“. Persoalan ini mesti dijawab secara mendalam dari perspektif murid berlandaskan perspektif bersepada yang dibentuk dalam acuan epistemologi Islam (lihat Nik Azis, 1994).

Penekanan Akhlak dalam Pendidikan Islam

Pendidikan akhlak berfokus kepada pembentukan peribadi pelajar ke arah tingkah laku muslim mukmin melalui pengetahuan dan pemahaman tentang peraturan

dan cara hidup muslim dalam hubungannya dengan Allah SWT, diri, keluarga, masyarakat, negara, dan alam sekitar (Asmawati, 2005).

Menurut Adnan (2003), setelah kurikulum pendidikan Islam dilaksanakan selama tiga tahun, suatu semakan semula telah dilakukan ke atas pendidikan akhlak. Beberapa perubahan telah dilakukan yang melibatkan juga perubahan pada kandungan kurikulum pendidikan akhlak dan kaedah penyampaiannya. Komponen itu kini dinamakan sebagai adab dan akhlak Islam (AAI) yang terdiri daripada enam bidang pembelajaran yang mempunyai sub bidang masing-masing. Dari sudut struktur, pembentukan kandungan dalam kurikulum tersebut berteraskan kepada empat aspek hubungan, iaitu hubungan dengan diri sendiri, individu lain, alam sekitar, negara, rasul, dan Allah s.w.t. Manakala dari sudut kaedah penyampaiannya, guru dikehendaki menerapkan nilai akhlak Islam ketika menerangkan adab dan amalannya dalam kehidupan pelajar. Guru dikehendaki menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Tegasnya, media elektronik dan komunikasi massa telah digunakan untuk memajukan dan mengembangkan nilai dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Ini bertujuan meluaskan lagi pengetahuan dan kemahiran pelajar ketika alam persekolahan dan apabila kembali ke dalam masyarakat bagi menghadapi arus globalisasi.

Pengenalan komponen adab dan akhlak Islam dalam kurikulum pendidikan Islam dalam tahun 2003 adalah merupakan satu usaha untuk mempertingkatkan dan mengemas kini lagi pengajaran dan pembelajaran akhlak di sekolah yang antara lainnya bagi mencapai matlamat, iaitu melahirkan pelajar yang mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah bagi memenuhi tanggung jawab ibadah dan berakhlek mulia sebagai pelengkap diri, dan tonggak budaya (KBSM, 2002).

Pada umumnya, berdasarkan ciri kandungan adab dan akhlak Islam serta matlamat pendidikan Islam di atas adalah jelas bahawa selain mempelajari komponen lain dalam pendidikan Islam adalah diharapkan pengajaran adab dan akhlak Islam dapat membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai luar menerusi iman dan taqwa yang mantap, sebagaimana dijelaskan adab dan akhlak juga dapat mengawal diri daripada gejala negatif (KBSM, 2002). Ini bermakna adab dan akhlak Islam mesti menjadi induk utama kepada nilai materialisme dan sekularisme. Dengan itu, ia perlu menggunakan nilai yang telah diislamisasikan untuk kesejahteraan masyarakat dan manusia sejagat. Begitu juga diharapkan pelajar yang berakhhlak dan beradab boleh bertindak dalam semua keadaan dengan berkesan.

Justeru, perlu ditegaskan bahawa penampilan diri guru di sekolah memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai akhlak Islam. Dalam hal ini, guru pendidikan Islam perlu bertindak sebagai *muaddib* dan mengamalkan nilai moral serta adab yang baik untuk diteladani oleh pelajar. Sesungguhnya, guru pendidikan Islam adalah pendakwah yang berkesan (Nik Azis, 1994). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa artikel ilmiah ini sedikit sebanyak memberikan beberapa pengetahuan asas yang penting untuk menyokong definisi istilah mengenai akhlak seperti yang diutarakan dalam Bab Satu. Walau bagaimanapun, kupasan ini belum lagi dapat menjawab persoalan asas yang diutarakan dalam kajian ini, iaitu “Apakah peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak?” dan persoalan, “Apakah peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak?“.

Kajian Berkaitan Akhlak

Beberapa kajian berkaitan akhlak, metodologi, dan instrumen kajian yang telah dikenal pasti adalah kajian berkaitan dengan pemantapan komponen akhlak dalam Pendidikan Islam (Asmawati, 2005), hubungan aktiviti rekreasi dengan kefahaman akhlak dan *muhasabat Al-Nafs* (Mardzelah, 2000), sahsiah pelajar sekolah menengah

agama (Ismail, Selamat, Azmi Shah, Abd. Basit, & Hafiz, 2004), kaedah menangani kanak-kanak bermasalah tingkah laku Saadah, Salman, & Roslee, 2008), keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam keluarga (Mohamaed Syafeq, 2008), cara mengenal pasti punca dan kaedah menangani tingkah laku sumbang mahram (Fizwani, Suhana, Mohamed Sharif, & Sulaiman, 2008), keberkesanan program pemulihan tingkah laku di pusat pemulihan akhlak (Azizi & Jesmin, 2008), personaliti pelajar tingkatan dua dan hubungannya dengan pencapaian akademik (Yong, 2007), dan kajian mengenai tingkah laku penagihan semula, punca penagihan dan pemulihan kerohanian menurut perspektif Islam (Adam, 2006).

Seterusnya, kajian tentang orientasi sistem pendidikan di sekolah menengah agama berasrama penuh berkenaan pembinaan akhlak (Mohd Arip, 1993), penghayatan adab terhadap ibu bapa di dalam perkara asas fardhu ain (Norhayati, 2003), pengajaran pengajian Islam dalam pembentukan akhlak dan sikap pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Mohamad Faisal, 2005), pembentukan akhlak pelajar menurut pandangan Imam Al-Ghazali (Suriani, 2005), kajian mengenai punca, risiko merokok dan sumbangan merokok terhadap penagihan bahan (Ahmad, Roslee, & Mustafa, 2005), faktor yang mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan remaja sekolah menengah (Nurain, 2007), tingkah laku buli di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di Sarawak (Khalid, 2007), persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja (Badrulzaman, 2006), kajian mengenai masalah lepak dalam kalangan remaja (Yahaya, Azizi, Ramli, Jamaluddin, & Yusof, 2001). konsepsi guru sekolah menengah tentang pendidikan bestari (Jamaiah, 2003), skim peratus bagi pelajar tingkatan satu (Nik Suryani, 2002), skim penolakan integer murid tingkatan dua (Sharifah Norul Akmar, 1997), penyelesaian masalah kebarangkalian oleh murid tingkatan empat (Rugayyah, 2007), pemahaman murid tingkatan empat tentang nilai penggunaan kalkulator grafik dalam pembelajaran statistik (Nurhayani, 2008),

faktor keruntuhan akhlak remaja luar bandar di Johor (Husin, 2011), personaliti remaja, isu dan cabaran (Azizi, 2008), nilai dalam buku teks matematik tingkatan satu di Malaysia dan Singapura (Nor Afizah, 2008), nilai dalam ujian dan peperiksaan matematik sekolah menengah (Gan, 2009), dan akhir sekali kajian tentang analisis kandungan buku teks matematik tahun empat di Malaysia dan Singapura (Fauziah, 2011).

Kajian tersebut dibahagikan kepada lima aspek utama, iaitu aspek pembentukan akhlak, keruntuhan akhlak, gejala sosial, metodologi kajian, dan instrumen kajian.

Pembentukan akhlak

Sehingga kini, belum ada kajian yang dijalankan secara khusus untuk mengenal pasti pemahaman murid tentang akhlak. Namun begitu, terdapat beberapa orang pengkaji telah menjalankan kajian yang berhubung kait tentang pembentukan akhlak dari sudut yang pelbagai. Misalnya, Mardzelah (2000) telah mengkaji hubungan antara aktiviti rekreasi dengan pemahaman akhlak. Nampaknya, teori tidak dinyatakan dengan jelas dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara aktiviti rekreasi dengan pemahaman mereka tentang akhlak serta pengamalan muhasabat Al-Nafs (pengawasan dalaman diri) dalam kalangan pelajar. Seterusnya, beliau juga mendapati dalam kajiannya bahawa pengalaman muhasabat Al Nafs mempunyai hubungan yang signifikan dalam meramalkan pemahaman pelajar tentang akhlak. Mardzelah juga mendapati pemahaman pelajar yang mendalam tentang akhlak dapat membantu mereka mengawal diri daripada terjerumus dalam perlakuan negatif ketika melakukan aktiviti rekreasi di luar kawasan sekolah.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Azizi, Mohd Anuar, Abd. Rahim, dan Yusof (2001) menunjukkan pelatih pusat pemulihan akhlak tidak mengikuti program secara berkesan. Teori yang digunakan tidak dinyatakan dalam kajian ini. Beberapa kelemahan

dikesan dalam pelaksanaan program pemulihan dan pembentukan akhlak di pusat tersebut seperti kaunselor yang tidak bertauliah, kelas pendidikan akhlak yang membosankan, dan kemudahan serta kelengkapan yang tidak sesuai dan selesa.

Walau bagaimanapun, hasil kajian tersebut berbeza dengan hasil kajian Mohamad Faisal (2005) yang mendapati pendidikan Islam memberi kesan positif dalam pembentukan akhlak dan sikap pelajar di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Beliau menggunakan satu set soal selidik untuk mendapat data daripada responden berhubung dengan persepsi pelajar terhadap tahap peningkatan pemahaman dan kesedaran Islam, persepsi terhadap mata pelajaran pengajian Islam, persepsi terhadap pensyarah pengajian Islam, aktiviti seharian, dan ajaran Islam itu sendiri. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan teori yang diguna dalam kajian ini. Secara keseluruhan, mata pelajaran pengajian Islam memberi kesan positif terhadap pembentukan akhlak dan perubahan sikap pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Selain itu, terdapat juga pengkaji yang mengaitkan pembentukan akhlak dengan pandangan tokoh ilmuan Islam yang tersohor. Misalnya, Suriani (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa akhlak menurut Al-Ghazali adalah sesuatu tindakan atau perbuatan yang lahir dari keadaan dalaman (rohani) seseorang. Sesuatu perbuatan atau tingkah laku hendaklah dilakukan secara berterusan sehingga menjadi kebiasaan dalam diri, manakala pembentukan akhlak adalah proses mengubah sifat daripada yang buruk kepada sifat yang baik. Teori yang digunakan juga tidak dinyatakan dalam kajian ini. Hasil kajian menganjurkan tiga pendekatan utama dalam pembentukan akhlak, iaitu kaedah latihan, pemerhatian, pergaulan, dan muhasabah diri. Akhir sekali, hasil kajian ini diharap dapat memberi idea dan cadangan kepada pihak tertentu termasuk pelajar sendiri, ibu bapa, guru, dan masyarakat untuk menangani masalah kemerosotan akhlak dalam kalangan pelajar hari ini. Justeru, usaha untuk melahirkan insan berakhhlak mulia akan tercapai selaras dengan matlamat utama pendidikan Islam.

Seterusnya, kajian dilakukan Mohd Arip (1993) memberi tumpuan kepada orientasi sistem pendidikan di sekolah menengah agama berasrama penuh, iaitu kajian kes berkenaan pembentukan akhlak. Beliau menyediakan soal selidik yang menggunakan Skala Likert. Nampaknya, beliau tidak menyatakan sebarang teori dalam kajian yang dijalankan. Hasil kajian beliau menunjukkan perbezaan yang signifikan antara amalan mereka di sekolah dan di rumah. Perbezaan yang signifikan juga dilihat antara amalan pelajar puteri dan putera di sekolah. Faktor yang paling utama dalam proses pembentukan akhlak ialah peranan ibu bapa di rumah diikuti oleh program agama di sekolah.

Terdapat juga pengkaji yang mengenal pasti aspek pembentukan akhlak dari sudut penghayatan adab dalam perkara asas fardhu ain (PAFA). Misalnya, Norhayati (2003) telah mengkaji tahap pelaksanaan PAFA pelajar tingkatan empat terhadap aspek adab kepada ibu bapa. Beliau mendapati penguasaan PAFA pelajar mempunyai hubungan yang kuat dengan penghayatan PAFA pelajar aspek adab terhadap ibu bapa. Beliau tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian juga menunjukkan pelaksanaan PAFA dilaksanakan dengan berkesan di sekolah.

Dalam kajian lain, Asmawati (2005) mendapati bahawa ciri dan matlamat akhlak adalah jelas, iaitu dapat membentuk pelajar yang mampu mengharungi nilai luar menerusi iman dan taqwa yang mantap dan juga dapat mengawal diri daripada gejala negatif. Kajian yang dijalankan beliau bertumpu kepada penekanan pendidikan akhlak dalam pendidikan Islam di peringkat para universiti. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajiannya. Hasil kajian beliau juga menunjukkan bahawa penampilan guru di sekolah memainkan peranan penting dalam menerapkan akhlak Islam. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan, iaitu pelajar perlu menghayati pendidikan sepanjang hayat, kehidupan kekeluargaan yang padu, budaya, dan ketamadunan Islam. Akhirnya, beliau mencadangkan bahawa ukuran

kejayaan seseorang perlu diperjelaskan dan tidak hanya penumpuan diberikan pada aspek akademik sahaja, bahkan kepada aspek akhlak.

Secara keseluruhan, kajian yang diteliti mempunyai kaitan dengan pembentukan akhlak murid. Walau bagaimanapun, kupasan tentang hasil kajian yang telah dijalankan masih tidak mampu merungkai persoalan asas tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima.

Keruntuhan akhlak

Beberapa orang pengkaji seperti Ismail (2004), Azizi (2008), Selamat (2009), Azmi Shah (2004), Mohamed Syafeq (2008), Yong (2007), Husin (2011), dan Jesmin (2008) telah mengkaji masalah keruntuhan akhlak dari sudut pelajar sekolah agama, keluarga, pelatih pemulihan akhlak, dan tingkah laku remaja yang boleh dikaitkan dengan makna akhlak, iaitu yang membabitkan akhlak yang baik dan akhlak yang buruk.

Sekumpulan pengkaji yang terdiri daripada Ismail, Azmi Shah, Abd. Basit, dan Hafiz (2004) telah mengumpul data tentang masalah yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah serta tahap sahsiah yang ada pada diri pelajar sepanjang menempuh kehidupan berasrama. Nampaknya, mereka tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji mendapati bahawa ciri keperibadian pelajar amat mempengaruhi proses pemulihan akhlak. Tiga masalah yang sangat mengganggu pelajar ialah masalah kerjaya masa depan, sosial dan hiburan, dan penyesuaian terhadap kerja yang diberi oleh guru. Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti isu keruntuhan akhlak dan gejala sosial, iaitu pengaruh budaya barat, budaya rempit serta vandalisme yang berlaku dalam kalangan keluarga di Malaysia. Bagi mengatasi masalah ini sekumpulan pengkaji, iaitu Hashim, Khairulhelmi, Mohd Fahmi, dan Syed Mohamed Syafeq (2008) telah membincangkan

beberapa tindakan seperti program agama dalam komuniti dan galakan solat berjemaah di masjid bagi mengurangkan dan seterusnya menghapuskan isu keruntuhan akhlak yang boleh merosakkan masa depan negara.

Beberapa orang pengkaji pula menumpukan kepada kajian tentang cara mengenal pasti punca dan kaedah menangani tingkah laku sumbang mahram, yang mana kajian ini boleh dikaitkan dengan cara keluarga membentuk akhlak yang baik dan perhubungan keluarga yang mempunyai pertalian darah atau keturunan. Fizwani, Suhana, Mohamed Sharif, dan Sulaiman (2008) mendapati sumbang mahram didefinisikan sebagai hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan antara mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang, dilarang sama sekali oleh agama Islam dan adat resam. Mereka tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini diharap dapat membuka mata masyarakat tentang impak besar yang terjadi sekiranya kejadian inses atau sumbang mahram ini dipandang ringan oleh masyarakat.

Akhlik juga boleh dihubung kaitkan dengan personaliti seseorang. Misalnya, kajian yang dilakukan Yong (2007) menunjukkan pelajar tingkatan dua mempunyai trait agresif, autonomi, bergantung, ketahanan, kritik diri, menolong, struktur, dan pencapaian pada tahap yang tinggi. Beliau tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajian ini. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara personaliti pelajar tingkatan dua dengan pencapaian akademik mereka. Seterusnya, Badrulzaman (2006) menjalankan kajian tentang persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja. Nampaknya, kajian ini boleh dikaitkan dengan persoalan mengenai peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang teori yang digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap

kepatuhan ibu bapa kepada agama, corak gaya asuhan ibu bapa, dan tahap kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Sementara itu, menurut Husin (2011) yang mengkaji masalah keruntuhan akhlak remaja luar bandar di negeri Johor melalui data yang diperolehi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor mendapati masalah sosial remaja di seluruh negeri Johor terutama kes juvana, wanita, dan gadis menunjukkan berlaku peningkatan walaupun pelbagai pendekatan digunakan untuk menangani masalah tersebut. Pengkaji tidak menyatakan sebarang teori digunakan dalam kajiannya. Misalnya, kes juvana telah dilaporkan sebanyak 497 kes pada tahun 1997. Pada tahun 1999, jumlahnya meningkat sebanyak 532 kes. Begitu juga kes wanita dan gadis, sebanyak 189 kes yang dilaporkan pada tahun 1998, meningkat kepada 198 kes pada tahun 1999.

Seterusnya, menurut Azizi (2008) dalam kajiannya yang bertumpu kepada masalah dan isu personaliti remaja mendapati bahawa realiti warga Malaysia masa kini menghadapi gejala keruntuhan akhlak dan menimbulkan pelbagai isu sosial seperti pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak. Beliau tidak menyatakan sebarang teori digunakan dalam kajian ini. Azizi (2008) menjelaskan statistik yang dikumpulkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dari tahun 1988 hingga tahun 1992 yang menunjukkan fenomena peningkatan pembuangan bayi dalam masyarakat. Dalam tahun 1988, jumlah kes pembuangan bayi ialah 19 kes, diikuti tahun 1989 yang menunjukkan peningkatan mendadak kepada 36 kes. Seterusnya, gejala ini tidak menunjukkan penurunan malah terus meningkat pada tahun 1990 kepada 44 kes. Tahun berikutnya, iaitu tahun 1991 menambahkan lagi statistik pembuangan bayi kepada 48 kes, dan angkan ini terus meningkat pada tahun 1992 kepada 55 kes pembuangan bayi.

Menurut Azizi (2008), kes penderaan mengikut statistik Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Polis dari tahun 1985 hingga 1990 mencatatkan kes penderaan sebanyak 555 kes berbanding sepanjang tahun 1992 sahaja mencatatkan sejumlah 862

kes penderaan yang telah direkodkan. Seterusnya, dalam tempoh tujuh tahun bermula dari tahun 1986 hingga jun 1992 terdapat sejumlah 17,806 kes gadis remaja yang lari dari rumah telah dilaporkan. Antara sebab yang dikenalpasti menjadi punca tindakan melarikan diri ialah perselisihan faham dengan ibu bapa dan keluarga, ibu bapa sering bergaduh, ibu bapa menentang hubungan dengan teman lelaki, gangguan seksual atau didera oleh anggota keluarga, dan salah pergaulan.

Walau bagaimanapun, kajian yang telah ditinjau ini masih belum mampu membekalkan jawapan bagi menjawab persoalan asas yang dikemukakan dalam bab sebelumnya, iaitu “Bagaimana cara untuk membentuk akhlak yang baik menurut tanggapan murid Tahun Lima?”.

Gejala sosial

Beberapa orang pengkaji seperti Saadah, Salman, dan Roslee (2008) menjalankan kajian ke atas kanak-kanak bermasalah tingkah laku dan kaedah menanganinya. Kajian ini berkait rapat dengan peranan keluarga dan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Antara masalah tingkah laku yang sering dialami oleh kanak-kanak adalah seperti bertingkah laku ganas, menentang, tidak menurut arahan, bersikap terlalu bergantung, suka mengelak, dan bertingkah laku pasif. Kajian ini telah membincangkan tentang jenis dan klasifikasi tingkah laku serta kaedah menangani kanak-kanak bermasalah tingkah laku sebagai usaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya, berobjektif serta mempunyai jati diri yang tinggi yang mana seharusnya bermula pada peringkat usia kanak-kanak.

Dalam kajian lain, Ahmad, Roslee, dan Mustafa (2005) mendapati tabiat merokok satu fenomena masyarakat yang mana kewujudannya boleh ditafsir dari pelbagai aspek. Kajian ini boleh dikaitkan dengan makna akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Mereka telah menjalankan kajian tentang punca, risiko merokok, dan

sumbang merokok, terhadap penagihan dadah. Mereka mendapat bahawa dari aspek sosio budaya masyarakat menjadikan tabiat merokok sebagai satu cara hidup, iaitu merokok dijadikan ukuran status kedewasaan, kematangan, dan kesediaan memikul tanggung jawab, khususnya dalam kalangan lelaki.

Satu kajian yang dilakukan Nurain (2007) jelas mempunyai hubung kait dengan persoalan mengenai peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Beliau telah mengkaji tentang faktor yang mempengaruhi tingkah laku vandalisme dalam kalangan remaja sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan perbezaan dalam tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar dan tidak terdapat perhubungan bagi faktor rakan sebaya, faktor keluarga, sekolah, dan konsep kendiri dengan tingkah laku vandalisme dalam kalangan pelajar.

Selain itu, Khalid (2007) telah menjalankan kajian ke atas pelajar sekolah menengah agama untuk mengenal pasti tingkah laku buli dalam kalangan pelajar. Beliau mendapat bahawa punca tingkah laku buli fizikal yang sering dilakukan dalam kalangan pelajar yang menjadi pembuli adalah untuk menunjukkan dirinya kuat, umurnya lebih tua, dan suka berbangga dengan dirinya, manakala yang menjadi mangsa buli disebabkan umur yang lebih muda, tubuh badan yang nampak kelakar, dan tidak disukai oleh pembuli. Hasil kajian mendapat penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah mampu mengawal tingkah laku buli. Kerjasama polis dan penglibatan masyarakat adalah cadangan yang dikemukakan oleh pengkaji untuk mencegah dan menghentikan tingkah laku buli dari terus berleluasa.

Akhir sekali, kajian dilakukan Adam (2006) ke atas pelatih program pemulihan dadah di rumah bakti Kasih. Beliau menjalankan kajian tentang tingkah laku penagihan semula, punca penagihan, dan pemulihan kerohanian menurut perspektif Islam. Kajian ini juga didapati berhubung kait dengan peranan keluarga dan rakan sebaya dalam

pembentukan akhlak. Hasil kajian menunjukkan sokongan moral dan penghayatan kerohanian yang konsisten daripada anggota keluarga dan masyarakat setempat membantu menghindari penagihan semula. Hasil kajian juga menunjukkan responden akan mudah menagih semula seandainya tidak memiliki jati diri dan ketahanan mental yang tinggi dan sebahagian besar responden yang terlibat dalam program jemaah tabligh telah berjaya menghindari diri daripada penagihan semula.

Namun begitu, kajian yang telah diteliti dengan mendalam sebelum ini masih tidak dapat menjawab persoalan asas dalam kajian ini, iaitu “Bagaimakah sesuatu akhlak menjadi buruk?” Persoalan ini perlu dijawab berdasarkan kepada perspektif murid Tahun Lima.

Metodologi dan Instrumen Kajian

Kebanyakan kajian yang ditinjau membabitkan penyelidikan dalam pendidikan matematik yang menggunakan metodologi yang sama dengan kajian yang saya jalankan. Nampaknya, kurang usaha dijalankan dalam penyelidikan pendidikan Islam dalam menggunakan metodologi seperti yang digunakan dalam kajian ini. Justeru, saya meninjau kajian yang dilakukan dalam penyelidikan pendidikan matematik yang didapati mempunyai persamaan dengan metodologi kajian yang saya lakukan.

Dalam hal membincangkan tentang metodologi kajian, beberapa orang pengkaji seperti Jamaiah (2003), Nik Suryani (2002), Syarifah Norul Akmar (1997), Rugayyah (2007), Nurhayani (2008), Nor Afizah (2008), Gan (2009), dan Fauziah (2011) telah menjalankan kajian mereka dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Sebagai contoh, Jamaiah (2003) telah menjalankan kajian tentang konsepsi guru sekolah menengah tentang pendidikan bestari. Kajian beliau ini berlandaskan kepada perspektif bersepada, yang mana kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah teknik temu duga klinikal yang mengandungi sebelas sesi kesemuanya. Selain itu, beliau juga

menggunakan set soal selidik dan soalan eseи untuk mengumpul data. Subjek terdiri daripada tujuh orang guru yang pernah mengikuti kursus pendidikan bestari. Pemilihan subjek kajian adalah berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah analisis data yang digunakan melalui empat peringkat utama, iaitu memindahkan transkripsi rakaman ke dalam bentuk bertulis, pembentukan kajian kes, membuat analisis merentas setiap subjek, dan akhir sekali mengenal pasti konsepsi yang dimiliki guru tentang pendidikan bestari.

Seterusnya, metodologi kajian yang sama juga digunakan oleh Nik Suryani (2002) yang menjalankan kajian ke atas lapan orang murid tingkatan satu. Beliau mengkaji tentang skim peratus yang dipunyai oleh murid tingkatan satu. Namun begitu, kajian ini dipandu oleh teori konstruktivisme radikal untuk merungkai permasalahan kajian. Rekabentuk kajian ialah kajian kes, manakala teknik temu duga klinikal yang membabitkan lima sesi temu duga digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), manakala kaedah analisis data melalui empat peringkat utama, iaitu memindahkan transkripsi rakaman temu duga kepada bentuk bertulis, membentuk kajian kes, membuat analisis merentas subjek, dan seterusnya mengenal pasti skim peratus yang dimiliki oleh murid.

Penggunaan teknik temu duga klinikal sebagai kaedah pengumpulan data sememangnya sinonim dengan kajian yang menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Misalnya, Syarifah Norul Akmar (1997) telah menggunakan keduanya, iaitu reka bentuk dan teknik pengumpulan data tersebut dalam kajian tentang skim penolakan integer murid tingkatan dua. Kajian ini berlandaskan kepada teori konstruktivisme radikal. Kaedah persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan sembilan orang murid tingkatan dua dipilih sebagai subjek kajiannya. Kaedah analisis data dilakukan melalui empat peringkat, iaitu rakaman video temu duga ditranskripsikan ke dalam bentuk bertulis,

data mentah dalam bentuk transkripsi disusun dan diolah mengikut tema untuk menghasilkan protokol berkaitan tingkah laku murid, pembentukan kajian kes, dan akhir sekali analisis merentas subjek kajian.

Seterusnya, kajian yang dilakukan Rugayyah (2007) nampak berbeza dengan kajian yang ditinjau sebelum ini. Menariknya, beliau menggunakan pendekatan pemprosesan maklumat untuk menjalankan kajian tentang penyelesaian masalah kebarangkalian oleh murid tingkatan empat. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kes, yang mana kaedah pengumpulan data membabitkan ujian prestasi dan temu duga. Kaedah persampelan ialah persampelan rawak mudah (*convinience sampling*) membabitkan tiga puluh orang murid Tingkatan Empat yang dipilih menduduki ujian prestasi bertulis penyelesaian masalah dan empat orang murid dipilih menjalani sesi temu duga selepas mereka mengambil ujian prestasi penyelesaian masalah. Kaedah analisis data melalui tiga peringkat, iaitu respon bertulis, kenal pasti cara penyelesaian masalah yang diguna untuk menyelesaikan masalah diberi, dan subjek memberi justifikasi tentang langkah penyelesaian untuk setiap soalan.

Kajian berikutnya berhubung dengan pemahaman murid Tingkatan Empat tentang nilai penggunaan kalkulator grafik dalam pembelajaran statistik yang dijalankan oleh Nurhayani (2008). Kajian ini berlandaskan kepada perspektif bersepada. Kajian kes digunakan sebagai reka bentuk kajian, manakala kaedah pengumpulan data membabitkan soal selidik dan teknik temu duga klinikal ke atas empat orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah analisis data yang dilakukan melalui empat peringkat, iaitu memindahkan transkripsi rakaman video ke dalam bentuk bertulis, data mentah diolah mengikut tema untuk menghasilkan protokol bertulis, kajian kes dibentuk bagi setiap subjek, dan analisis merentas subjek dilakukan.

Tiga orang pengkaji yang lain, iaitu Nor Afizah (2008), Gan (2009), dan Fauziah (2011) tidak memilih murid atau guru sebagai sampel, sebaliknya pemilihan subjek kajian mereka membabitkan dokumen seperti buku teks dan kertas ujian. Sebagai contoh, Nor Afizah (2008) telah menjalankan kajian tentang nilai dalam buku teks matematik tingkatan satu di Malaysia dan Singapura. Kajian ini berlandaskan kepada perspektif bersepadu. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kes, sementara kaedah pengumpulan data ialah teknik analisis kandungan. Kaedah persampelan ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu buku teks matematik tingkatan satu Malaysia dan Singapura. Seterusnya kaedah analisis data melalui lima peringkat utama, iaitu mengekod teks ke dalam petikan, mengenal pasti nilai, mengklasifikasikan nilai dalam bentuk jadual, mentafsir dan membandingkan data, dan akhirnya membuat kesimpulan.

Kajian yang dijalankan oleh Gan (2009) menggunakan perspektif bersepadu sebagai landasan kajian. Kajian yang dipandu perspektif bersepadu ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian, manakala kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah teknik analisis kandungan kuantitatif. Kaedah persampelman digunakan ialah kaedah persampelman bertujuan (*purposive sampling*) membabitkan kertas ujian peperiksaan sekolah dan Sijil Pelajaran Malaysia. Kaedah analisis data dilakukan melalui dua peringkat, iaitu analisis kandungan dan mengklasifikasi dan pengekodan mengikut kategori menggunakan makna nilai (Henri, 1991).

Akhir sekali, kajian yang dilakukan Fauziah (2011) tentang analisis kandungan buku teks matematik tahun empat di Malaysia dan Singapura. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah perspektif bersepadu. Kajian kes digunakan sebagai reka bentuk kajian, manakala kaedah pengumpulan data ialah teknik analisis kandungan kuantitatif. Kaedah persampelman yang digunakan ialah kaedah persampelman rawak bertujuan (*purposive sampling*) yang membabitkan buku teks matematik tahun empat Malaysia

dan Singapura. Kemudiannya, beliau melakukan kaedah analisis data memalui tiga peringkat utama, iaitu menentukan unit analisis menggunakan unit makna (Henri, 1991), membentuk jadual, dan membuat analisis yang melibatkan interpretasi, pandangan, dan kesimpulan.

Beberapa orang pengkaji seperti Gan (2009) dan Fauziah (2011) menjalankan kajian dengan menggunakan teknik analisis kandungan kuantitatif. Mereka menganalisis buku teks dan dokumen ujian sekolah yang dipilih sebagai subjek kajian menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan (*purposive sampling*). Antara instrumen kajian yang digunakan oleh Gan (2009) ialah satu senarai semak khusus bagi boleh ubah sasaran membabitkan jadual nilai pendidikan umum berdasarkan nilai asas, jadual nilai pendidikan berdasarkan nilai teras, jadual nilai pendidikan umum berdasarkan nilai utama, dan jadual nilai pendidikan umum yang berdasarkan nilai kembangan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan Fauziah (2011) juga menggunakan instrumen kajian yang membabitkan elemen seperti jadual kaedah pembelajaran dalam buku teks Malaysia dan buku teks Singapura, jadual tahap soalan dalam buku teks Malaysia dan buku teks Singapura, jadual proses pembinaan dalam buku teks Malaysia dan Singapura, jadual penggunaan pengetahuan dalam buku teks Malaysia dan buku teks Singapura, jadual penggunaan teknologi dalam buku teks Malaysia dan buku teks Singapura, jadual nilai pendidikan umum dalam buku teks Malaysia dan Singapura, dan jadual nilai matematik dalam buku teks Malaysia dan Singapura.

Beberapa orang pengkaji lain seperti Nik Suryani (2002), Syarifah Norul Akmar (1997), dan Jamaiah (2003) menggunakan reka bentuk kajian yang sama, iaitu kajian kes tetapi memilih untuk menggunakan kaedah pengumpulan data yang berbeza dengan Gan (2009) dan Fauziah (2011). Mereka menggunakan teknik temu duga klinikal sebagai kaedah pengumpulan data. Sebagai contoh, Jamaiah (2003) telah menggunakan

teknik temu duga klinikal membabitkan instrumen kajian yang berbeza dengan instrumen kajian yang digunakan Gan (2009) dan Fauziah (2011) biarpun mereka berkongsi reka bentuk kajian yang sama, iaitu kajian kes. Jamaiah (2003) memilih tujuh orang guru sebagai subjek kajian melibatkan tugas temu duga yang membabitkan sehingga sebelas sesi temu duga. Tugasan yang dikemukakan termasuklah gambaran mental, makna bestari dan metafora, pendidikan bestari, asas falsafah, asas psikologi, kurikulum bestari, pembelajaran bestari, pengajaran bestari dan episod pengajaran, pentaksiran bestari, penggunaan teknologi bestari, dan pengurusan bestari.

Seterusnya, Nik Suryani (2002) menggunakan teknik temu duga klinikal untuk mengutip data kajian ke atas tujuh orang murid tingkatan satu menggunakan instrumen kajian membabitkan tugas yang dibuat dalam lima sesi temu duga, iaitu gambaran mental, melukis rajah, perwakilan peratus, menamakan bahagian, membandingkan peratus, kaitan dengan pecahan, dan masalah simbolik. Sehubungan dengan itu, Syarifah Norul Akmar (1997) telah menjalankan kajian tentang skim penolakan integer murid tingkatan dua dengan menggunakan teknik temu duga klinikal yang membabitkan tugas temu duga seperti gambaran mental, masalah perwakilan, makna penolakan, operasi penolakan integer, mentafsir ayat penolakan, masalah simbolik, dan masalah beroda.

Kajian Rugayyah (2007) juga menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Kajian beliau berbeza dengan kajian pengkaji yang ditinjau sebelumnya sebab beliau menggunakan ujian bertulis bagi penyelesaian masalah dan temu duga sahaja sebagai kaedah pengumpulan data. Antara aktiviti yang terdapat di dalam instrumen kajiannya ialah ujian prestasi penyelesaian masalah, konsep ruang sampel, peristiwa, peristiwa gabungan dan kebarangkalian, dan soalan berkaitan membabitkan lambungan sekeping duit syiling, lambungan sebiji dadu dan syiling, maklumat dalam bentuk jadual, maklumat dalam bentuk carta pai, dan masalah berayat.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan Nurhayani (2008) mengenai pemahaman murid tingkatan empat tentang nilai penggunaan kalkulator grafik dalam pembelajaran statistik. Beliau telah menjalankan teknik temu duga klinikal sebanyak tiga sesi temu duga dan mengedarkan set soal selidik terhadap empat orang murid tingkatan empat. Soal selidik diedarkan bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman murid terhadap perkataan nilai tentang penggunaan kalkulator grafik dalam statistik, manakala tugas temu duga pula membabitkan tugas makna nilai dalam matematik, nilai dalam pembelajaran statistik, dan nilai penggunaan kalkulator grafik serta tanpa penggunaan kalkulator grafik dalam pembelajaran statistik.

Secara keseluruhan, kajian yang ditinjau membabitkan kajian yang menggunakan reka bentuk dan teknik pengumpulan data yang sama dengan kajian yang saya lakukan, iaitu rekabentuk kajian kes dan teknik temu duga klinikal. Walau bagaimanapun, kajian tersebut menjurus kepada pendidikan matematik, manakala kajian saya membabitkan pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak secara khusus. Nampaknya, kajian tersebut masih tidak mampu untuk menjawab persoalan asas dalam kajian ini, iaitu tentang jenis akhlak yang berbeza serta perkara yang berkaitan dengan akhlak menurut tanggapan murid Tahun Lima.

Rumusan

Pandangan ahli akademik dan kajian yang telah dijalankan tentang aspek yang berkaitan dengan akhlak nampaknya menumpukan kepada beberapa perkara seperti aspek pembentukan akhlak, keruntuhan akhlak, dan gejala sosial. Berdasarkan kajian lepas, beberapa soalan yang membabitkan pemahaman murid tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan akhlak telah dijawab. Antaranya ialah peranan keluarga dan ibu bapa dalam menangani remaja bermasalah, gejala sosial seperti masalah lepak dalam

kalangan remaja, dan juga pembentukan akhlak dari sudut adab terhadap ibu bapa dalam perkara asas Fardhu Ain.

Namun begitu, persoalan mengenai pemahaman murid tentang akhlak masih belum diteliti dari perspektif bersepadu. Dengan kata lain, penjelasan murid tentang akhlak, misalnya dalam konteks makna akhlak yang baik dan akhlak yang buruk masih belum dikaji secara mendalam. Justeru, kajian yang dipandu PBS mungkin dapat merungkai sebahagian persoalan yang membabitkan pemahaman murid tentang akhlak dari kedua-dua aspek yang telah dibincangkan. Ringkasnya, saya berpendapat satu kajian untuk mengenal pasti pemahaman murid tentang akhlak dari perspektif bersepadu sejagat adalah sangat relevan untuk dijalankan. Dengan itu, persoalan tentang “Apakah pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak” menjadi fokus kajian ini. Dalam bab yang seterusnya, iaitu Bab Tiga metodologi kajian akan dibincangkan dengan lebih lanjut dan terperinci.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Bab ini terbahagi kepada enam bahagian. Bahagian yang pertama membabitkan penjelasan mengenai reka bentuk kajian, manakala dalam bahagian kedua pula penerangan mengenai populasi dan sampel kajian. Prosedur pengumpulan data dijelaskan dalam bahagian yang ketiga. Seterusnya, instrumentasi dijelaskan dalam bahagian keempat, kajian rintis dijelaskan dalam bahagian yang kelima, dan akhir sekali, dalam bahagian yang keenam, prosedur yang digunakan dalam analisis data dijelaskan secara ringkas.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kes. Reka bentuk kajian ini dipilih sebab kajian kes sesuai untuk mengkaji sesuatu peristiwa atau situasi dengan lebih mendalam, dan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif tentang aspek individu, peristiwa, atau situasi (Nik Azis, 2007).

Menurut Nik Azis (1996), kajian kes terdiri daripada satu kajian yang mendalam tentang individu atau situasi. Kajian ini menggunakan berbagai-bagai teknik pengumpulan data seperti temu duga dan pemerhatian bagi memperoleh pemahaman yang mendalam tentang murid agar satu analisis data kajian dapat dibentuk. Kajian kes memerlukan perancangan yang rapi dan mengambil masa serta tenaga yang banyak.

Sebaliknya, Yin (2013) memberi penekanan yang lebih kepada kaedah dan teknik yang membentuk sesuatu kajian kes. Sesuatu kajian kes perlu mempunyai kes tertentu sebagai objek kajian dan kajian itu pula harus memiliki beberapa ciri seperti berikut: (a) meneliti kes yang terdiri daripada satu unit berfungsi yang kompleks, (b)

menjalankan inkuiiri dalam konteks semula jadi bagi kes tersebut (keadaan konstektual) dengan menggunakan pelbagai kaedah, dan (c) meneliti kes yang membabitkan fenomena kontemporari. Sesuatu kes boleh berbentuk objek atau proses yang terbatas, fenomene teoretikal, atau fenomena empirikal. Pada tahap minimum, sesuatu kes terdiri daripada satu sistem yang terbatas, yakni fenomena dalam masa, tempat, dan ruang yang tertentu, tetapi fenomena tersebut boleh berubah merentasi masa. Kajian kes pula boleh membabitkan data kualitatif, data kuantitatif, atau kedua-duanya sekali, bergantung kepada kes yang dikaji.

Menurut Creswell (2005), kajian kes adalah satu bentuk penerokaan mendalam tentang sesuatu sistem yang terbatas seperti aktiviti, peristiwa, proses, atau individu dengan berasaskan pengumpulan data yang meluas. Istilah terbatas merujuk sesuatu kes yang diasingkan dengan berdasarkan masa, tempat, ruang, atau beberapa sempadan fizikal yang lain bagi tujuan penyelidikan. Reka bentuk kajian kes paling sesuai digunakan apabila tujuan kajian adalah untuk mencari jawapan kepada jenis soalan ‚mengapa‘ dan ‚bagaimana‘; tingkah laku relevan dalam peristiwa kontemporari yang dikaji sukar untuk dikawal; dan kedua-dua fenomena dan konteks kajian perlu diteliti, tetapi sempadan antara mereka adalah tidak jelas. Antara kekuatan reka bentuk kajian kes adalah kebolehannya untuk menjalankan kajian tentang sesuatu fenomena dalam konteks semula jadi, tanpa keperluan untuk mereplikasikan fenomena tersebut dalam makmal atau seting eksperimen bagi memahami fenomena itu dengan baik.

Menurut Merriam (2009), kaedah kajian kes sesuai digunakan jika pengkaji berminat untuk mengetahui tentang pandangan, penemuan, dan penafsiran terhadap sesuatu situasi, peristiwa, program, atau fenomena. Kajian kes juga merupakan suatu kaedah yang intensif, menyeluruh, dan analisis bagi sesuatu entiti tunggal, fenomena, atau unit sosial. Seterusnya, kajian kes boleh membekalkan data yang kaya dan

penerangan yang mendalam, lengkap, menyeluruh, dan dapat memberi gambaran yang lebih terperinci tentang fenomena yang dikaji.

Pada dasarnya, Yin (2009) menjelaskan bahawa matlamat kajian kes adalah mengenal pasti pemahaman tentang fenomena sosial yang kompleks dan peristiwa kehidupan sebenar seperti pengurusan dan proses dalam sesuatu organisasi. Ringkasnya, satu kajian kes adalah satu siasatan empirikal yang menyiasat fenomena kontemporari secara mendalam dan dalam konteks sebenar, terutama apabila sempadan antara fenomena dan konteks adalah tidak jelas.

Menurut Nik Azis (2014), pengkaji perlu memberikan justifikasi terhadap sebarang reka bentuk kajian yang dipilih. Sebagai contoh, reka bentuk kajian kes kualitatif dianggap paling sesuai digunakan dalam kajian ini sebab reka bentuk tersebut membekalkan cara tertentu untuk mengumpul dan menganalisis data serta mentafsirkan hasil kajian yang membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang situasi masalah khusus yang dikaji. Dalam kajian kes, pengkaji berusaha untuk mengenal pasti corak pemikiran responden berdasarkan tingkah laku lisan dan bukan lisan yang dipaparkan oleh mereka semasa menyelesaikan tugas yang dikemukakan olehnya. Keadaan ini memerlukan pengkaji untuk membentuk satu set soalan kajian awal bagi pengumpulan data. Walau bagaimanapun, selepas mula mengumpul data, pengkaji memainkan peranan sebagai pentafsir, membuat pemerhatian, membuat penyoalan, membuat penilaian, melakukan pertimbangan subjektif, membuat analisis, dan membuat sintesis.

Dalam kajian kes, kaedah temu duga dan pemerhatian digunakan untuk mengumpul data kajian. Pelaksanaan sesi temu duga dan pemerhatian yang baik memerlukan beberapa kemahiran seperti berupaya dan mampu untuk mencabar diri sendiri tentang sebab sesuatu peristiwa berlaku dan akan berlaku; keinginan untuk mengetahui sebab sesuatu peristiwa berlaku sebelum, semasa, dan selepas data

dikumpul; sentiasa peka terhadap maklumat baru yang berguna dan tidak berguna; berupaya mendengar, memerhati, merasa, dan mengenal pasti maklumat baru; serta berupaya mengubah strategi jika lauk kaedah mengumpul data kurang berkesan. Seterusnya, keupayaan memahami dan mentafsir secara tepat dan jelas mengenai data yang dikumpulkan dan bukan semata-mata mencatatkan data sahaja serta mampu menghuraikan data yang penting dengan jelas, tepat, dan jujur (Yin, 2009).

Kajian kes membabitkan individu atau sekumpulan individu tertentu dan bukan merupakan subjek kajian yang dipilih secara rawak daripada suatu populasi. Subjek bagi kajian kes hanya membabitkan satu kes khusus yang dikaji, iaitu hasil kajian hanya menerangkan ciri subjek tersebut, dan tidak digunakan untuk membuat generalisasi kepada populasi yang lain (Yin, 2009).

Walau bagaimanapun, data yang dikumpul dalam kajian kes boleh membekalkan maklumat kepada individu atau kumpulan individu yang mempunyai ciri yang sama dengan kajian kes. Data yang berguna boleh dijadikan sebagai petunjuk untuk meramalkan tingkah laku individu yang mempunyai latar belakang dan ciri yang sama.

Kajian kes juga mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya ialah hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi tetapi boleh memberi implikasi terhadap teori yang mendasari kajian. Dalam keadaan tertentu, kajian kes mengambil masa yang lama dan melibatkan data yang terlalu banyak serta mudah terdedah kepada prasangka yang subjektif. Untuk mengatasi masalah ini, generalisasi teori dimantapkan atau generalisasi analitis, dalam mana pengkaji membuat kesimpulan tentang fenomena tidak dikaji yang mempunyai persamaan dengan fenomena dikaji dan terkandung dalam skop atau domain teori yang digunakan dalam kajian dengan berdasarkan fenomena terhad yang dikaji. Dengan kata lain, pengkaji menggeneralisasikan hasil kajiannya kepada kes lain yang tidak dikaji tetapi terkandung dalam skop teori yang mendasari kajiannya (Nik Azis, 2012).

Sebagai kesimpulan, kajian kes merupakan kaedah yang sesuai dan berguna bagi mengumpul maklumat dengan mendalam dan terperinci. Kajian kes juga menyediakan contoh yang berguna untuk menggambarkan generalisasi dalam hasil kajian yang dilakukan dan seterusnya membantu dalam memahami dengan lebih mendalam tentang sesuatu situasi. Pada asasnya, kaedah ini membekalkan tata cara untuk mentafsir tingkah laku murid secara lisan atau bukan lisan tentang akhlak.

Populasi dan Sampel

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah bantuan penuh kerajaan yang terletak di Seremban. Sekolah ini merupakan sekolah rendah gred A kategori bandar yang mempunyai 1300 orang murid dan 85 orang guru. Majoriti murid berbangsa Melayu beragama Islam dan selebihnya berbangsa India. Status ekonomi keluarga murid di sekolah ini adalah pelbagai. Terdapat dua belas orang guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam, yang mana lima orang guru mengajar pendidikan Islam di Tahun Lima.

Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan alasan praktikal, iaitu saya tinggal di kawasan berdekatan dengan sekolah yang dipilih bagi memudahkan saya berulang alik ke lokasi kajian. Seterusnya, saya mendapat kerjasama yang baik daripada guru yang mengajar di kelas yang mana murid dipilih sebagai subjek kajian, manakala guru besar juga memberi keizinan kepada saya untuk menemuduga murid tersebut ketika sesi pembelajaran sedang berlangsung. Murid tersebut dikecualikan dari mengikuti kelas arus perdana buat beberapa tempoh yang tertentu, iaitu selama mereka terlibat dengan sesi temu duga yang dijalankan. Faktor yang telah dinyatakan dapat membantu saya untuk menjalankan kajian dengan lebih mudah dan lancar.

Subjek kajian dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Creswell (2008a) dan Bogdan dan Bihlen (2003) menyatakan melalui pensampelan

bertujuan, subjek kajian yang dipilih merupakan peserta terbaik yang dapat memberikan pelbagai bentuk yang kaya, terperinci, dan mendalam bagi membantu memahami fenomena yang dikaji. Pemilihan subjek kajian adalah dengan kaedah pensampelan bertujuan khusus jenis pensampelan variasi maksimum, iaitu pemilihan subjek kajian yang paling banyak memberi perbezaan dari segi variasi pengalaman.

Kebanyakan pensampelan dalam kajian kes adalah berbentuk pensampelan bertujuan, bukan pensampelan mudah atau pensampelan kebarangkalian (Nik Azis, 2014). Pensampelan bertujuan membabitkan strategi yang mana individu, seting, atau peristiwa tertentu dipilih sebab mereka dapat membekalkan maklumat yang penting. Pada umumnya, terdapat tiga penggunaan penting bagi pensampelan bertujuan: (a) untuk memastikan individu, seting, atau peristiwa yang dipilih mewakilkan perkara yang diteliti; (b) untuk memastikan individu, seting, atau peristiwa yang dipilih menggambarkan secara mencukupi ciri heterogen dalam populasi; dan (c) untuk membolehkan penelitian terhadap kes yang kritikal bagi penjanaan atau perkembangan konsep dan teori tertentu.

Dalam pensampelan bertujuan, pengkaji melakukan dua aktiviti asas: (a) menjelaskan ciri penting dalam populasi yang ditetapkan, dan (b) memilih sampel yang memenuhi ciri tersebut. Kuasa pensampelan bertujuan adalah terletak pada pemilihan kes yang kaya dengan maklumat tertentu bagi analisis mendalam yang berkaitan dengan isu utama yang dikaji. Pensampelan bertujuan sangat relevan apabila pengkaji ingin meneroka fenomena tertentu dan memahami perkara yang berlaku dalam fenomena tersebut. Dalam hal ini, pengkaji perlu menggunakan akal budi dan pertimbangan yang terbaik untuk memilih individu, seting, atau peristiwa tertentu bagi mencapai tujuan kajian. Satu strategi pensampelan bertujuan yang sesuai bagi kebanyakan kajian kes ialah pensampelan variasi maksimum yang mana pengkaji memilih individu yang berbeza antara satu sama lain dalam ciri atau trait yang tertentu. Strategi tersebut

memerlukan pengkaji untuk melakukan dua perkara: (a) mengenal pasti ciri tertentu, dan (b) mencari individu atau kes yang memiliki dimensi yang berbeza bagi ciri tersebut.

Dalam pensampelan variasi maksimum, pengkaji berusaha untuk memilih sampel yang mewakilkan pelbagai perspektif berbeza dalam ruang lingkup yang ditetapkan oleh tujuan kajian. Kriteria bagi pemilihan sampel telah ditetapkan sebelum pengkaji menjalankan sesuatu kajian. Dalam pensampelan bertujuan, pengkaji memilih individu dan lokasi kajian yang boleh membantunya secara paling baik untuk memahami fenomena yang dikaji, manakala dalam pensampelan mudah pula pengkaji memilih peserta kajian sebab mereka mudah, cepat, dan tidak melibatkan kos yang tinggi untuk diperoleh.

Secara khusus, tujuan pensampelan bertujuan adalah untuk mendapatkan individu dan lokasi kajian yang paling sesuai bagi membantunya untuk membentuk pemahaman yang terperinci tentang fenomena utama. Kriteria yang digunakan bagi pemilihan individu dan tempat kajian ialah kaya maklumat, yakni individu dan tempat yang berpotensi untuk membekalkan maklumat yang berguna bagi menjawab soalan kajian atau menguji hipotesis kajian, berpotensi untuk membantu pengkaji mempelajari dan memahami fenomena utama, atau berpotensi untuk membekalkan pandangan orang yang pasif atau berdiam diri.

Secara khusus, pensampelan bertujuan, yang dikenali juga sebagai pensampelan pertimbangan, dapat mengurangkan kos dan masa bagi memperoleh sampel kajian, tetapi kaedah tersebut menghadapi masalah objektiviti, iaitu setakat mana pertimbangan pengkaji dapat menghasilkan responden yang memenuhi ciri yang diharapkan. Dalam pensampelan bertujuan, sampel dipilih berdasarkan pertimbangan atau konsepsi awal pengkaji tentang siapa yang dia fikir sesuai untuk kajiannya. Konsepsi awal yang kurang teliti atau padu boleh menimbulkan bias yang besar.

Dalam kajian ini, sepuluh orang murid telah dipilih dari kalangan murid Tahun Lima memandangkan mereka mempunyai aras pemikiran yang agak matang dalam kalangan murid sekolah rendah. Lima orang dari subjek kajian adalah lelaki dan selebihnya murid perempuan. Mereka dikenali sebagai Ahmad, Jalil, Amir, Farid, Zaki, Hanim, Hazimah, Sofiya, Adlina, dan Sarah (bukan nama sebenar). Kesemua mereka berbeza dari segi watak dan latar belakang keluarga. Pemilihan jantina yang berbeza bertujuan untuk mendapatkan data yang kaya dengan maklumat. Seterusnya, murid Tahun Enam tidak dipilih sebab mereka menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Dalam hal ini, hanya murid yang beragama Islam dipilih sebab akhlak terkandung dalam sub-topik pelajaran pendidikan Islam.

Beberapa langkah diambil dalam pemilihan subjek kajian, iaitu pertama, subjek yang bersetuju diberi penerangan tentang tujuan sebenar temu duga dan kebenaran secara bertulis ibu bapa diperoleh untuk mengelakkan murid menarik diri dalam tempoh temu duga dijalankan atau bersikap sambil lewa sepanjang tempoh sesi temu duga berlangsung.

Seterusnya, yang kedua, murid diberi penerangan tentang keperluan membuat rakaman supaya mereka tidak berasa kurang selesa apabila berhadapan dengan kamera. Pengkaji juga mewujudkan suasana mesra dengan mengenali murid dengan lebih dekat untuk memastikan keselesaan murid sebelum sesi temu duga dijalankan. Sebagai rumusan, temu duga klinikal memerlukan kerjasama subjek kajian supaya data yang diperoleh menggambarkan pemikiran sebenar subjek.

Menurut Nik Azis (1996), pendekatan kajian kes yang dijalankan secara bersistem dapat membantu guru memahami murid sebagai individu. Sebaliknya, kajian kes yang dijalankan tanpa kemahiran yang tertentu berkemungkinan besar akan menghasilkan data atau kronologi yang tidak bermakna atau lebih tepat lagi boleh menimbulkan kekeliruan antara fakta dengan rekaan data yang tidak berasas. Kajian ini

memberikan tumpuan secara mendalam dan terperinci kepada akhlak, justeru pemilihan sepuluh subjek kajian adalah memadai untuk mengenal pasti pemahaman murid.

Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan teknik temu duga klinikal sebagai prosedur pengumpulan data. Temu duga klinikal dianggap sebagai kaedah yang baik sebab kaedah ini membolehkan pengkaji merumus dan menguji hipotesis semasa menjalankan temu duga, dan membolehkan saya mengenal pasti pemahaman murid tentang akhlak dari perspektif mereka. Tindak balas murid, sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan merupakan data bagi temu duga klinikal. Alat perakam video digunakan untuk merakam setiap temu duga bagi memudahkan pemerhatian dan penganalisisan data.

Teknik temu duga klinikal mengandungi tiga komponen atau prosedur asas, iaitu pemerhatian, penyoalan dan penilaian. Piaget (1929) dalam Nik Azis (1999) menegaskan semua kajian yang memberikan tumpuan kepada pemikiran individu harus dimulakan dengan pemerhatian sebab semua tingkah laku individu, sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan merupakan data bagi kajian tersebut.

Istilah klinikal bermaksud pemerhatian secara langsung terhadap tingkah laku murid dalam konteks interaksi satu sama satu. Pemerhatian secara langsung pula merujuk pemerhatian pengkaji yang bertumpu kepada tingkah laku murid semasa menyelesaikan masalah tertentu. Pengkaji memerhatikan segala tingkah laku murid dengan teliti, samada berbentuk bahasa atau tanpa bahasa. Pemerhatian itu membekalkan petunjuk tertentu yang boleh membantu pengkaji mengawal corak interaksinya dengan murid semasa temu duga dijalankan.

Pada umumnya, temu duga klinikal merupakan satu kaedah penilaian yang melibatkan satu dialog atau perbualan yang dijalankan antara seorang dewasa (pengkaji) dengan seorang murid. Dalam konteks ini, interaksi berlaku yang mana penemu duga

akan mendengar dan melihat sendiri secara langsung tingkah laku yang dipaparkan oleh murid apabila diminta menjawab beberapa tugas yang telah dibina oleh pengkaji.

Dalam temu duga klinikal, pengkaji cuba meneroka pemikiran setiap murid. Soalan atau tugas dikemukakan secara fleksibel dan terbuka. Pada umumnya, pengkaji memulakan sesi temu duga dengan mengemukakan satu soalan tugas kepada murid. Berdasarkan gerak balas murid terhadap soalan itu, pengkaji akan menyoal, mengemukakan tugas yang sama tetapi dalam bentuk yang berlainan atau mengemukakan tugas yang baru. Soalan yang dikemukakan pengkaji adalah saling berkait dengan corak gerak balas atau jawapan yang diberi murid kepada soalan terdahulu. Ringkasnya, pengkaji menggunakan prosedur soal jawab yang bersifat fleksibel, terbuka, intensif, meneroka, dan memerlukan murid memberi penjelasan tentang sesuatu tindakan bagi tujuan memahami perkara yang berlaku dalam fikiran murid tersebut (Nik Azis, 1999).

Prosedur penilaian pula membolehkan pengkaji menyemak respons yang diberi murid, mendapat penjelasan lanjut tentang pernyataan kurang jelas, dan mentafsirkan respons yang diberikan murid. Untuk melicinkan proses pemerhatian, penyoalan, dan penilaian, reka bentuk temuduga klinikal membabitkan beberapa perkara, iaitu pertama, satu rancangan temu duga dibuat dengan mengambil kira seberapa banyak kemungkinan perlakuan murid dalam menyelesaikan sesuatu masalah; yang kedua, masalah tentang akhlak dibentuk sedemikian rupa untuk memberi peluang kepada murid menggunakan skim pemikiran paling canggih; yang ketiga, latar belakang masalah akhlak dibentuk dengan teliti untuk meningkatkan daya motivasi supaya murid berminat mencuba setiap masalah yang diberikan, dan akhir sekali, murid diberi peluang secukupnya untuk mencuba setiap masalah yang diberikan.

Respons murid dalam sesuatu sesi temu duga memang tidak dapat dijangkakan. Walaupun tugas yang dikemukakan kepada murid diambil daripada himpunan

tugasan yang telah disediakan, bukan semua tugasan dalam himpunan tersebut dikemukakan kepada murid. Sebaliknya, tugasan yang disediakan bergantung pada tingkah laku murid. Ada kemungkinan beberapa soalan akan ditinggalkan atau diubahsuai.


Semasa temu duga, pengkaji bertanggung jawab membentuk soalan spontan selepas mentafsirkan respons murid terhadap soalan yang telah dikemukakan. Dalam beberapa kes, tugasan yang sama akan dikemukakan dalam beberapa bentuk yang berbeza untuk mencungkil kekuatan dan kelemahan strategi pemikiran yang digunakan oleh murid dan untuk memperoleh gambaran tambahan tentang makna atau pengetahuan yang dimiliki murid tersebut. Tindak balas murid terhadap setiap variasi tugasan akan menentukan bentuk tugasan baru yang akan dikemukakan (Nik Azis, 1999).

Instrumentasi

Bahagian ini menjelaskan secara terperinci instrumen yang digunakan dalam kajian yang membabitkan pengelolaan temu duga, tugasan temu duga, dan soalan temu duga.

Pengelolaan temu duga

Temu duga klinikal dalam kajian ini dijalankan di dalam makmal komputer. Lokasi ini menjadi pilihan sebab ia dapat mengurangkan gangguan kepada murid, yang mana mereka dikecualikan daripada menghadiri kelas selama jangka masa mereka dikehendaki melibatkan diri dalam sesi temu duga yang telah ditetapkan. Kelengkapan asas dalam bilik temu duga termasuk sebuah meja besar, dua kerusi, dan alat perakam video(lihat Rajah 2). Dalam kajian ini, setiap murid ditemu duga secara individu sebanyak tiga kali dalam tempoh tiga minggu dan setiap sesi temu duga berlangsung selama kira-kira satu jam.



Rajah 2 : Pelan bilik temu duga

Tugasan temu duga

Temu duga dibahagikan kepada tiga sesi bagi setiap subjek. Ia membabitkan sembilan belas aktiviti yang berbeza, iaitu sesi pertama membabitkan tugasan tentang makna akhlak yang mengandungi soalan tentang makna akhlak, perkara bukan akhlak, konteks akhlak, perbandingan makna, dan perkataan yang sama makna dengan akhlak.

Tugasan yang kedua membabitkan tentang hubungan akhlak yang mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, mengelaskan aktiviti sama ada kepercayaan, sikap, emosi, motivasi, atau perbuatan, hubungan akhlak dengan fikiran, perkataan yang sama makna dengan fikiran, hubungan akhlak dengan perasaan, perkataan yang sama makna dengan perasaan, hubungan akhlak dengan perbuatan, dan perkataan yang sama makna dengan perbuatan.

Seterusnya, tugasan yang membabitkan pembentukan akhlak mengandungi soalan tentang tentang makna keluarga, cara keluarga membentuk akhlak, makna ibu bapa, makna ibu bapa yang penyayang, makna rakan sebaya, dan bagaimana rakan sebaya boleh bantu membentuk disiplin diri.

Tugasan diagihkan kepada tiga sesi temu duga, iaitu temu duga pertama mengandungi tugasan tentang makna akhlak, perkara bukan akhlak, konteks akhlak, perbandingan makna, dan perkataan yang sama makna dengan akhlak. Temu duga kedua mengandungi tugasan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, mengelaskan aktiviti sama ada kepercayaan, sikap, emosi, motivasi, atau perbuatan, hubungan akhlak dengan fikiran, perkataan yang sama makna dengan fikiran, hubungan akhlak dengan perasaan, perkataan yang sama makna dengan perasaan, hubungan akhlak dengan perbuatan, dan perkataan yang sama makna dengan perbuatan. Akhir sekali, temu duga ketiga mengandungi tugasan tentang makna keluarga, cara keluarga membentuk akhlak, makna ibu bapa, makna ibu bapa yang penyayang, makna rakan sebaya, dan bagaimana rakan sebaya boleh bantu membentuk disiplin diri.

Soalan temu duga

Soalan temu duga ini dibina oleh pengkaji berdasarkan perbincangan yang teliti dan mendalam dengan penyelia kajian. Jadual 3.1 memaparkan tugasan soalan temu duga bagi setiap aktiviti dalam tiga sesi temu duga yang dijalankan.

Jadual 3.1
Huraian Tugasan Temu Duga

| Tugasan | Objektif |
|----------------------|--|
| Makna akhlak | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan akhlak. |
| Perkara bukan akhlak | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang tiada kaitan dengan akhlak. |
| Konteks akhlak | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perbuatan berakhlak di rumah, sekolah, |

Sambungan.....

| Tugasan | Objektif |
|---|--|
| Perbandingan makna | dan pasaraya. Mengenal pasti penjelasan murid tentang makna akhlak bagi orang Islam dan bukan Islam |
| Hubungan akhlak dengan kepercayaan | Mengenal pasti penjelasan murid tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan |
| Mengelaskan aktiviti sama ada kepercayaan, sikap, emosi, motivasi, atau perbuatan | Mengenal pasti penjelasan murid tentang pengelasan aktiviti sama ada kepercayaan, sikap, emosi, motivasi, atau perbuatan. |
| Hubungan akhlak dengan fikiran | Mengenal pasti penjelasan murid tentang jenis kualiti fikiran yang dapat memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak baik. |
| Perkataan yang sama makna dengan fikiran | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkataan yang mempunyai makna yang sama dengan fikiran |
| Makna keluarga | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan keluarga, sama ada pertalian darah atau pertalian sebab perkahwinan. |
| Cara keluarga membentuk akhlak | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang dilakukan oleh keluarga untuk membentuk akhlak. |
| Makna ibu bapa | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan ibu bapa. |
| Makna ibu bapa yang penyayang | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan ibu bapa yang penyayang |
| Makna rakan sebaya | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan makna rakan sebaya. |
| Bagaimana rakan sebaya boleh bantu membentuk disiplin diri | Mengenal pasti penjelasan murid tentang perkara yang berkaitan dengan bagaimana rakan sebaya boleh bantu membentuk disiplin diri. |

Temu duga pertama

Tugasan Makna Akhlak (MA) : Temu duga ini membabitkan aspek makna akhlak yang bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman subjek kajian tentang makna akhlak. Dalam sesi temu duga ini, subjek diminta menyatakan pendapat mereka tentang perkara yang berkaitan dengan akhlak, perbezaan orang berakhlak dan orang tidak berakhlak, perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia, perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk, contoh akhlak baik atau buruk, perkara bukan akhlak, perbandingan makna akhlak, dan perkataan yang sama makna dengan akhlak dalam konteks tertentu.

Temu duga kedua

Tugasan Hubungan Akhlak (HA): Temu duga ini membabitkan aspek hubungan akhlak yang bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman subjek kajian tentang hubungan akhlak. Dalam sesi temu duga ini, subjek diminta menyatakan pendapat mereka tentang makna percaya, pengelasan aktiviti sama ada kepercayaan, sikap, emosi, motivasi, dan perbuatan, pengelasan jenis kualiti fikiran yang memberi sumbangsan kepada pembentukan akhlak yang baik, perkataan yang sama makna dengan fikiran, perkara yang dilakukan oleh perasaan, perkataan yang sama makna dengan perasaan, hubungan akhlak dengan perbuatan, dan perkataan yang sama makna dengan perbuatan dalam konteks tertentu.

Temu duga ketiga

Tugasan Pembentukan Akhlak (PA) : Temu duga ini membabitkan aspek pembentukan akhlak yang bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman subjek kajian tentang pembentukan akhlak. Dalam sesi temu duga ini, subjek kajian diminta memberikan pendapat mereka tentang makna keluarga, cara keluarga membentuk

akhlak, makna ibu bapa, makna ibu bapa yang penyayang, makna rakan sebaya, dan bagaimana rakan sebaya boleh bantu membentuk disiplin diri dalam konteks tertentu.

Kajian rintis

Kajian rintis membabitkan seorang murid dari sebuah sekolah kebangsaan di Negeri Sembilan. Tujuan kajian tersebut adalah untuk membiasakan diri saya dengan teknik temu duga klinikal, menganggarkan masa yang diperlukan bagi setiap sesi temu duga, melihat kesesuaian soalan temu duga yang disediakan dari segi isi, cara penyoalan, dan bahasa yang digunakan, mengumpul maklumat tentang respons yang diberikan oleh murid yang terlibat terhadap tugas temu duga yang disediakan.

Saya telah menjalankan temu duga kepada seorang murid yang dipilih sebagai subjek kajian. Pada mulanya, saya agak kekok untuk membiasakan diri dengan proses temu duga dan soalan yang dikemukakan. Kemudiannya, setelah proses temu duga berjalan selang beberapa minit, sesi temu duga menjadi semakin lancar dan subjek kajian nampaknya dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan penuh yakin dan minat.

Seterusnya, saya telah berbincang dengan penyelia untuk memantapkan lagi teknik penyoalan dalam sesi temu duga. Penyelia telah mencadangkan agar menanya soalan susulan bagi setiap soalan yang dikemukakan dalam tugasannya untuk mendapatkan respon yang menghasilkan data lebih bermakna dan jitu. Penyelia berpuas hati dengan soalan yang dibina dalam tugasannya yang diberikan kepada murid dan bersetuju tidak ada penambahbaikan dilakukan kepada tugasannya dalam sesi temu duga. Walau bagaimanapun, penyelia mencadangkan supaya saya memperkemaskan teknik penyoalan kepada murid, misalnya banyak menanya soalan susulan dalam memastikan setiap respon yang diperolehi memberi maklumat yang benar dan bermakna kepada dapatan kajian ini.

Berikut adalah hasil kajian rintis dipaparkan dalam bentuk jadual berserta dengan soalan yang telah diubah suai selepas dijalankan ke atas seorang subjek kajian yang terlibat dengan temu duga satu membabitkan tugas tentang makna akhlak.

Jadual 3.2
Hasil Kajian Rintis

| Instrumen | Tugasan | Soalan asal | Soalan yang diubahsuai |
|----------------|------------|---|--|
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Jelaskan mengapa perkara yang tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak? | Jelaskan mengapa perkara yang tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak? Boleh tak beri penjelasan yang lain? |
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Boleh kamu bezakan orang yang berakhlek dan orang yang tidak berakhlek? | Boleh kamu bezakan orang yang berakhlek dan orang yang tidak berakhlek? Mengapa orang berakhlek selalu sembahyang? |
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. | Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Apa kaitan pahala dengan akhlak? |
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia. | Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia. Mengapa pergi haji akhlak? |
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Apakah perbezaan antara perkara yang dilakukan oleh orang Islam dengan perkara yang dilakukan oleh orang bukan Islam? | Apakah perbezaan antara perkara yang dilakukan oleh orang Islam dengan perkara yang dilakukan oleh orang bukan Islam? Cuba beri sebab selain daripada perkara yang telah disebutkan. |
| Temu duga Satu | Tugasan MA | Jelaskan mengapa perkara yang tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan perkataan yang sama makna dengan akhlak. | Jelaskan mengapa perkara yang tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan perkataan yang sama makna dengan akhlak. Bolehkah ketawa menjadi unsur akhlak? Mungkin cara ketawa? |

Prosedur Analisis Data

Analisis data dilakukan dalam lima peringkat. Jadual berikut memaparkan peringkat analisis data yang dijalankan dalam kajian ini.

Jadual 3.3
Prosedur analisis data

| Peringkat analisis | Prosedur analisis |
|---------------------------|--|
| Pertama | Rakaman video bagi sesi temu duga satu membabitkan tugas makna akhlak, temu duga dua yang membabitkan tugas hubungan akhlak, dan temu duga tiga membabitkan tugas pembentukan akhlak dipindahkan kepada bentuk bertulis. Transkripsi ini meliputi tiga unsur utama, iaitu reaksi dan catatan membabitkan sepuluh orang subjek murid Tahun Lima semasa temu duga, catatan pengkaji semasa menjalankan sesi temu duga satu, temu duga dua, dan temu duga tiga serta interaksi antara pengkaji dan subjek semasa temu duga. Transkripsi ini juga merupakan rekod temu duga dalam bentuk yang asal dan dianggap sebagai data mentah yang bertulis bagi temu duga klinikal. Rakaman video pula merupakan data mentah yang tidak bertulis. |
| Kedua | Data mentah dalam bentuk transkripsi diolah dan disusun mengikut tema tertentu, misalnya singkatan MA untuk makna akhlak, singkatan HA untuk hubungan akhlak, dan singkatan PA untuk pembentukan akhlak untuk menghasilkan protokol bertulis. Protokol bertulis merupakan draf atau dokumentasi awal tentang apa yang berlaku dalam sesi temu duga. Protokol ini membentuk data asas bagi temu duga klinikal (Nik Azis, 1996). |
| Ketiga | Satu kajian kes mengenai pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak dibentuk berdasarkan maklumat daripada protokol bertulis (sumber utama) dan maklumat sokongan yang diambil daripada segala sumber lain (sumber sekunder) yang boleh didapati. |
| Keempat | Analisis merentas murid dibuat. Pola tingkah laku subjek dikenal pasti berdasarkan tema dan analisis kajian kes. |
| Kelima | Akhir sekali, skim tingkah laku dirumus berdasar kepada pola tingkah laku yang telah dikenal pasti. |

Rumusan

Sepuluh orang murid Tahun Lima dipilih menyertai kajian ini, tetapi hanya lapan orang murid sahaja yang dianalisis. Tujuannya adalah untuk memastikan supaya tidak timbul sebarang masalah teknikal, seperti hasil rakaman video yang tidak memuaskan atau terdapat murid yang terpaksa digugurkan atau menarik diri pada saat akhir. Lokasi kajian ini adalah di sebuah sekolah kebangsaan yang terletak dalam kawasan taman perumahan di pinggir bandar. Reka bentuk kajian ialah kajian kes, manakala temu duga klinikal mengandungi tiga sesi temu duga dipilih sebagai teknik pengumpulan data membabitkan lapan orang murid sebagai subjek kajian yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak bertujuan. Kaedah temu duga klinikal sesuai dijadikan alat untuk mengumpulkan maklumat yang mendalam dan terperinci tentang tingkah laku seseorang murid mengenai pemahaman mereka tentang akhlak dalam konteks yang khusus.

Secara ringkas, tugas temu duga dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu tugas tentang makna akhlak dalam temu duga pertama, tugas tentang hubungan akhlak dalam temu duga kedua, dan tugas tentang pembentukan akhlak dalam temu duga ketiga. Analisis merentas subjek dilakukan untuk mengenal pasti pola tingkah laku subjek berdasarkan analisis kajian kes. Seterusnya, analisis data bagi setiap subjek kajian akan diuraikan dalam bab empat, iaitu bab yang selanjutnya.

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

Pengenalan

Bab ini mengandungi analisis data dan dapatan mengenai pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Dapatan ini diperoleh dari lapan orang subjek melalui perbincangan dalam kajian kes yang dijalankan sebelumnya. Perincian mengenai dapatan ini dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu dapatan tentang makna akhlak, dapatan tentang hubungan akhlak, dan seterusnya ialah dapatan tentang pembentukan akhlak.

Ahmad

Ahmad berumur 11 tahun 3 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan murid yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana dalam Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama yang baik dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Ahmad menyatakan bahawa perkataan akhlak adalah merujuk perbuatan melakukan perkara baik yang disukai masyarakat. Dalam hal ini, nampaknya beliau menggunakan asas cita rasa masyarakat secara tidak langsung sebagai kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menyatakan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang baik dan disukai oleh masyarakat.

Dalam hal ini, Ahmad menggunakan kriteria cita rasa masyarakat secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Ahmad mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak beradab dan berakhhlak. Walau bagaimanapun, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak dipaparkan dalam Petikan MA2.

Petikan MA2

- P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?
- S: Orang yang berakhhlak ni seorang yang baik, orang yang tidak berakhhlak, dia tidak tahu tentang akhlak. Orang yang berakhhlak akan disayangi oleh masyarakat, orang tidak berakhhlak akan menjadi sampah masyarakat.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Ahmad sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak adalah seorang yang baik dan disayangi masyarakat, manakala orang yang tidak berakhhlak pula tidak tahu tentang apa yang dikatakan sebagai akhlak dan mereka menjadi sampah masyarakat.

Seterusnya, Ahmad menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan bersopan santun dengan tetamu. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Selanjutnya, Ahmad juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti bercakap dengan

lemah lembut dan bersopan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara kebajikan, contohnya menolong guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Ahmad mengaitkannya dengan perbuatan seperti merempit, meludah merata-rata, membuang masa, dan tidak menghormati guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan tingkah laku seperti mengumpat. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Sementara itu, Ahmad juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti mencuri. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang berkaitan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk dipaparkan dalam Petikan MA3.

Petikan MA3

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
S: Menolong cikgu angkat barang, memberi salam, bercakap dengan lemah lembut, tidak membuat bising semasa tetamu datang, berjalan hendaklah tunduk bila tetamu berada di hadapan.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
Menjadi mat rempit, meludah merata-rata, membuang sampah, tidak S: hormat kepada guru, mengumpat, mencuri, mengugut, mencederakan murid lain.

Dalam petikan di atas, saya meminta Ahmad menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia adalah seperti menolong guru mengangkat barang di sekolah, memberi salam apabila bertemu atau berselisih dengan saudara sesama Islam, bercakap dengan lemah lembut dan beradab sopan, tidak membuat bising dan berkelakuan kurang sopan semasa tetamu datang ke rumah, dan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada tetamu yang datang ke rumah.

Ahmad turut menyenaraikan perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk, yang antara lainnya ialah merempit, iaitu penunggang motosikal yang menunggang secara berbahaya di jalan raya, dan suka menyertai lumba haram, orang yang suka meludah merata-rata terutamanya di tempat awam, orang yang suka membuang sampah, dan mengotorkan kawasan persekitarannya, murid yang tidak menghormati guru di sekolah, menceritakan keburukan orang lain iaitu mengumpat, mencuri, mengugut, dan mencederakan murid lain dengan sengaja sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah.

Ahmad juga menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al-Quran. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak. Petikan MA5 memaparkan tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA5

- P: Sila jelaskan mengapa perkara yang tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan bukan akhlak (lihat kerja seperti di bawah).
- S: Perkara yang tidak bertanda, mempunyai akhlak, kalau membaca al-Quran, akhlaknya adalah rajin.

Dalam Petikan MA5, Ahmad memberikan penjelasan tentang mengapa perkara yang beliau tidak tandakan dalam pernyataan yang diberikan sebagai suatu yang dianggap tidak ada kaitan dengan bukan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan dalam perkara yang beliau tidak tandakan itu adalah pernyataan berunsur akhlak, contohnya orang yang selalu membaca al-Quran boleh dianggap sebagai orang yang rajin dari segi akhlaknya.

Dalam hal ini, Ahmad berpendapat bahawa cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti tingkah laku dan perangai seseorang terlebih dahulu. Namun begitu, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria yang spesifik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Kesimpulan

Ahmad menganggap akhlak sebagai perbuatan melakukan perkara baik yang disukai masyarakat. Di sini, beliau menggunakan cita rasa masyarakat secara tidak langsung sebagai kriteria penentuan baik buruk sesuatu perkara itu. Selanjutnya, beliau mengaitkan akhlak baik dengan orang yang baik dan disukai masyarakat. Dalam hal ini, beliau juga menggunakan cita rasa masyarakat secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik.

Seterusnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak berakhlak. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara tersebut. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Dalam hal ini, Ahmad mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan bersopan santun dengan tetamu. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung

dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Berhubung dengan akhlak yang mulia, Ahmad mengaitkannya dengan perbuatan seperti bercakap dengan lemah lembut dan bersopan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Selanjutnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan kebajikan seperti menolong guru. Secara khususnya, beliau turut menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Pada umumnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti merempit, meludah merata-rata, membuang masa, dan tidak menghormati guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan tingkah laku seperti mengumpat. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak buruk. Sehubungan itu, akhlak yang buruk juga beliau kaitkan dengan perbuatan seperti mencuri. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang berkaitan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, Ahmad menyatakan perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al-Quran. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak. Bagi Ahmad, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti tingkah laku dan perangai seseorang terlebih dahulu. Namun begitu, beliau tidak

menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Ahmad, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kepercayaan dianggap boleh meresap ke dalam diri seseorang. Dalam hal ini, beliau nampaknya menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Ahmad menyatakan bahawa akhlak berkaitan dengan perasaan sebab akhlak dianggap sebagai suatu alat yang boleh mengawal diri dari sifat marah dan panas baran. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti pemikiran logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau juga menganggap jenis pemikiran negatif seperti pemikiran yang cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Dalam konteks ini, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap lahir dari tindakan seseorang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam menjelaskan tingkah laku seseorang samada melakukan perkara baik atau perkara buruk. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Sementara itu, Ahmad turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai cabang penambahan ilmu di sekolah dan boleh dijadikan teladan dalam menjalani kehidupan seharian. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA10

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Sebab kepercayaan ini datang secara tiba-tiba, contoh terkejut melihat keputusan mendapat 5A.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Sebab sikap ini terdiri daripada tindakan diri sendiri. Contoh berlaku kasar terhadap ibu bapa dan tindakan itu tidak berfikir dahulu.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Emosi ni mengawal diri daripada kemarahan, panas baran dan suka marah-marah orang. Tidak dapat mengawal perasaan diri kita sendiri.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.

- S: Motivasi ni berkaitan dengan pelajaran, motivasi ni untuk menambah ilmu dalam pelajaran, dan ia juga boleh menjadi contoh atau teladan.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Perbuatannya untuk menunjukkan baik atau buruk kepada seseorang, contohnya perbuatan menconteng papan hitam adalah perbuatan yang salah.(lihat kerja seperti di bawah)
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Boleh dipercayai.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
- S: Ia menunjukkan sikap menghormati ibu bapa dan guru itu, jadi ia boleh dipercayai.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Dapat disayangi oleh rakan, dan tidak dicaci oleh masyarakat.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Akan dicaci, orang bersangka buruk terhadap kita, kita akan mendapat malu.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Supaya rakan mempercayai kita, rakan kita tidak selisih faham terhadap kita, dan ibu bapa kita percaya terhadap kita.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Kita tidak faham dalam pelajaran, dan guru tidak yakin bahawa kita akan mendapat keputusan yang cemerlang.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Dapat membantu.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Sebab dapat mengambil iktibar daripada kepercayaan yang kukuh kepada Allah, seperti yang buruk dijadikan kebaikan, dapat membantu diri ke arah kebaikan.

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung. | Perbuatan |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR. | Kepercayaan |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya. | Sikap |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta. | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Motivasi |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Sikap |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Motivasi |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA10, Ahmad menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan. Menurut beliau, kepercayaan datang secara tiba-tiba dan meresap ke dalam diri individu. Contohnya, apabila terdapat kejutan dalam keputusan peperiksaan UPSR di mana seseorang yang tidak cemerlang memperoleh keputusan memberangsangkan, iaitu mendapat A dalam semua mata pelajaran.

Kemudiannya, apabila saya bertanya Ahmad tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap berasal daripada tindakan yang dilakukan oleh individu itu sendiri sambil memberikan contoh seperti berlaku kasar terhadap ibu bapa, dan semua tindakan yang negatif berpunca dari tindakan yang dilakukan oleh seseorang tanpa menggunakan fikirannya yang waras. Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi adalah elemen pengawalan diri daripada sifat marah, panas baran, dan suka memarahi orang lain sebab seseorang itu tidak dapat mengawal tindakan dan perasaan diri sendiri.

Sehubungan itu, Ahmad menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab motivasi sering dikaitkan dengan pembelajaran, pencapaian akademik, serta penambahan ilmu dalam pelajaran dan berkait dengan contoh atau teladan yang baik. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab dari perbuatan yang dilakukan oleh individu tersebut dapat digambarkan sama ada seseorang itu mempunyai akhlak yang baik atau buruk, contohnya bagi beliau perbuatan menconteng papan hitam adalah perbuatan yang salah dan mencerminkan akhlak atau peribadi seseorang yang buruk di mata masyarakat.

Bagi Ahmad, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan dengan perbuatan ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung, Ali menolong ayahnya membasuh kereta, dan Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. Berikut adalah pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. Sementara itu, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap ialah: Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi.

Akhir sekali, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah: Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib.

Pada umumnya, Ahmad menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang baik akhlaknya dan boleh dipercayai sebab mereka sentiasa menunjukkan sikap yang beradab sopan terhadap ibu bapa dan guru di sekolah. Apabila saya bertanya tentang kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, penjelasan beliau mengenai perkara tersebut ialah rakan-rakan akan menghormati, menyayangi kita serta dipandang baik di mata masyarakat, tidak akan dicaci, dan dicemuh oleh masyarakat sekeliling.

Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu yang antara lainnya ialah kita akan dicaci oleh masyarakat dan jiran sekeliling kita, orang berpandangan negatif terhadap diri kita, orang bersangka buruk

terhadap semua tindakan yang kita lakukan, dan kita akan mendapat malu akibat dari maruah diri yang tercalar.

Kemudiannya, beliau menjelaskan tentang faedah jikalau kita yakin kepada diri sendiri di antaranya rakan kita akan mempercayai semua tindakan yang kita lakukan, pergaduhan dapat dielakkan, dapat menghilangkan perselisihan faham, dan ibu bapa sentiasa meletakkan kepercayaannya terhadap diri kita. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita akan menghadapi kesukaran dalam memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru di dalam kelas dan kesannya guru juga tidak meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada kita untuk mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab beliau dapat mengambil pengajaran, nasihat, dan iktibar daripada kepercayaan yang kukuh kepada Allah, di antaranya jikalau akhlak yang buruk boleh diubah menjadi baik, ini dapat membantu membentuk peribadi ke arah kebaikan.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perbuatan keji seperti mencuri. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Ahmad menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan rajin membantu guru dan sentiasa mengerjakan solat berjemaah di masjid atau surau. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang

dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA18

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya sebab disiplin akan mengubah diri kita menjadi baik.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Contohnya ialah melihat orang menolong cikgu dan melihat orang tu sembahyang pada waktunya.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Tunduk apabila berhadapan dengan seseorang yang lebih tua daripada kita, tidak bergaduh di hadapan cikgu, menghormati guru atau keluarga.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Tunduk apabila berhadapan dengan seseorang yang lebih tua daripada kita, tidak bergaduh di hadapan cikgu, menghormati guru atau keluarga.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Bermain mercun, kerana ianya boleh memeranjatkan seseorang, berkelakuan kasar terhadap orang tua.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Ya kerana kelakuan sopan ini dapat membentuk perangai yang elok.

Dalam Petikan HA18, Ahmad menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita akan melakukan perbuatan yang baik sebab mengamalkan disiplin secara tekal dan berterusan dapat mengubah diri kita menjadi insan yang baik dan berguna. Seterusnya, saya bertanya tentang contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri beliau menjadi seorang yang baik akhlak, beliau menjelaskan bahawa contoh perbuatan yang baik bagi beliau ialah ketika melihat kawannya menolong guru membuat sesuatu kerja di sekolah dan melihat orang bersembahyang fardhu pada awal waktu di masjid atau pun surau.

Kemudiannya, Ahmad menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan yang antara lainnya ialah menundukkan kepala apabila berhadapan dengan orang tua, tidak melakukan perbuatan biadap, tidak sopan seperti bergaduh di hadapan guru, dan menghormati guru yang banyak berjasa dalam bidang pendidikan serta keluarga yang

banyak membantu dalam semua aspek kehidupan di dunia ini. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah bermain mercun yang merbahaya kepada kanak-kanak sebab bunyi letupannya sangat kuat sehingga boleh memeranjatkan seseorang dan berkelakuan kasar, biadap serta tidak sopan terhadap orang tua. Akhir sekali, beliau bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu.

Kesimpulan

Bagi Ahmad, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kepercayaan dianggap boleh meresap ke dalam diri seseorang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Ahmad menyatakan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap sebagai suatu alat yang boleh mengawal diri dari sifat marah dan panas baran. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan di antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau juga menganggap jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan di antara satu sama lain sebab

sikap lahir dari tindakan seseorang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkaitan di antara satu sama lain dalam menjelaskan tingkah laku seseorang samada melakukan perkara baik atau perkara buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Sementara itu, Ahmad juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan motivasi berkaitan di antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai cabang penambahan ilmu di sekolah dan boleh dijadikan teladan dalam menjalani kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi.

Dalam hal berkaitan, Ahmad juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perbuatan keji seperti mencuri. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Kemudiannya, Ahmad menjelaskan tentang cara untuk membentuk akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan rajin membantu guru dan sentiasa mengerjakan solat berjemaah di masjid atau surau. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Ahmad turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah sentiasa meluangkan masa berkualiti bersama sambil melakukan aktiviti yang berfaedah. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah boleh mencemarkan maruah keluarga, contohnya anak yang dihukum penjara atas kesalahan jenayah. Nampaknya, Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Ahmad menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik anak mereka.

Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang dilakukan dan memberi nasihat sebagai satu bentuk motivasi agar mereka tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA24

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, kerana ibu bapa mencerah tanggung jawab yang cukup untuk anak-anaknya contoh anak-anaknya sudah dewasa dan perlu berdikari untuk hidup, dan tak perlu ada tanggung jawab daripada ibu bapa.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Anak-anaknya akan kurang ajar terhadap ibu bapanya contohnya tidak mendidik anak dengan betul.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Ibu bapa patutnya memberi pengajaran contohnya jika kita membuat kesalahan hendaklah dihukum dengan memberi nasihat atau rotan.

Dalam Petikan PA24, saya bertanya Ahmad adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik dan beliau bersetuju sebab ibu bapa banyak berkorban untuk anak-anak dari segi rohani serta jasmani dan sudah tiba masa anaknya berdiri atas usaha sendiri, serta tidak menyusahkan ibu bapa sebab mereka telah menerima didikan yang cukup dari segi duniawi dan ukhrawi. Seterusnya, Ahmad memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, misalnya anak-anak akan bertindak kurang sopan dan berlaku kurang ajar terhadap ibu bapa, serta boleh menimbulkan konflik antara ahli keluarga. Perkara seperti ini terjadi jikalau ibu bapa tidak memberikan didikan yang secukupnya kepada anak mereka.

Saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak mereka, misalnya beliau menjelaskan ibu bapa sepatutnya memberikan hukuman dan pengajaran atas kesalahan yang dilakukan oleh anak mereka dan memberikan nasihat sebagai motivasi diri supaya tidak melakukan lagi perkara tersebut.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab beliau menganggap rakan yang berbudi

bahasa sentiasa menunjukkan tingkah laku sopan yang boleh dicontohi rakan lain. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi teladan yang baik kepada kawan-kawan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang tua. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Ahmad ketika menjelaskan tentang perkara di atas.

Petikan PA27

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, sebab rakan dapat menunjukkan tingkah laku dirinya contohnya kawan tu rajin, kita juga boleh dapat mengikut jejaknya.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Jika kita mempunyai kawan yang bersopan santun, kita akan mengikut kebaikannya, contohnya menolong guru mengangkat barang ke dalam kereta.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Kita akan dapat mengikutnya melakukan keburukan terhadap orang lain contohnya berlaku kasar terhadap orang tua.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, kerana kawan dapat menolong kita menjadi seorang yang baik contohnya tunduk apabila lalu di hadapan guru atau orang tua.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Kita akan mengikut caranya dan kita akan dibenci masyarakat sebab kita melakukan perkara-perkara yang kita tidak sepatutnya kita lakukan contohnya bergaul dengan orang yang tidak senonoh dan mencuri.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Mestilah amanah terhadap apa-apa kelakuan kita contohnya memegang duit untuk pergi rombongan dan amanah terhadap duit-duit di bank contohnya memegang duit bank daripada terlepas ke tangan orang lain.

Dalam Petikan PA27, Ahmad memberi penjelasan tentang adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu dan beliau bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab anggapannya rakan yang baik budi bahasa sentiasa

menunjukkan tingkah laku beradab sopan dan boleh dicontohi oleh rakan yang lain. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun, beliau menegaskan bahawa kita akan mencontohi kawan kita yang bersikap sedemikian contohnya jikalau kawan kita rajin menolong guru, kita juga mencontohi sikapnya yang suka menolong guru.

Sehubungan itu, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun yang antara lainnya beliau menjelaskan kemungkinan seseorang akan mengikuti keburukan perangai orang yang tidak beradab sopan dan bersopan santun sehingga sanggup berkelakuan kasar serta biadap di hadapan orang tua.

Ahmad bersetuju bahawa kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai yang baik sebab pada anggapan beliau kawan yang berbudi bahasa dan mempunyai adab sopan membantu membentuk akhlak kita menjadi lebih baik contohnya seseorang akan menundukkan kepalanya ketika berjalan di hadapan guru ataupun orang tua. Beliau menjelaskan bahawa berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin akan membuat seseorang terikut dengan kelakuan negatif, biadap, kurang sopan, dan dipandang hina serta dibenci oleh masyarakat sebab melakukan perkara yang kurang disenangi di mata masyarakat, contohnya bergaul dengan orang rosak akhlak, tidak senonoh, dan suka mencuri.

Akhir sekali, saya meminta beliau untuk menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu dan beliau menjelaskan rakan sebaya boleh bantu membentuk sifat amanah dalam setiap perbuatan yang kita lakukan contohnya, apabila diminta untuk memegang duit rombongan ianya dapat dilakukan dan dipercayai oleh kawan yang lain sebab sifat amanah yang ada dalam dirinya, contohnya seperti yang dilakukan oleh pekerja bank yang amanah memegang duit simpanan daripada terlepas ke tangan orang lain.

Kesimpulan

Ahmad menyatakan bahawa keluarga mempunyai peranan dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah sentiasa meluangkan masa berkualiti bersama sambil melakukan aktiviti yang berfaedah. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah boleh mencemarkan maruah keluarga, contohnya anak yang dihukum penjara atas kesalahan jenayah. Nampaknya, Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Ahmad menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang dilakukan dan memberi nasihat sebagai satu bentuk motivasi agar mereka tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab beliau menganggap rakan yang berbudi bahasa sentiasa menunjukkan tingkah laku sopan yang boleh dicontohi rakan lain. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi teladan yang baik kepada kawan-kawan. Seterusnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh

negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang tua. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Ahmad menganggap pengertian akhlak sebagai perbuatan melakukan perkara baik yang disukai masyarakat. Di sini, beliau menggunakan cita rasa masyarakat secara tidak langsung sebagai kriteria penentuan baik buruk sesuatu perkara itu. Kemudiannya, beliau mengaitkan akhlak baik dengan orang yang baik dan disukai masyarakat. Dalam hal ini, beliau juga menggunakan kriteria cita rasa masyarakat secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik.

Sehubungan itu, Ahmad mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak berakhhlak. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara tersebut. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Selanjutnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru, dan bersopan santun dengan tetamu. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Berhubung dengan akhlak yang mulia, Ahmad mengaitkannya dengan perbuatan seperti bercakap dengan lemah lembut dan bersopan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Sementara itu, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan kebajikan seperti menolong guru. Nampaknya, beliau

menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Pada umumnya, Ahmad mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti merempit, meludah merata-rata, membuang masa, dan tidak menghormati guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sehubungan itu, akhlak yang buruk juga beliau kaitkan dengan perbuatan seperti mengumpat. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak buruk. Seterusnya, akhlak yang buruk juga beliau kaitkan dengan perbuatan seperti mencuri. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang berkaitan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, Ahmad menyatakan perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al-Quran. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak. Bagi Ahmad, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti tingkah laku dan perangai seseorang terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

Bagi Ahmad, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kepercayaan dianggap boleh meresap ke dalam diri seseorang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Ahmad menyatakan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap sebagai suatu alat yang boleh mengawal diri dari sifat marah dan panas baran.

Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan di antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau juga menganggap jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan sikap berkaitan di antara satu sama lain sebab sikap lahir dari tindakan seseorang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Ahmad juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkaitan di antara satu sama lain dalam menjelaskan tingkah laku seseorang samada melakukan perkara baik atau perkara buruk. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.

Sementara itu, Ahmad turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan motivasi berkaitan di antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai cabang penambahan ilmu di sekolah dan boleh dijadikan teladan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.

Dalam hal berkaitan, Ahmad juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perbuatan keji seperti mencuri. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Kemudiannya, Ahmad menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan rajin membantu guru dan sentiasa mengerjakan solat berjemaah di masjid atau surau. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kebajikan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Ahmad turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah sentiasa meluangkan masa berkualiti bersama sambil melakukan aktiviti yang berfaedah. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah boleh mencemarkan maruah keluarga, contohnya anak yang dihukum penjara atas kesalahan jenayah. Nampaknya, Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Ahmad menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik.

Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang

dilakukan dan memberi nasihat sebagai satu bentuk motivasi agar mereka tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Ahmad juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab beliau menganggap rakan yang berbudi bahasa sentiasa menunjukkan tingkah laku sopan yang boleh dicontohi rakan lain. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi teladan yang baik kepada kawan-kawan.

Seterusnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang tua. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Ahmad tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 4.1

Huraian ringkas pemahaman Ahmad tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|----------------|---|
| | Ahmad menggunakan cita rasa masyarakat secara tidak langsung sebagai kriteria penentuan baik buruk sesuatu perkara |
| | Ahmad menggunakan kriteria cita rasa masyarakat secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik |
| | Ahmad tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk |
| Makna Akhlak | Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial, sahsiah, dan kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. |
| | Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial, sahsiah, dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan |

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|--|
| | akhlak yang buruk |
| | Ahmad menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak. |
| | Ahmad tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak. |
| | Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan |
| Hubungan Akhlak | Ahmad tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan. Ahmad menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran. |
| | Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap |
| | Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan |
| | Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi |
| | Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk |
| | Ahmad menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik |
| | Ahmad menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak |
| Pembentukan Akhlak | Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Ahmad menggunakan kriteria sahsiah dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak |

Jalil

Jalil berumur 11 tahun 5 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan mempunyai pencapaian akademik sederhana berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberikan kerjasama yang baik dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan, walaupun beliau nampaknya seorang murid yang pendiam.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Jalil menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik atau mendatangkan kebaikan dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam Petikan MA28.

Petikan MA28

- P: Jelaskan mengapa perkara tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak.
S: (Membuat tandaan seperti di bawah, dan kemudiannya memberikan penjelasan) akhlak ialah perkara baik yang kita lakukan, sebab tu perkara ini tidak ada kena mengena dengan akhlak.

Dalam petikan di atas, saya meminta Jalil menerangkan mengapa perkara yang beliau tidak tandakan, dianggap sebagai perkara yang tidak berkaitan dengan akhlak dan beliau menjelaskan bahawa perkara yang bertanda ialah perkara baik yang kita lakukan, manakala perkara yang tidak bertanda pula tidak ada kena mengena dengan akhlak.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang. Dalam hal ini, Jalil menggunakan kriteria

kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Jalil mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak suka menolong orang lain. Walau bagaimanapun, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA29

- P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?
- S: Orang yang berakhhlak selalu menolong orang, dan orang yang tidak berakhhlak tidak selalu menolong orang.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Jalil sama ada beliau boleh membezakan antara orang berakhhlak dengan orang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak selalu menolong orang, manakala orang yang tidak berakhhlak pula tidak selalu menolong orang.

Seterusnya, Jalil menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Jalil mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong orang tua melintas jalan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Sementara itu, Jalil juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menunaikan solat lima waktu dan berbuat baik kepada ibu bapa. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Jalil mengaitkannya dengan perbuatan seperti merosakkan telefon awam, menggores kereta guru, dan suka mengganggu kawan. Beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA30

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
- S: Menolong orang tua melintas jalan, selalu menunaikan solat, selalu berbuat baik terhadap ibu bapa.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
- S: Merosakkan telefon awam, conteng dinding sekolah, menggores kereta guru, selalu mengganggu kawan.

Dalam petikan di atas, saya meminta Jalil menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah menolong orang tua melintas jalan raya, menunaikan solat, dan berbuat baik terhadap ibu bapa.

Seterusnya, Jalil menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, yang antara lainnya ialah merosakkan harta benda awam, iaitu merosakkan telefon awam, menconteng dinding sekolah, menggores kereta guru, dan selalu mengganggu kawan.

Sementara itu, Jalil menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah melakukan kebaikan untuk mendapatkan pahala dari Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Jalil, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau merujuk kriteria pemikiran rasional secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Tingkah laku Jalil semasa menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam Petikan M31.

Petikan MA31

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
S: Dengan menilai sesuatu perkara itu.

Dalam petikan di atas, saya meminta Jalil memberikan penjelasan tentang bagaimana cara untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Jalil menjelaskan bahawa untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk, kita perlu menilai sesuatu perkara itu terlebih dahulu.

Kesimpulan

Jalil menganggap akhlak sebagai perbuatan melakukan perkara yang baik atau mendatangkan kebaikan dalam kehidupan seharian. Di sini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau mengaitkan akhlak baik dengan akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik.

Seterusnya, Jalil mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak suka menolong orang lain. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara tersebut. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Dalam hal ini, Jalil mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti

menolong orang tua melintas jalan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam hal berkaitan, Jalil juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menunaikan solat lima waktu dan berbuat baik kepada ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Jalil mengaitkannya dengan perbuatan seperti merosakkan telefon awam, menggores kereta guru, dan suka mengganggu kawan. Beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, Jalil menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah melakukan kebaikan untuk mendapatkan pahala dari Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Jalil, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada kriteria pemikiran rasional secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak

dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Jalil, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita lebih yakin dengan sesuatu yang sedang dilakukan jikalau kita menaruh seratus peratus kepercayaan terhadap keupayaan diri sendiri. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Jalil menyatakan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak mempunyai pengaruh dalam perasaan hingga boleh menguasai perasaan tertentu seperti gembira, sedih, atau terkejut. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangaan kepada pembentukan akhlak yang baik. Kemudiannya, beliau menganggap jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangaan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Jalil menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Beliau menganggap bahawa akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap ada kaitan dengan pendirian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab seharian secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Jalil juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam melakukan perkara baik atau perkara buruk. Dalam konteks

ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Sementara itu, Jalil juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab nasihat atau dorongan amat penting dan diperlukan oleh murid dalam meningkatkan kemahiran belajar. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan motivasi. Tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA36

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
S: Kerana ia percaya pada suatu perkara dan selalu dia melakukannya.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
S: Perkara yang ditulis sebagai sikap berkaitan sikap yang selalu dilakukan sebelum melakukan apa-apa perkara seperti basuh tangan sebelum makan.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
S: Perkara yang ditulis sebagai emosi berkaitan dengan emosi gembira, sedih ataupun terkejut.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
S: Perkara itu berkaitan dengan motivasi, iaitu perkara yang dilakukan untuk mempertinggikan kemahiran ataupun cara pembelajaran.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
S: Perkara yang ditulis sebagai perbuatan berkaitan dengan perbuatan seperti melakukan sesuatu perkara samada perkara yang jahat atau perkara yang baik.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
S: Boleh dipercayai.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
S: Kerana kepercayaannya yakni kepada ibu bapa dan guru dilakukan dengan membuat perkara yang baik.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
S: Kebaikan jika orang yakin kepada kamu ialah seperti orang yang yakin kepada kita akan berbuat baik dan berkawan sebagai sahabat.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
S: Jika orang tidak yakin kepada kita orang itu tidak berkawan dengan kita dan tidak percaya kepada diri kita.

- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Semua perkara yang kita lakukan akan menjadi senang dan mudah untuk kita lakukan.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Perkara yang berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri ialah selalu stress, selalu melakukan perkara yang tidak berfaedah.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Dapat membantu.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Kerana kita akan dibantu Allah jika membuat perkara yang berat seperti menebang pokok(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung. | Sikap |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR. | Kepercayaan |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta. | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. | Sikap |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Motivasi |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Perbuatan |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA36, Jalil menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan. Menurut beliau, seseorang perlu meletakkan kepercayaan pada setiap perkara yang dilakukan dan sering melakukan perkara tersebut. Apabila saya bertanya Jalil mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap adalah rutin sesuatu yang dilakukan sebelum melakukan sesuatu perkara, seperti contoh membasuh tangan sebelum makan. Dalam menjelaskan tentang perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu

yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi berkaitan dengan emosi gembira, sedih, atau terkejut.

Sehubungan itu, Jalil menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab motivasi bagi beliau adalah perkara yang dilakukan untuk meningkatkan kemahiran atau cara pembelajaran. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab perbuatan itu adalah melakukan sesuatu perkara itu samada perkara yang jahat mahupun perkara yang baik.

Bagi Jalil, pernyataan berikut dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan dengan perbuatan : Ali menolong ayahnya membasuh kereta dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walaupun telah masuk waktu solat Maghrib. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah : Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. Berikut adalah pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan : Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya.

Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap ialah : Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung dan Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. Akhir sekali, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah : Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti dan Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya.

Pada umumnya, Jalil menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang baik akhlaknya dan boleh dipercayai sebab dia menunjukkan contoh tingkah laku yang terpuji terhadap ibu bapa dan guru di sekolah

dengan melakukan perkara yang baik. Apabila saya bertanya tentang kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, misalnya beliau menjelaskan bahawa orang yang yakin dengan diri kita akan berbuat baik dan menganggap kita sebagai sahabat.

Kemudiannya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu, yang antara lainnya ialah orang tidak mahu berkawan dengan kita dan tidak percaya kepada diri kita. Kemudiannya, beliau menjelaskan faedah jikalau kita yakin kepada diri sendiri, di antaranya ialah semua perkara yang kita lakukan menjadi senang dan mudah untuk dilakukan. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, misalnya beliau menjelaskan kita akan rasa tertekan dan sentiasa melakukan perkara tidak berfaedah. Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila kita sudah tidak ada keyakinan pada diri sendiri, kita akan rasa tertekan dan melakukan perkara yang boleh merosakkan peribadi. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Jalil menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan taat kepada ibu bapa dan guru, sentiasa melakukan kebaikan, dan berdisiplin. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, dengan mengamalkan sikap berdisiplin kita akan melakukan perbuatan yang baik seperti menolong guru membawa buku dan menolong ayah mencuci kereta.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Selalu solat lima waktu, dan berzikir pada Allah, kita menghormati ibu bapa, menghormati guru, selalu menolong orang yang lebih tua.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Mendapat pahala, disanjung tinggi oleh orang lain dan dianggap seorang yang baik.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Dimarahi oleh orang lain contoh seperti menconteng dinding sekolah, mengambil barang kawan, selalu bercakap ketika makanan di dalam mulut.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Tidak, mesti disiplin, tingkah laku seperti selalu menolong orang melakukan kerja-kerja yang berat seperti menolong orang tua yang membawa banyak barang melintas jalan.

Dalam Petikan HA44, Jalil menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin yang berterusan kita akan melakukan perbuatan yang baik seperti menolong guru membawa buku dan menolong ayah mencuci kereta. Seterusnya, saya bertanya tentang contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri beliau untuk menjadi seorang yang baik, yang antaranya ialah mengerjakan solat lima waktu sehari semalam, berzikir, menghormati ibu bapa dan guru, dan menolong orang tua.

Sehubungan itu, Jalil menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah mendapat pahala, disanjung tinggi oleh orang lain, dan dianggap sebagai orang baik. Seterusnya, beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah dimarahi orang sebab menconteng dinding sekolah, mengambil barang kawan, dan bercakap ketika makanan penuh di dalam mulut. Akhir sekali, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu sebab seseorang itu pada pendapat beliau perlu berdisiplin setiap masa, contohnya tololng

menolong dalam melakukan kerja berat seperti menolong orang tua yang membawa banyak barang melintas jalan.

Kesimpulan

Bagi Jalil, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita lebih yakin dengan sesuatu yang sedang dilakukan jikalau kita menaruh seratus peratus kepercayaan terhadap keupayaan diri sendiri. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Jalil menyatakan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak mempunyai pengaruh dalam perasaan hingga boleh menguasai perasaan tertentu seperti gembira, sedih, atau terkejut. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Beliau menyatakan bahawa akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Jalil menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan pendirian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab seharian secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Jalil juga menjelaskan

hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam melakukan perkara baik atau perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Jalil juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan bahawa akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab nasihat atau dorongan amat penting dan diperlukan oleh murid dalam meningkatkan kemahiran belajar. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi.

Sehubungan itu, Jalil turut menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila kita sudah tidak ada keyakinan pada diri sendiri, kita akan rasa tertekan dan melakukan perkara yang boleh merosakkan peribadi. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Jalil menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan taat kepada ibu bapa dan guru, sentiasa melakukan kebaikan, dan berdisiplin. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Jalil turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah selalu melakukan kebaikan untuk mendapat pahala dari Allah dan disanjung tinggi oleh orang lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah mendapat dosa, dicaci, dan tidak dihormati orang lain. Nampaknya, Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Jalil menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, contohnya menyemak buku latihan dan kelakuan anak mereka. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu anak-anak hendaklah dirotan jika lau didapati melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA50

P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?

- S: Ya, ibu bapa yang bertanggung jawab akan selalu menyemak buku latihan dan kelakuan kita di sekolah.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Kita akan stress dan selalu membuat perkara yang tidak berfaedah contohnya melepak.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Merotan jika membuat perkara yang tidak baik.

Dalam Petikan PA50, saya bertanya Jalil adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik dan beliau bersetuju sebab ibu bapa yang bertanggung jawab menyemak buku latihan dan kelakuan anak di sekolah. Seterusnya, Jalil memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, antara lainnya ialah anak rasa tertekan dan membuat perkara tidak berfaedah contohnya melepak. Saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak dan beliau menjelaskan ibu bapa sepatutnya merotan anak yang melakukan kesalahan atau membuat perkara yang tidak baik.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab menunjukkan contoh yang baik seperti solat berjemaah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik, misalnya melakukan perkara terpuji seperti menolong orang melintas jalan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang lain dan tabiat suka mencuri. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Jalil ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan PA53

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, kerana kawan yang baik akan membuat perkara yang baik untuk kita, contoh pergi solat berjemaah bersama-sama .
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Kita akan membuat perkara yang sopan seperti menolong orang yang hendak melintas jalan.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Keburukannya ialah kita akan selalu berbuat jahat, tidak menghormati orang lain, dan suka mencuri.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, kita akan senang bercakap baik dengan orang lain, contoh kamu seorang yang bertanggung jawab untuk menolong orang lain seperti bercakap dengan bersopan santun.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Kita akan selalu berbohong, mencuri, dan selalu melepak di pusat membeli belah.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Seperti mengajak kita bersembahyang, belajar, dan menolong orang lain contohnya menolong cikgu membawa barang yang berat.

Dalam Petikan PA53, Jalil memberi penjelasan tentang adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapannya kawan yang baik membuat perkara yang baik untuk sahabatnya dan beliau memberi contoh seperti pergi solat berjemaah bersama-sama. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa kita akan membuat perkara sopan seperti menolong orang melintas jalan raya.

Sehubungan itu, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun yang antara lainnya ialah selalu berbuat jahat, tidak menghormati orang lain, dan suka mencuri. Beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita menjadi baik sebab pada anggapan beliau seseorang sentiasa bercakap sopan dan baik dengan orang, contohnya seorang yang bertanggung jawab untuk menolong orang lain dan bercakap dengan sopan santun.

Sementara itu, beliau menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin menyebabkan seseorang bercakap bohong, mencuri, dan suka melepak di pusat membeli belah. Akhir sekali, saya meminta beliau untuk menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu dan beliau menjelaskan rakan sebaya mengajak kita bersembahyang, belajar, dan menolong orang lain, contohnya menolong cikgu membawa barang berat.

Kesimpulan

Jalil menyatakan bahawa keluarga mempunyai peranan dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah selalu melakukan kebaikan untuk mendapat pahala dari Allah dan disanjung tinggi oleh orang lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah mendapat dosa, dicaci, dan tidak dihormati orang lain. Nampaknya, Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Jalil menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, contohnya menyemak buku latihan dan kelakuan anak mereka.

Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu anak-anak hendaklah dirotan jika lau didapati melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari.

secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab menunjukkan contoh yang baik seperti solat berjemaah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik, misalnya melakukan perkara terpuji seperti menolong orang melintas jalan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang lain, dan tabiat suka mencuri. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Jalil menganggap akhlak sebagai perbuatan melakukan perkara yang baik atau mendatangkan kebaikan dalam kehidupan sehari-hari. Di sini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi penentuan baik buruk sesuatu perkara itu. Beliau juga mengaitkan akhlak baik dengan akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang. Dalam hal ini, beliau juga tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang baik.

Seterusnya, Jalil mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak suka menolong orang lain. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara tersebut. Secara khusus, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Jalil mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong orang

tua melintas jalan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam hal yang berkaitan, Jalil juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menunaikan solat lima waktu dan berbuat baik kepada ibu bapa. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Jalil mengaitkannya dengan perbuatan seperti merosakkan telefon awam, menggores kereta guru, dan suka mengganggu kawan. Beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Sehubungan itu, Jalil menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah melakukan kebaikan untuk mendapatkan pahala dari Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Jalil, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau merujuk kriteria pemikiran rasional secara tidak langsung untuk menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Pada umumnya, Jalil menganggap akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita lebih yakin dengan sesuatu yang sedang dilakukan jikalau kita menaruh seratus peratus kepercayaan terhadap keupayaan diri sendiri. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Jalil menyatakan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak

mempunyai pengaruh dalam perasaan hingga boleh menguasai perasaan tertentu seperti gembira, sedih, atau terkejut. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Beliau menyatakan bahawa akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Jalil menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan pendirian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab seharian secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Jalil juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain di dalam melakukan perkara baik atau perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Jalil juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab nasihat atau dorongan amat penting dan diperlukan oleh murid dalam meningkatkan kemahiran belajar. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah

secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Dalam hal berkaitan, Jalil turut menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila kita sudah tidak ada keyakinan pada diri sendiri, kita akan rasa tertekan dan melakukan perkara yang boleh merosakkan peribadi. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Jalil menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan taat kepada ibu bapa dan guru, sentiasa melakukan kebaikan, dan berdisiplin. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Dalam hal ini juga, Jalil menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah selalu melakukan kebaikan untuk mendapat pahala dari Allah dan disanjung tinggi oleh orang lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah mendapat dosa, dicaci, dan tidak dihormati orang lain. Nampaknya, Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Jalil menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, contohnya menyemak buku latihan dan kelakuan anak mereka.

Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu anak-anak hendaklah dirotan jika didapati melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Jalil juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab menunjukkan contoh yang baik seperti solat berjemaah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik, misalnya melakukan perkara terpuji seperti menolong orang melintas jalan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, contohnya tidak menghormati orang lain, dan tabiat suka mencuri. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Jalil tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.2.

Jadual 4.2

Huraian ringkas pemahaman Jalil tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------|---|
| Makna Akhlak | Jalil tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara |
| | Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik |
| | Jalil tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk |
| | <u>Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial dan kepercayaan agama secara</u> |

Sambungan....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|--|
| | tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. |
| | Jalil menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk |
| | Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak. |
| | Jalil menggunakan kriteria pemikiran rasional secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak. |
| Hubungan Akhlak | Jalil menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan Jalil tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perasaan. Jalil menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran |
| | Jalil menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan sikap Jalil menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan perbuatan Jalil menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan motivasi |
| Pembentukan Akhlak | Jalil menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kebijakan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak |
| | Jalil menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. |
| | Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak |

Amir

Amir berumur 11 tahun 6 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang aktif.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Amir menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk kelakuan yang baik. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku beliau ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA54

P: Jelaskan mengapa perkara tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak.

S: (Membuat tandaan seperti di bawah, dan kemudiannya memberikan penjelasan) sebab akhlak adalah kelakuan yang baik. Beli basikal tak ada kena mengena dengan kelakuan baik. Dia berlari di padang bukan salah satu akhlak.

Dalam petikan di atas, saya meminta Amir menerangkan mengapa perkara yang beliau tidak tandakan dianggap sebagai perkara yang tidak berkaitan dengan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa akhlak adalah kelakuan yang baik. Menurut beliau, membeli basikal tak ada kena mengena dengan kelakuan baik, manakala pernyataan dia berlari di padang bukan salah satu daripada akhlak.

Sementara itu, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang lain. Dalam hal ini, Amir juga tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak mempunyai sifat sopan santun dalam diri. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA55

P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?

S: Orang yang berakhhlak akan menolong orang setiap masa dan orang yang tidak berakhhlak tidak mempunyai sifat sopan santun.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Amir sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Amir berpendapat orang yang berakhhlak menolong orang setiap masa, manakala orang yang tidak berakhhlak tidak mempunyai sifat sopan santun.

Seterusnya, Amir menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khusus, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Amir mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Amir juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara kebajikan seperti menolong ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkannya dengan perbuatan seperti tidak memberi salam kepada guru, membuang sampah merata-rata, tidak menghormati kawan, dan biadap dengan guru. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan MA56

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
- S: Menolong ibu bapa, mengutip sampah di kawasan rumah dan sekolah, memberi salam ketika berjumpa dengan guru, menghormati rakan guru, dan juga ibu bapa.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
- S: Tidak memberi salam ketika berjumpa dengan guru, membuang sampah merata-rata, tidak menghormati kawan, dan biadap terhadap guru.

Dalam petikan di atas, saya meminta Amir menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut Amir, akhlak yang mulia ialah menolong ibu bapa, mengutip sampah di kawasan rumah dan sekolah, memberi salam ketika berjumpa dengan guru, menghormati rakan guru, dan ibu bapa. Amir menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, yang antara lainnya ialah tidak memberi salam ketika berjumpa dengan guru, membuang sampah merata-rata, tidak menghormati kawan, dan biadap terhadap guru.

Dalam hal yang berkaitan, Amir menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan

akhlak ialah melakukan perbuatan yang baik. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Amir, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan melihat terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu sama ada melakukan perkara baik atau perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau tidak merujuk sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Amir semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA57

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
S: Akhlak yang baik (berfikir sejenak) tidak akan menunjukkan perangai buruknya, akhlak buruk, ia akan selalu biadap terhadap guru.

Dalam petikan MA57, saya meminta Amir memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Amir menjelaskan bahawa untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik ialah seseorang itu sentiasa menjaga tingkah lakunya, manakala untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak buruk ialah seseorang itu biadap dan bersikap kurang sopan terhadap guru.

Kesimpulan

Amir menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk kelakuan yang baik. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang lain.

Amir juga tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Seterusnya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak mempunyai sifat sopan santun dalam diri. Walau bagaimanapun, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khusus, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Amir mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Selanjutnya, Amir juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara kebajikan seperti menolong ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkannya dengan perbuatan seperti tidak memberi salam kepada guru, membuang sampah merata-rata, tidak menghormati kawan, dan biadap dengan guru. Beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Amir menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah melakukan perbuatan yang baik. Dalam menjelaskan hal ini, beliau

menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Amir, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan melihat terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu samada melakukan perkara baik atau perkara yang buruk. Nampaknya, beliau tidak merujuk kepada sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Amir, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita mesti memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Amir menganggap akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap mempunyai pengaruh dalam perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kecewa. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Kemudiannya, beliau menganggap pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan

kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Amir menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap kurang ajar, tidak bertolak ansur, dan suka bergaduh. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam semua perkara yang dilakukan di mana sahaja kita berada, contohnya menyusun meja dalam kelas, berjalan, bercakap, atau menangis. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Amir juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab kita selalu menjadikan motivasi sebagai teladan untuk berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi. Tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA63

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Kepercayaan adalah suatu benda yang kita percaya pada suatu aktiviti yang dilakukan.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Sikap itu suatu benda yang dilakukan seseorang pada setiap masa, antara sikap yang tidak baik ialah sikap kurang ajar, tidak bertolak ansur, dan suka bergaduh.

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Emosi akan membuatkan kita tidak berpuas hati, dan membuatkan kita kecewa.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
- S: Motivasi adalah perkara yang kita mengambilnya sebagai teladan untuk menjadikan diri kita berjaya.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Perbuatan ialah suatu perkara yang kita lakukan di mana-mana sahaja contoh menyusun meja di kelas, berjalan, bercakap, menangis.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Boleh.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
- S: Kerana menghormati adalah perlakuan yang baik, menghormati termasuk juga dalam suatu perkara yang baik.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Ramai kawan, kita tidak akan berasa sompong, dan bongkak, boleh dipercayai, kita boleh minta tolong pada seseorang jika kita di dalam kesusahan.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Tidak mempunyai ramai kawan, kita tidak akan dibantu sekiranya kita di dalam kesusahan, kita akan berasa sompong, dan bongkak.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Semua perkara yang kita lakukan akan menjadi senang, dan mudah untuk kita lakukan.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Takut menghadapi peperiksaan, teragak-agak untuk melakukan sesuatu perkara, hilang kawalan diri.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Ya.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Kerana Allah itu adalah Tuhan kepada orang Islam(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung | Perbuatan |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR | Kepercayaan |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Motivasi |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Sikap |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA63, Amir menjelaskan tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan sebab menurut beliau kepercayaan adalah sesuatu yang kita percaya pada suatu aktiviti yang dilakukan. Apabila saya bertanya Amir tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap suatu benda yang dilakukan seseorang pada setiap masa, misalnya sikap yang tidak baik seperti sikap kurang ajar, tidak boleh bertolak ansur, dan suka bergaduh. Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi akan membuatkan kita tidak berpuas hati dan kecewa.

Dalam hal yang berkaitan, Amir menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab bagi beliau perkara tersebut kita menjadikannya sebagai teladan untuk menjadikan diri kita berjaya. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab perbuatan ialah perkara yang kita lakukan di mana sahaja, contohnya menyusun meja di kelas, berjalan, bercakap, dan menangis.

Bagi Amir, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan dengan perbuatan ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung, Ali menolong ayahnya membasuh kereta, dan Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. Selanjutnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya.

Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap ialah: Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walaupun telah masuk waktu solat Maghrib. Akhir sekali, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah: Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya.

Kemudiannya, Amir menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang baik akhlaknya dan boleh dipercayai sebab menghormati adalah tingkah laku dan perkara yang baik. Apabila saya bertanya tentang kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan bahawa antara lainnya ialah kita akan ramai kawan, tidak berasa somborg dan bongkak, boleh dipercayai, serta mudah meminta pertolongan pada seseorang jikalau dalam kesusahan.

Sebagai tambahan, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu antara lainnya ialah tidak mempunyai ramai kawan, kita tidak akan dibantu sekiranya dalam kesusahan, dan kita akan berasa somborg serta bongkak. Kemudiannya, beliau menjelaskan faedah yakin kepada diri sendiri di antaranya semua perkara yang kita lakukan akan menjadi senang, dan mudah untuk dilakukan. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita akan takut menghadapi peperiksaan, teragak-agak dalam melakukan sesuatu perkara, dan hilang kawalan diri. Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan tentang bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang tidak menyenangkan hati dan mempunyai tabiat suka mencuri. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan

perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Amir menjelaskan tentang cara untuk membentuk akhlak yang baik. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan mendengar ceramah motivasi, mengikuti kelas pendidikan Islam di sekolah, dan bertanya perkara yang tidak difahami. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA71

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, kerana orang yang berdisiplin akan mengagihkan masanya dengan bijak, dan orang yang tidak berdisiplin akan selalu meninggalkan waktunya begitu sahaja.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Mendengar motivasi, tidak pernah meninggalkan kelas agama di sekolah, dan bertanya jika kita tidak memahami suatu perkara yang agak sukar bagi diri kita.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Dihormati masyarakat, akan dihormati oleh rakan-rakan.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Tidak akan dihormati oleh masyarakat, mempunyai perasaan yang tidak tenteram, dipandang hina oleh segelintir masyarakat.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Tidak, untuk membentuk perangai yang baik, bukan hanya tingkah laku, tetapi juga adab kita sehari-hari.

Dalam Petikan HA71, Amir menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita akan melakukan perbuatan yang baik dan tambah beliau orang yang berdisiplin mengagihkan masanya dengan bijak, manakala orang tidak berdisiplin selalu meninggalkan waktu begitu sahaja. Seterusnya, saya bertanya tentang contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri beliau menjadi seorang yang baik akhlak antaranya ialah mendengar motivasi, tidak pernah meninggalkan kelas agama di sekolah, dan bertanya jika lau tidak memahami perkara yang sukar.

Seterusnya, Amir menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah dihormati masyarakat dan rakan-rakan. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah tidak dihormati masyarakat, mempunyai perasaan tidak tenteram, dan dipandang hina oleh segelintir masyarakat. Akhir sekali, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu sebab menurut beliau adab sehari-hari juga memainkan peranan penting dalam membentuk perangai yang baik.

Kesimpulan

Bagi Amir, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita mesti memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu perkara. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Amir menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap mempunyai pengaruh dalam perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kecewa. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Seterusnya, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Seterusnya, beliau menganggap pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan

kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Amir menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap kurang ajar, tidak bertolak ansur, dan suka bergaduh. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam semua perkara yang dilakukan di mana sahaja kita berada, contohnya menyusun meja dalam kelas, berjalan, bercakap, atau menangis. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Amir turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab kita selalu menjadikan motivasi sebagai teladan untuk berjaya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang tidak menyenangkan hati dan mempunyai tabiat suka mencuri. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Amir menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara

untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan mendengar ceramah motivasi, mengikuti kelas pendidikan Islam di sekolah, dan bertanya perkara yang tidak difahami. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Amir turut menyatakan keluarga mempunyai peranan dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan sebab keluarga harmoni mengikut peraturan dan sentiasa mengikut perkembangan anaknya. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah tidak berpecah belah dan saling menghormati antara satu sama lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga tidak terurus, anak terbiar, dan tingkah laku anak melampaui batas disebabkan kurang kawalan ibu bapa. Nampaknya, Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Amir menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau tidak bersetuju bahawa ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik tetapi mereka juga perlu mengawasi tingkah laku anak mereka sama ada di rumah ataupun di sekolah. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur tingkah laku yang salah dan memberi dorongan dalam pelajaran. Dalam konteks ini, beliau

menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA77

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Tidak, untuk membentuk disiplin yang baik ibu bapa bukan sahaja perlu bertanggung jawab, ibu bapa perlu menitik beratkan perlakuan anaknya ketika berada di sekolah dan di rumah.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Sikap diri akan menjadi tidak patuh kepada kedua ibu bapa, sikap kurang ajar terhadap rakan, menghina rakan yang tidak mempunyai ayah, menampar bahu kawan tanpa sebab.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Menegur setiap tingkah laku yang salah, tidak menyuruh anaknya ponteng sekolah untuk memberi anaknya kejayaan yang besar dalam bidang akademik.

Dalam Petikan PA77, saya bertanya Amir adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik dan beliau tidak bersetuju sebab menurut beliau untuk membentuk disiplin yang baik ibu bapa bukan sahaja perlu bertanggung jawab tetapi juga perlu menitik beratkan kelakuan anak ketika berada di sekolah dan di rumah. Seterusnya, Amir memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, antara lainnya ialah sikap diri menjadi tidak patuh kepada kedua ibu bapa, sikap kurang ajar terhadap rakan, menghina rakan yang tidak mempunyai ayah, dan menampar bahu kawan tanpa sebab. Saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau menjelaskan ibu bapa sepatutnya menegur setiap tingkah laku yang salah dan tidak membiarkan anak ponteng sekolah jikalau mahu berjaya dalam bidang akademik.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik dan dipuji masyarakat. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Amir ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan PA80

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, kerana kawan yang baik boleh pengaruhi tingkah laku diri kerana tingkah laku dirinya baik, untuk mengajak orang lain melakukan perkara-perkara yang baik.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Kebaikannya ialah kita akan boleh memperbaiki tingkah laku diri dan mengikut tingkah laku rakan sebaya kita yang mempunyai sikap yang dipuji oleh masyarakat.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Keburukannya ialah kita akan turut mempunyai perangai buruk kerana berkawan dengan orang yang tidak bersopan santun.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, kerana kawan yang berbudi bahasa mempunyai tingkah laku yang baik dibanding dengan kawan yang tidak mempunyai sopan santun.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Kita akan juga mempunyai perangai buruk jika berkawan dengan orang yang tidak mempunyai disiplin.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Rakan sebaya boleh mengajak kita beramal ibadah di masjid untuk bersembahyang dan menderma di surau-surau.

Dalam Petikan PA80, Amir memberi penjelasan adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu dan beliau nampaknya bersetuju dengan

pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau kawan yang baik boleh mempengaruhi tingkah laku diri, sebab tingkah lakunya baik dan mengajak orang lain melakukan perkara baik. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa kita boleh memperbaiki tingkah laku diri dan mengikut tingkah laku rakan sebaya yang mempunyai sikap yang dipuji masyarakat. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun antara lainnya ialah kita turut mempunyai perangai buruk sebab berkawan dengan orang tidak bersopan santun.

Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik sebab pada anggapan beliau mereka mempunyai tingkah laku baik jikalau dibandingkan dengan kawan yang tidak mempunyai sopan santun. Beliau juga menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin kita juga mempunyai perangai buruk seperti mereka. Akhir sekali, saya meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri dan beliau menjelaskan rakan sebaya mengajak beramal ibadah di masjid contohnya, bersembahyang dan menderma di surau.

Kesimpulan

Amir turut menyatakan tentang peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan sebab keluarga harmoni mengikut peraturan dan sentiasa mengikuti perkembangan anaknya. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah tidak berpecah belah dan saling menghormati antara satu sama lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga tidak terurus, anak terbiar, dan tingkah laku anak melampaui batas disebabkan kurang kawalan ibu bapa. Nampaknya, Amir

menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Amir menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau tidak bersetuju bahawa ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik tetapi mereka juga perlu mengawasi tingkah laku anak mereka samada di rumah ataupun di sekolah. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur tingkah laku yang salah dan memberi dorongan dalam pelajaran. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik dan dipuji masyarakat. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Amir menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk kelakuan yang baik. Dalam hal ini, nampaknya beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak

langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka menolong orang lain. Dalam hal ini, Amir juga tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak mempunyai sifat sopan santun dalam diri. Walau bagaimanapun, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Amir mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Selanjutnya, Amir juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara kebajikan seperti menolong ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Amir mengaitkannya dengan perbuatan seperti tidak memberi salam kepada guru, membuang sampah merata-rata, tidak menghormati kawan, dan biadap dengan guru. Beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Amir menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan

akhlak ialah melakukan perbuatan yang baik. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Amir, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan melihat terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu samada melakukan perkara baik atau perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau tidak merujuk kepada sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Pada umumnya, Amir menyatakan akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab kita mesti memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu perkara. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Amir menganggap akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap mempunyai pengaruh dalam perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kecewa. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik. Seterusnya, beliau menganggap pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Amir menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap kurang ajar, tidak bertolak ansur, dan suka bergaduh. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Amir juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam semua perkara yang dilakukan di mana sahaja kita berada, contohnya menyusun meja dalam kelas, berjalan, bercakap, atau menangis. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Amir turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab kita selalu menjadikan motivasi sebagai teladan untuk berjaya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang tidak menyenangkan hati dan mempunyai tabiat suka mencuri. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Amir menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan mendengar ceramah motivasi, mengikuti kelas pendidikan Islam di sekolah, dan bertanya perkara yang tidak difahami. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung

dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Amir turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi orang yang baik dan bersopan sebab keluarga harmoni mengikut peraturan serta sentiasa mengikut perkembangan anaknya. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah tidak berpecah belah dan saling menghormati antara satu sama lain. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga tidak terurus, anak terbiar, dan tingkah laku anak melampaui batas disebabkan kurang kawalan ibu bapa. Nampaknya, Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Amir menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau tidak bersetuju bahawa ibu bapa bukan sahaja bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik tetapi mereka juga perlu mengawasi tingkah laku anak mereka sama ada di rumah ataupun di sekolah. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur tingkah laku yang salah dan memberi dorongan dalam pelajaran. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Amir juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang

baik dan mengajak membuat perkara kebaikan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik dan dipuji masyarakat. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Amir tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 4.3

Huraian ringkas pemahaman Amir tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|-----------------|---|
| Makna Akhlak | <p>Amir tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara</p> <p>Amir tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik</p> <p>Amir tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk</p> <p>Amir menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung, tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia</p> <p>Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk</p> <p>Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.</p> <p>Amir tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.</p> |
| Hubungan Akhlak | <p>Amir menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan</p> <p>Amir tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perasaan.</p> <p>Amir menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dengan pemikiran</p> |

Sambungan....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|---|
| | Amir menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan sikap |
| | Amir menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan perbuatan |
| | Amir menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan motivasi |
| | Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk |
| Pembentukan Akhlak | Amir menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik |
| | Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak |
| | Amir menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. |
| | Amir menggunakan kriteria citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak |

Farid

Farid berumur 11 tahun 8 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang agak pendiam.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Farid menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka melakukan perkara kebaikan. Dalam hal ini, Farid juga tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang selalu meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Secara khusus, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA82

P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?

S: Orang yang berakhhlak selalu melakukan kebaikan, orang yang tidak berakhhlak selalu meninggalkan perkara yang disuruh Allah.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Farid sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak selalu melakukan kebaikan, manakala orang yang tidak berakhhlak selalu meninggalkan perkara yang disuruh Allah.

Seterusnya, Farid menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza,

iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Farid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong ibu bapa dan menziarahi orang sakit. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebijakan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti menjaga kebersihan dan mendengar nasihat ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara seperti menunaikan solat lima waktu. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung untuk menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti membuli. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan MA83

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
- S: Menolong ibu bapa di rumah, solat lima waktu, selalu menjaga kebersihan, melawat orang yang sakit, selalu mendengar nasihat ibu bapa.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
- S: Melawan cakap ibu bapa, meninggalkan perkara yang disuruh Allah, selalu memukul orang, selalu melakukan perkara yang dilarang Allah seperti membuat maksiat.

Dalam petikan di atas, saya meminta Farid menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah menolong ibu bapa di rumah, solat lima waktu, selalu menjaga kebersihan, melawat orang yang sakit, dan selalu mendengar nasihat ibu bapa. Seterusnya, Farid menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, yang antara lainnya ialah melawan cakap ibu bapa, meninggalkan perkara yang disuruh Allah, memukul orang, dan melakukan perkara yang dilarang Allah seperti membuat maksiat.

Sementara itu, Farid turut menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al Quran, taat perintah kedua ibu bapa, dan bersyukur kepada Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA81

- P: Jelaskan mengapa perkara tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak.
- S: (Membuat tandaan seperti di bawah, dan kemudiannya memberikan penjelasan) sebab benda-benda tu macam tak penting dalam Islam. Sebab dia bukan perkara yang wajib dilakukan.

| Pernyataan | Respons |
|--|---------|
| Ahmad selalu mendoakan kesejahteraan ibu bapa | (X) |
| Ahmad mengutip sampah di hadapan kelas | () |
| Ahmad membawa bekal ke sekolah | () |
| Ahmad memberi salam kepada gurunya | (X) |
| Ahmad membeli basikal baru | () |
| Ahmad menolong ayah berkebun di belakang rumah | (X) |
| Ahmad keletihan kerana berlari di padang | () |
| Ahmad menunaikan solat subuh di masjid | (X) |

Dalam petikan di atas, saya meminta Farid menerangkan mengapa perkara yang beliau tidak tandakan dianggap sebagai perkara yang tidak berkaitan dengan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa perkara tersebut tidak penting dalam Islam sebab bukan perkara yang wajib dilakukan. Bagi Farid, pernyataan Ahmad selalu mendoakan kesejahteraan ibu bapa, Ahmad memberi salam kepada gurunya, Ahmad menolong ayah berkebun di belakang rumah, dan Ahmad menunaikan solat Subuh di masjid adalah dianggap sebagai perkara yang berkaitan dengan akhlak.

Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang tidak berkaitan dengan akhlak ialah: Ahmad mengutip sampah di hadapan kelas, Ahmad membawa bekal ke sekolah, Ahmad membeli basikal baru, dan Ahmad keletihan kerana berlari di padang.

Bagi Farid, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu samada melakukan kebaikan atau perkara yang dilarang oleh Allah. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Farid semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
- S: Akhlak baik, dia akan melakukan kebaikan, akhlak buruk dia melakukan perkara yang dilarang Allah.

Dalam petikan di atas, saya meminta Farid memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Beliau menjelaskan bahawa akhlak baik ialah melakukan kebaikan, manakala akhlak buruk ialah melakukan perkara yang dilarang Allah.

Kesimpulan

Farid menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Nampaknya, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Sementara itu, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka melakukan perkara kebaikan. Dalam hal ini, nampaknya Farid juga tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang selalu meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Secara khusus, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khusus, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Farid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong ibu bapa dan menziarahi orang sakit. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Sehubungan itu, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti menjaga kebersihan dan mendengar nasihat ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara ibadah seperti menunaikan solat lima waktu. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung untuk menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti membuli. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial untuk menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Sementara itu, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Farid menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al Quran, taat perintah kedua ibu bapa, dan bersyukur kepada Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Farid, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu samada melakukan kebaikan atau

perkara yang dilarang oleh Allah. Dalam hal ini juga, beliau merujuk kepada kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Farid, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur atas segala nikmat yang diberikanNya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Farid menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Farid menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menganggap akhlak dengan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap rajin, malas, atau suka mengganggu kawan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Farid juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam melakukan sesuatu perkara samada perkara baik atau perkara buruk. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai pendorong dalam kejayaan hidup di dunia. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA90

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Sebab dia percaya kepada Tuhan, percaya kepada agama dia, dia bersyukur kepada Allah sebab dia percaya Allah itu Maha Menolong.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Sebab sikap tu(subjek berfikir sejenak)sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang seperti sikap rajin, malas, suka menolak orang.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Sebab emosi itu macam perasaan, dia terlalu mengikutkan emosi dia.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.

- S: Sebab motivasi ni sebagai pendorong dia untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Sebab dia membuat sesuatu perkara yang baik ataupun buruk.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Tidak boleh dipercayai.
- P: Jikalau tidak boleh dipercayai, mengapa?
- S: Sebab kadang-kadang ada yang buat tu tak ikhlas, sebab dia mahu dipuji orang.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Kita boleh berjaya macam orang yang dia yakin pada seseorang yang baik. Dia boleh bantu kita dalam pelajaran, walau kita tak tahu mengenai sesuatu.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Kita tidak dapat melakukan sesuatu perkara secara bersama-sama.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Kita boleh berjaya, kita boleh melakukan perkara itu walaupun ia agak sukar.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Kita akan merasa curiga terhadap diri kita sama ada boleh melakukan perkara itu atau tidak.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Dapat membantu.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Sebab Allah itu Maha Menolong, sebab Allah akan memberi balasan yang baik kepada orang yang percaya kepadanya(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung. | Emosi |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. | Sikap |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR. | Kepercayaan |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya. | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta. | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Motivasi |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Sikap |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Emosi |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA90, Farid menjelaskan tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan sebab seseorang itu percaya kepada Tuhan, agamanya, dan bersyukur kepada Allah

disebabkan Allah Maha Menolong. Apabila saya bertanya Farid tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap suatu perkara yang dilakukan seseorang seperti sikap rajin, malas, dan suka menolak orang. Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi seperti perasaan dan seseorang terlalu mengikutkan emosinya.

Sementara itu, Farid menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab ianya adalah pendorong untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab seseorang itu membuat perkara yang baik ataupun buruk.

Menurut Farid, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan dengan perbuatan ialah: Ali menolong ayahnya membasuh kereta, dan Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib.

Sementara itu, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. Berikut pula ialah pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. Akhir sekali, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah: Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti.

Pada umumnya, Farid menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang tidak boleh dipercayai sebab bagi beliau, ada orang yang tidak ikhlas dalam melakukan perbuatan itu sebab dia melakukannya hanya untuk mendapat pujian orang lain. Apabila saya bertanya kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan bahawa kita boleh berjaya dan orang yakin dengan kebaikan kita serta boleh membantu dalam pelajaran, jikalau tidak tahu mengenai sesuatu perkara.

Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperoleh jikalau orang tidak yakin kepada kamu antara lainnya ialah kita tidak dapat melakukan sesuatu perkara secara bersama. Kemudiannya, beliau menjelaskan faedah yakin kepada diri sendiri, di antaranya ialah kita boleh berjaya dan boleh melakukan sesuatu walaupun perkara itu susah untuk dilakukan. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita akan merasa curiga terhadap diri sendiri, iaitu sama ada boleh melakukan sesuatu perkara itu ataupun tidak. Pada umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab Allah itu Maha Menolong dan memberi balasan baik pada manusia yang mempercayaiNya.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Farid menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan beriman kepada Allah dan beramal soleh. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria

kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA98

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, sebab disiplin yang baik dapat menghalang kita daripada melakukan perkara yang tidak baik.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Orang ajak ke masjid, orang ajak membaca al-Quran di surau.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Nanti orang akan anggap kita seorang yang bersopan, mendapat pahala daripada Allah.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Akan dimurkai oleh Allah, orang lain akan menganggap kita seorang yang tidak bersopan, akan disingkirkan oleh orang lain macam kawan-kawan, ibu bapa, dan guru-guru.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Tidak, kita perlu amal ibadah kepada Allah, tingkah laku yang baik, mendengar nasihat ibu bapa, mesti hormat kepada ibu bapa.

Dalam Petikan HA98, Farid menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita akan melakukan perbuatan yang baik dan dapat menghalang daripada melakukan perbuatan yang tidak baik. Seterusnya, saya bertanya mengenai contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri kamu menjadi seorang yang baik, dan beliau menjelaskan di antaranya ialah kawan yang mengajak ke masjid dan membaca al-Quran di surau.

Dalam hal ini, Farid menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah dianggap sebagai seorang yang bersopan dan mendapat pahala daripada Allah. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah dimurkai Allah, dianggap sebagai tidak bersopan, dan disingkirkan oleh kawan, ibu bapa serta guru. Akhir sekali, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap

seseorang individu, sebab menurut beliau untuk membentuk perangai yang baik perlu beramal ibadah kepada Allah, bertingkah laku baik, mendengar nasihat ibu bapa, dan hormat terhadap keduanya.

Kesimpulan

Bagi Farid, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur atas segala nikmat yang diberikanNya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Farid menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala beliau menganggap pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Farid menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap rajin, malas, atau

suka mengganggu kawan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab seharian secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam melakukan sesuatu perkara samada perkara baik atau perkara buruk. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Seterusnya, Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berrkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai pendorong dalam kejayaan hidup di dunia. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Farid menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan beriman kepada Allah dan beramal soleh. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Dalam hal ini, Farid turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah melakukan perkara baik bersama, contohnya solat berjemaah, makan bersama, dan mendorong ahli keluarga untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga dipandang rendah oleh masyarakat dan masa depan anak terjejas sebab kurang mendapat perhatian serta dorongan dari ibu bapa. Nampaknya, Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Farid menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab jikalau ibu bapa tidak bertanggung jawab, anak-anak sukar dikawal sehingga melakukan perkara negatif sesuka hati seperti merosakkan harta benda awam, tidak berdisiplin, tidak ramai kawan, penampilan diri yang tidak kemas, dan tabiat suka mencuri. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya berada sopan dan menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak, contohnya tidak melengahkan solat fardhu. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama, adab sehari-hari, dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang

dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan PA104

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, sebab jika ibu bapa tidak bertanggung jawab, kita akan melakukan suatu perkara dengan sesuka hati seperti merosakkan harta benda awam.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Kita akan menjadi orang yang tidak berdisiplin, kita tidak akan dapat ramai kawan, kita akan melakukan perkara yang tidak baik seperti mencuri, tidak menjaga penampilan diri.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Mengajar kia beradab di mana-mana tempat sahaja, mengajar kita supaya bersopan kepada orang tua. Ibu bapa selalu menunjukkan perlakuan yang baik semasa melakukan sesuatu perkara contoh tidak melengahkan waktu solat.

Dalam Petikan PA104, saya bertanya Faid adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik, beliau bersetuju sebab menurut beliau jikalau ibu bapa tidak bertanggung jawab anak akan melakukan sesuatu sesuka hati seperti merosakkan harta benda awam. Seterusnya, Faid memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, antara lainnya ialah menjadi tidak berdisiplin, tidak ramai kawan, tidak menjaga penampilan diri, dan melakukan perkara buruk seperti mencuri. Saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya mendidik kita beradab walau di mana sahaja, mengajar supaya bersopan santun kepada orang tua, dan menunjukkan kelakuan serta contoh yang baik seperti tidak melengahkan solat.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik

mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan seperti pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama-sama, dan melakukan perkara yang berfaedah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat membantu dalam membentuk akhlak yang terpuji manakala kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Farid ketika menjelaskan tentang perkara di atas.

Petikan PA107

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, sebab kawan baik kita selalu melakukan perkara yang baik seperti mengajak kita pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama-sama, mengajak kita melakukan perkara yang berfaedah, dan mengajak kita pergi ke sekolah.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Kawan itu boleh membantu kita untuk membentuk akhlak bersopan santun.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Kita akan terikut-ikut perangai kawan kita untuk melakukan perkara yang tidak sopan santun contoh mengacau orang tua yang buta sedang melintas jalan.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, sebab dia boleh membantu kita untuk berbudi bahasa juga.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Selalu melakukan perkara yang tidak baik contoh ponteng sekolah.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Mengajak kita pergi surau untuk mengerjakan sembahyang berjemaah dan mengajak kita mengulang kaji pelajaran bersama-sama.

Dalam Petikan PA107, Faid memberi penjelasan adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu, dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau kawan yang baik selalu melakukan perkara yang baik seperti mengajak ke masjid, mengulang kaji pelajaran, melakukan perkara yang berfaedah, dan mengajak pergi ke sekolah. Apabila saya bertanya tentang

kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa ia boleh membantu untuk membentuk akhlak dan sopan santun. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun antara lainnya ialah kita terikut dengan perangai mereka yang tidak beradab sopan seperti mengganggu orang buta sedang melintas jalan.

Pada umumnya, beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik sebab pada anggapan beliau mereka boleh membantu diri untuk menjadi berbudi bahasa. Beliau juga menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin menyebabkan kita juga melakukan perkara yang buruk seperti ponteng sekolah. Akhir sekali, saya meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri, dan beliau menjelaskan bahawa rakan sebaya mengajak ke surau untuk bersolat jemaah dan mengulang kaji pelajaran bersama-sama.

Kesimpulan

Farid turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah melakukan perkara baik bersama, contohnya solat berjemaah, makan bersama, dan mendorong ahli keluarga untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga dipandang rendah oleh masyarakat dan masa depan anak terjejas sebab kurang mendapat perhatian serta dorongan dari ibu bapa. Nampaknya, Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama dan citarasa masyarakat secara tidak

langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Farid menjelaskan pula peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab jikalau ibu bapa tidak bertanggung jawab, anak-anak sukar dikawal sehingga melakukan perkara negatif sesuka hati seperti merosakkan harta benda awam, tidak berdisiplin, tidak ramai kawan, penampilan diri yang tidak kemas, dan tabiat suka mencuri. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya berada sopan dan menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak, contohnya tidak melengahkan solat fardhu. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama, adab seharian, dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan seperti pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama-sama, dan melakukan perkara yang berfaedah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat membantu dalam membentuk akhlak yang terpuji. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Farid menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Nampaknya, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Sementara itu, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang suka melakukan perkara kebaikan. Dalam hal ini, nampaknya Farid juga tidak menyatakan sebarang kriteria dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang selalu meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Farid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong ibu bapa dan menziarahi orang sakit. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Sehubungan itu, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti menjaga kebersihan dan mendengar nasihat ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Farid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara ibadah seperti menunaikan solat lima waktu. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Farid mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti membuli. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Sementara itu, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meninggalkan perkara yang diperintahkan oleh Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Farid menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah membaca al Quran, taat perintah kedua ibu bapa, dan bersyukur kepada Allah. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Farid menyatakan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang itu samada melakukan kebaikan atau perkara yang dilarang oleh Allah. Dalam hal ini, nampaknya beliau merujuk kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Bagi Farid, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur atas segala nikmat yang diberikanNya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya,

Farid menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Namun begitu, beliau tidak pula menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala beliau menganggap pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Farid menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti sikap rajin, malas, atau suka mengganggu kawan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Farid juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dalam melakukan sesuatu perkara samada perkara baik atau perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Seterusnya, Farid turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab

motivasi dianggap sebagai pendorong dalam kejayaan hidup di dunia. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Farid menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan beriman kepada Allah dan beramal soleh. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Farid turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah melakukan perkara baik bersama, contohnya solat berjemaah, makan bersama, dan mendorong ahli keluarga untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga dipandang rendah oleh masyarakat dan masa depan anak terjejas sebab kurang mendapat perhatian serta dorongan dari ibu bapa. Nampaknya, Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria cita rasa masyarakat secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Farid menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab jikalau ibu bapa tidak bertanggung jawab, anak-anak sukar dikawal sehingga melakukan perkara negatif sesuka hati seperti merosakkan harta benda awam, tidak berdisiplin, tidak ramai kawan, penampilan diri yang tidak kemas, dan tabiat suka mencuri. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya beradab sopan dan menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak, contohnya tidak melengahkan solat fardhu. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama, kriteria adab sehari-hari, dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Farid juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan seperti pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama-sama, dan melakukan perkara yang berfaedah. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat membantu dalam membentuk akhlak yang terpuji manakala kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita dengan tingkah laku yang buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Farid tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.4.

Jadual 4.4

Huraian ringkas pemahaman Farid tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|-----------------|---|
| Makna Akhlak | <p>Farid tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara</p> <p>Farid tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk</p> <p>Farid menggunakan kriteria kebijakan sosial, tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.</p> <p>Farid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak</p> |
| Hubungan Akhlak | <p>Farid menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan</p> <p>Farid tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.</p> <p>Farid menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran</p> <p>Farid menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap</p> <p>Farid menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan</p> <p>Farid menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi</p> <p>Farid menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk</p> |

Sambungan...

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|--|
| Pembentukan Akhlak | <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama dan citarasa masyarakat secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama, adab sehari-hari, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.</p> <p>Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak</p> |

Zaki

Zaki berumur 11 tahun 4 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang agak pendiam.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Zaki menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang direndah oleh Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA108

P: Jelaskan mengapa perkara tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak.

S: (Membuat tandaan seperti di bawah dan kemudiannya memberikan penjelasan)bawa bekal kat sekolah bukannya akhlak sebab dia nak berdikari kerana tak nak susahkan ibu bapanya. Akhlak ni perkara yang diredhai Tuhan.

Sebab basikal dia dah rosak, dia beli basikal baru, jadi tidak ada kena mengena dengan akhlak.

Dalam petikan di atas, saya meminta Zaki menerangkan mengapa perkara yang beliau tidak tandakan dianggap sebagai perkara yang tidak berkaitan dengan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa Ahmad membawa bekal ke sekolah bukannya akhlak sebab dia ingin berdikari dan tidak susahkan ibu bapanya. Misalnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak adalah perkara yang diredhai Tuhan.

Sementara itu, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang pandai membaca al Quran, boleh menjadi imam, dan suka memberi salam. Dalam hal ini, nampaknya Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang suka mencerca orang dan tidak beradab. Nampaknya, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria yang khusus secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan MA109

P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhlak dan orang yang tidak berakhlak?

S: Orang yang berakhlak pandai baca al-Quran, boleh menjadi imam, apabila jumpa seseorang dia beri salam. Orang tidak berakhlak suka marah-marah orang, dia tak cakap dengan sopan.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Zaki sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak pandai membaca al-Quran, boleh menjadi imam, memberi salam bila berjumpa, manakala orang yang tidak berakhhlak suka marah orang dan tidak bercakap dengan sopan.

Seterusnya, Zaki menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Zaki mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam hal yang berkaitan, Zaki juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti taat kepada ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Zaki juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara ibadah seperti menunaikan solat berjemaah di masjid. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Kemudiannya, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong orang yang susah. Nampaknya, beliau juga menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkannya dengan perbuatan seperti merempit dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam

konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti bermain di dalam kelas. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu, membuat maksiat, dan minum arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sementara itu, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti mencerca orang. Dalam hal ini, nampaknya beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA110

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
- S: Apabila jumpa seseorang beri salam, apabila orang bertanya hendaklah bercakap dengan sopan, suka tolong orang yang susah, dengar azan terus je pergi masjid, taat kepada ibu bapa, menghormati guru, jangan melawan cakap guru.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
- S: Minum arak, suka memaki orang lain, menjadi mat rempit, tinggalkan sembahyang, tidak patuh kepada arahan ibu bapa, apabila guru bercakap dia bermain, melawan cakap guru, membuat maksiat seperti merogol orang.

Dalam petikan di atas, saya meminta Zaki menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah apabila berjumpa seseorang hendaklah memberi salam, menjawab pertanyaan dengan sopan, menolong orang yang susah, apabila mendengar azan terus sahaja ke masjid, taat kepada ibu bapa, dan hormat serta tidak melawan cakap guru.

Seterusnya, Zaki menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, yang antara lainnya ialah minum arak, mencerca orang, merempit, tinggalkan sembahyang, tidak patuh arahan ibu bapa, bermain semasa guru sedang mengajar, melawan cakap guru, dan membuat maksiat seperti merogol orang.

Sementara itu, Zaki turut menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah berdikari dan mengikuti pengajaran guru dengan tekun. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Zaki, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Zaki semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA111

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
S: Kalau minum arak itu adalah perbuatan buruk, mendengar guru mengajar, menggunakan akal fikiran apabila hendak menentukan sesuatu perkara.

Dalam petikan di atas, saya meminta Zaki memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Beliau menjelaskan bahawa akhlak baik ialah mendengar pengajaran guru dan menggunakan akal fikiran apabila hendak menentukan sesuatu perkara manakala akhlak buruk pada anggapan beliau ialah minum arak.

Kesimpulan

Zaki menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang diredhai Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang pandai membaca al Quran, boleh menjadi imam, dan suka memberi salam. Dalam hal ini, Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang suka mencerca orang dan tidak beradab. Dalam hal ini, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Zaki mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Sementara itu, Zaki juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti taat kepada ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Zaki mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara ibadah seperti menunaikan solat berjemaah di masjid. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Kemudiannya, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti

menolong orang yang susah. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkannya dengan perbuatan seperti merempit dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti bermain di dalam kelas. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Sementara itu, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu, membuat maksiat, dan minum arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti mencera orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Zaki menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah berdikari dan mengikuti pengajaran guru dengan tekun. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Zaki, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Zaki, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada kekuatan iman seseorang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan kepada hubungan akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Zaki menganggap akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menganggap akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Zaki menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan kelakuan seseorang samada baik atau buruk. Nampaknya, beliau

menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Zaki turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang sedang melakukan ataupun telah melakukan sesuatu perkara samada baik atau buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Zaki juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan sebagai pendorong kepada orang yang hendak berjaya. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi. Tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA117

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
S: Kepercayaan ini macam percaya pada Allah, percaya pada Rasul.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
S: Sikap ni dia macam perlakuan seseorang yang baik atau buruk.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
S: Emosi ni macam orang yang tengah marah, sedih, gembira.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
S: Motivasi itu macam memberi nasihat kepada orang yang melakukan kesalahan, orang yang hendak berjaya.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
S: Perbuatan adalah perkara yang kita lakukan sama ada sedang ataupun telah.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
S: Boleh dipercayai.
- P: Jikalau tidak boleh dipercayai, mengapa?
S: Sebab dia hormat kepada kedua ibu bapa dan tidak melawan cakap guru.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.

- S: Kita akan mendapat kemenangan dalam sesuatu perkara jika orang yakin pada kita. Kita akan mendapat ilmu pelajaran jika kita memberi tunjuk ajar kepadanya mengenai solat, pelajaran.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Kita akan kecewa, kita tidak akan dapat kemenangan jika mempercayai orang yang tidak boleh melakukan sesuatu perkara.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Yakin kita boleh buat, kita akan berjaya, kita akan mendapat kesenangan dalam sesuatu perkara, kita mendapat markah yang baik dalam peperiksaan, dalam sesuatu pekerjaan contoh bermiaga.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Kita akan kecewa kerana tidak yakin kepada diri sendiri, tidak akan mendapat keuntungan dan kemenangan dari segi pelajaran, sukan.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Ya.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Kerana kita percaya yang Allah itu Maha Adil, dari segi pertolongan kepada orang yang miskin, orang yang susah(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung. | Sikap |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR. | Kepercayaan |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya. | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta. | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Perbuatan |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Sikap |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA117, Zaki menjelaskan tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap berkaitan dengan kepercayaan sebab menurut beliau, seseorang itu percaya kepada Allah dan Rasul. Apabila saya bertanya Zaki tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap adalah perlakuan seseorang sama ada baik atau buruk. Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai

suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi ketika seseorang sedang marah, sedih atau gembira.

Sementara itu, Zaki menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab ianya seperti memberi nasihat kepada orang yang melakukan kesalahan dan orang yang ingin berjaya. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab ianya perkara yang sedang atau telah kita lakukan.

Menurut Zaki, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan dengan perbuatan ialah: Ali menolong ayahnya membasuh kereta, Ali membasuh tangan sebelum makan nasi, dan Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya.

Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. Selanjutnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan sikap ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. Sementara itu, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah: Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya.

Dalam hal ini, Zaki menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang boleh dipercayai sebab bagi beliau mereka hormat kedua ibu bapa dan tidak melawan cakap guru. Apabila saya bertanya kebaikan yang

diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan bahawa kita akan mendapat kejayaan dalam sesuatu perkara dan ilmu kita semakin bertambah sebab memberi tunjuk ajar kepada rakan, contohnya dalam perkara solat dan pelajaran. Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu yang antara lainnya ialah kita akan kecewa dan orang tidak percaya kita boleh melakukan sesuatu perkara.

Kemudiannya, beliau menjelaskan mengenai faedah yakin kepada diri sendiri, di antaranya ialah kita akan berjaya, mendapat kesenangan dalam melakukan sesuatu, mendapat markah yang baik dalam peperiksaan, dan mendapat keuntungan dalam perniagaan. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita akan kecewa dan tidak mendapat keuntungan serta kemenangan dari segi pelajaran dan sukan. Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab Allah itu Maha Adil dan memberi pertolongan kepada orang yang miskin dan susah.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Zaki menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru serta taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan

dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA125

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, kerana kita tahu yang perbuatan yang tidak baik adalah salah.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Mendengar orang mengaji al-Quran, mendengar motivasi daripada guru ataupun rakan.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Kita akan dihormati oleh orang lain, orang lain akan memuji kebaikan, orang lain akan tahu yang kita ini selalu membuat perbuatan yang baik.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Kita akan dipandang rendah antara sesama manusia, kita tidak akan diterima orang lain, orang lain akan ingat kita ni adalah orang yang tidak sopan.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Ya, sebab tingkah laku kita adalah perangai kita yang sebenarnya.

Dalam Petikan HA125, Zaki menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita akan melakukan perbuatan yang baik sebab kita tahu perbuatan yang tidak baik adalah salah. Seterusnya, saya bertanya mengenai contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri kamu menjadi seorang yang baik akhlak dan beliau menjelaskan di antaranya ialah mendengar orang membaca al-Quran dan mendengar motivasi daripada guru atau rakan.

Sementara itu, Zaki menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah dihormati orang lain, dipuji orang, dan semua orang tahu kita selalu melakukan perkara baik. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah dipandang rendah orang lain, orang tidak menerima kehadiran kita, dan dianggap sebagai orang yang tidak bersopan santun. Akhir sekali, beliau bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu, sebab menurut beliau tingkah laku kita adalah perangai kita yang sebenarnya.

Kesimpulan

Bagi Zaki, hubungan antara akhlak dengan kepercayaan adalah berkait antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada kekuatan iman seseorang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Zaki menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Zaki menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap berkaitan dengan kelakuan seseorang samada baik atau buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Zaki juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang sedang melakukan ataupun telah melakukan sesuatu perkara samada baik atau buruk. Dalam

konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Zaki juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan sebagai pendorong kepada orang yang hendak berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Kemudiannya, Zaki juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Zaki menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru serta taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Dalam hal ini, Zaki turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni memastikan ahli keluarga mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin. Menurut beliau, antara

kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hidup menjadi lebih teratur dan ahli keluarga menjadi lebih berdisiplin. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari dan hidup menjadi tidak teratur. Nampaknya, Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Zaki menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya mereka bertanggung jawab atas setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka, contohnya menyuruh anak menutup aurat dan melarang anak berkawan dengan rakan yang bertingkah laku buruk. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan menderhaka kepada ibu bapa dan tidak hormat kepada orang yang lebih tua. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya melarang anak membuat perkara maksiat, menyuruh anak mendirikan solat, dan menegur anak apabila melakukan kesalahan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA131

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, sebab mereka bertanggung jawab atas perbuatan yang kita lakukan, mereka menyuruh kita keluar rumah dengan memakai pakaian yang sopan dan mereka menyuruh jangan berkawan dengan budak-budak yang jahat.

- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Kita akan menderhaka kepada ibu bapa kita, kita tidak akan menghiraukan orang tua dan adik beradik yang lain sebab mereka tidak memberikan perhatian tentang apa yang kita lakukan.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Melarang membuat perkara yang tidak elok, menyuruh kita sembahyang, menegur kita apabila kita melakukan kesalahan.

Dalam Petikan PA131, saya bertanya Zaki adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik, beliau bersetuju sebab menurut beliau mereka bertanggung jawab atas perbuatan yang dilakukan anak mereka, mereka menyuruh kita memakai pakaian yang sopan apabila keluar rumah, dan menasihatkan kita supaya tidak bergaul dengan rakan yang nakal.

Seterusnya, Zaki memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, yang antara lainnya ialah anak menderhaka kepada ibu bapa dan anak tidak menghiraukan orang tua dan adik beradik lain. Menurut Zaki, perkara ini berlaku disebabkan keluarga tidak memberikan perhatian tentang apa dilakukan oleh anak mereka. Saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya melarang anak membuat perkara maksiat, menyuruh anak bersembahyang, dan menegur anak apabila melakukan kesalahan.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menasihati kita jikalau kita melakukan kesalahan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik seperti hormat dan tidak berdendam kepada guru. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti tabiat suka mencuri, mencerca orang, ponteng sekolah, dan tidak mengerjakan solat. Nampaknya,

beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Zaki ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan PA134

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, kalau kita selalu mencuri mereka akan menegur kita supaya jangan mencuri kerana mereka hendak mengubah tingkah laku kita daripada buruk kepada baik, contohnya kita suka mengejek orang dan mereka kata kita tidak boleh mengejek sesama manusia.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Sebab mereka mengajar kita cara baik, memberi salam kepada guru, hormat kepada guru, dan jika guru memarahi kita, kita tidak boleh bersifat dendam kepada guru kita.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Mereka akan mengajar kita benda-benda yang buruk seperti mencuri, mencaci orang dan guru, menghisap rokok, ponteng sekolah, dan tidak sembahyang.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, kalau kita memanggil orang dengan cara tidak elok, kawan yang berbudi bahasa akan mengajar kita untuk memanggil orang dengan bersopan.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Mereka akan mengajar kita bagaimana nak mencuri dan mengajar kita ponteng sekolah.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Menegur kita jika kita ada lakukan kesalahan, mengajar kita perkara yang elok dan tidak mengajar kita perkara yang tidak elok, memberi nasihat kepada kita dan mengajak kita bersembahyang.

Dalam Petikan PA134, Zaki memberi penjelasan adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu, dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau kawan yang baik akan menegur setiap kesalahan yang dilakukan, contohnya menegur kita supaya jangan mencuri sebab mereka hendak mengubah kelakuan kita daripada yang buruk kepada tingkah laku yang baik. Tambah beliau, jikalau kita selalu mengejek orang, mereka akan menasihati kita supaya tidak mengejek sesama sendiri.

Sehubungan itu, apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa mereka membantu dalam membentuk akhlak dengan cara menasihati kita melakukan perkara baik, contohnya memberi salam dan menghormati guru serta tidak berdendam dengan guru yang memarahi kita. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun antara lainnya ialah mereka mengajar melakukan perkara buruk seperti mencuri, mencaci kawan serta guru, menghisap rokok, ponteng sekolah, dan tidak sembahyang.

Sementara itu, beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik, contohnya jikalau kita memanggil kawan dengan panggilan tidak baik, kawan yang berbudi bahasa akan menasihati kita supaya memanggil kawan dengan cara yang bersopan. Beliau juga menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin, mereka mengajar kita bagaimana untuk mencuri dan mengajar ponteng sekolah. Akhir sekali, saya meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri dan beliau menjelaskan bahawa rakan sebaya yang baik akan menegur kesalahan yang kita lakukan, menasihati kita melakukan perkara yang baik, dan mengajak kita melakukan solat.

Kesimpulan

Zaki turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni memastikan ahli keluarga mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hidup menjadi lebih teratur dan ahli keluarga menjadi lebih berdisiplin. Kemudianya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari dan hidup menjadi tidak teratur.

Nampaknya, Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Zaki menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab atas setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka, contohnya menyuruh anak menutup aurat dan melarang anak berkawan dengan rakan yang bertingkah laku buruk. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan menderhaka kepada ibu bapa dan tidak hormat kepada orang yang lebih tua. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya melarang anak melakukan maksiat, mendidik mereka mendirikan solat, dan menegur apabila mereka melakukan kesalahan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menasihati kita jikalau kita melakukan kesalahan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik seperti hormat dan tidak berdendam kepada guru. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti tabiat suka mencuri, mencerca orang, ponteng sekolah, dan tidak mengerjakan solat. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak

langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Zaki menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang diredhai Allah. Dalam hal ini, nampaknya beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang pandai membaca al Quran, boleh menjadi imam, dan suka memberi salam. Dalam hal ini, Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang suka mencerca orang dan tidak beradab. Dalam hal ini, beliau tidak menggunakan kriteria yang khusus secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Zaki mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Sementara itu, Zaki juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti taat kepada ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Seterusnya, Zaki juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara ibadah seperti menunaikan solat berjemaah di masjid. Dalam hal ini,

jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Kemudiannya, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menolong orang yang susah. Nampaknya, beliau juga menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Zaki mengaitkannya dengan perbuatan seperti merempit dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti bermain di dalam kelas. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu, membuat maksiat, dan minum arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, Zaki mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti mencerca orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Sehubungan itu, Zaki menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah berdikari dan mengikuti pengajaran guru dengan tekun. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak. Bagi Zaki, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi

membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Bagi Zaki, akhlak dan kepercayaan berkait antara satu sama lain sebab beliau menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada kekuatan iman seseorang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Zaki menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab akhlak dianggap dapat mengawal diri seseorang supaya tidak terlalu mengikut perasaan. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab jenis pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangaan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala jenis pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangaan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Zaki menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap berkaitan dengan kelakuan seseorang samada baik atau buruk. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Zaki juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau

menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang sedang melakukan ataupun telah melakukan sesuatu perkara samada baik atau buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Zaki juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan sebagai pendorong kepada orang yang hendak berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Kemudiannya, Zaki juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti menghisap rokok, minum arak, dan keluar rumah hingga lewat malam. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Seterusnya, Zaki menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru serta taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Zaki turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni memastikan ahli keluarga mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hidup menjadi lebih teratur dan ahli keluarga menjadi lebih

berdisiplin. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari dan hidup menjadi tidak teratur. Nampaknya, Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Zaki menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab atas setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka, contohnya menyuruh anak menutup aurat dan melarang anak berkawan dengan rakan yang bertingkah laku buruk. Selanjutnya, beliau mengatakan jika ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan menderhaka kepada ibu bapa dan tidak hormat kepada orang yang lebih tua. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya melarang anak melakukan maksiat, menyuruh anak mendirikan solat lima waktu, dan menegur apabila anak melakukan kesalahan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Zaki juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menasihati kita jika kita melakukan kesalahan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik seperti hormat dan tidak berdendam kepada guru. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti tabiat suka mencuri, mencerca orang, ponteng sekolah, dan tidak mengerjakan solat. Nampaknya,

beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Zaki tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5

Huraian ringkas pemahaman Zaki tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|-----------------|---|
| Makna Akhlak | Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik Zaki tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk Zaki menggunakan kriteria kebajikan sosial, tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Zaki menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk |
| Hubungan Akhlak | Zaki menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak. Zaki menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan Zaki tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan. Zaki menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap Zaki menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan |

Sambungan.....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|---|
| | Zaki menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi |
| | Zaki menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk |
| | Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik |
| Pembentukan Akhlak | <p>Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak</p> <p>Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.</p> <p>Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak</p> |

Hanim

Hanim berumur 10 tahun 7 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang agak aktif.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Hanim menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA135

P: Jelaskan mengapa perkara tidak bertanda, tidak ada kaitan dengan akhlak.

S: (Membuat tandaan seperti di bawah dan kemudian memberikan penjelasan)Sebab Ahmad membeli basikal baru ni perbuatan dia sahaja. Ahmad keletihan kerana berlari di padang, dia punya perbuatan jugak. Perbuatan ni membuat sesuatu, akhlak ni macam membuat kebaikan.

Dalam petikan di atas, saya meminta Hanim menerangkan mengapa perkara yang beliau tidak tandakan dianggap sebagai perkara yang tidak berkaitan dengan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa pernyataan “Ahmad membeli basikal baru” dan “Ahmad keletihan kerana berlari di padang” hanyalah perbuatan. Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa perbuatan ialah membuat sesuatu dan menurutnya juga akhlak ialah seperti membuat kebaikan.

Dalam hal berkaitan, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang selalu menolong orang. Dalam hal ini, nampaknya Hanim tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik. Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak beradab. Dalam hal ini, beliau juga tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

- P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?
- S: Boleh, orang yang berakhhlak orang yang selalu tolong, contoh kalau cikgu bawa buku yang banyak, murid-murid tolong. Membuat sesuatu perkara yang baik, kalau datang rumah orang duduk dengan sopan. Orang tak berakhhlak ni, macam suka menendang kucing, tidak sopan bila datang rumah orang, dia nampak guru dia buat tak tau aja.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Hanim sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak selalu menolong orang lain, contohnya jikalau guru membawa banyak barang, murid-murid perlu menolongnya, dan melakukan perkara baik seperti beradab sopan di rumah orang, manakala orang yang tidak berakhhlak pula suka menendang kucing, tidak beradab sopan di rumah orang, dan tidak menghiraukan guru jikalau bertembung dengannya.

Seterusnya, Hanim menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khusus, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hanim mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti rajin dan berbuat baik kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hanim juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti tolong-menolong. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkannya dengan perbuatan seperti membuang sampah merata-rata dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan

yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti berkelakuan kurang sopan di rumah orang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan tidak mengendahkan arahan ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, Hanim mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti mencerca orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan MA137

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
S: Rajin, sopan, tolong menolong, berbuat baik kepada ibu bapa, guru-guru, dan rakan-rakan.
P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
S: Menendang kucing, membuang sampah merata-rata, tidak sopan ketika datang rumah orang, tidak menolong cikgu bila dia membawa barang, mak suruh jaga adik tapi dia tak nak jaga adik.

Dalam petikan di atas, saya meminta Hanim menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah rajin, sopan, tolong-menolong, berbuat baik kepada ibu bapa, guru, dan rakan. Seterusnya, Hanim menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, antara lainnya ialah menendang kucing, membuang sampah merata-merata, tidak menjaga adab sopan ketika menziarahi kawan atau jiran,

tidak suka menolong guru, dan tidak menuruti perintah ibu bapa, contohnya tidak mahu menjaga adik kecil.

Dalam hal yang berkaitan, Hanim turut menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah suka menolong orang dan beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Hanim, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hanim semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA138

P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.

S: Sebab kita gunakan akal untuk menentukan sama ada baik atau buruk.

Dalam petikan di atas, saya meminta Hanim memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Beliau menjelaskan bahawa kita patut menggunakan akal fikiran dalam menentukan sesuatu perkara sama ada ianya contoh akhlak baik atau buruk.

Kesimpulan

Hanim menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang selalu menolong

orang. Dalam hal ini, Hanim tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak beradab. Dalam hal ini, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hanim mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti rajin dan berbuat baik kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hanim juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti tolong-menolong. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkannya dengan perbuatan seperti membuang sampah merata-rata dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti berkelakuan kurang sopan di rumah orang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan tidak mengendahkan arahan ibu bapa. Dalam hal ini,

beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Hanim menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah suka menolong orang dan beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Hanim, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Hanim, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Hanim menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu tindakan. Namun begitu, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria dalam menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Hanim menjelaskan tentang hubungan akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan sehari-hari. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hanim juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara atau mengambil sesuatu tindakan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Hanim turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Sebab dia percaya yang apa yang dia buat tu, yakin pada diri sendiri.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Perbuatan sikap itu sendiri contoh membantu ibu membasuh pinggan, membantu kakak mengemas rumah, membantu ibu menjaga adik.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Perlakuan macam dalam diri dia ada sikap marah, rasa nak marah, kalau sedih, rasa sedih, kalau gembira, emosinya gembira.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
- S: Sebab motivasi ni macam kita nak memberi sedikit ilmu kepadanya, contoh adik kita malas belajar, kita suruh dia belajar nanti nak periksa.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Perbuatan ni macam kita buat sesuatu perkara seperti membasuh pinggan, menolong ayah membasuh kereta, bermain bola sepak dan sebagainya.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Ya.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
- S: Sebab dia seorang yang baik hati, ada sikap kasih sayang, tolong menolong, membantu orang dalam kesusahan.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Jaga tingkah laku, dapat manfaat daripada keluarga, memberi sokongan kalau nak UPSR.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Suka menipu, mencuri, tipu keluarga dia, kawan dia.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Kita yakin apa yang kita buat boleh dibuat.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Kita buat sesuatu, kita mudah putus asa, kita tak yakin apa yang kita buat.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Ya.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Dengan sembahyang, sebab Allah tu Tuhan kita, Maha Pengasih Maha Penyayang(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung | Sikap |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR | Kepercayaan |

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya | Perbuatan |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Motivasi |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Sikap |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA144, Hanim menjelaskan tentang perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap berkaitan dengan kepercayaan sebab seseorang percaya tentang sesuatu yang dilakukannya serta yakin pada diri sendiri. Apabila saya bertanya Hanim mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap berkaitan dengan perbuatan kita seharian, contohnya membantu ibu membasuh pinggan, membantu kakak mengemas rumah, dan membantu ibu menjaga adik.

Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan emosi adalah sikap dalam diri kita seperti marah, sedih, dan gembira. Hanim menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab ianya seperti dorongan untuk seseorang lebih rajin belajar. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab ianya seperti membuat sesuatu perkara, contohnya membasuh pinggan, menolong ayah membasuh kereta, dan bermain bola sepak.

Menurut Hanim, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan ialah: Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya, Ali menolong ayahnya membasuh kereta, dan Ali membasuh tangan sebelum makan

nasi. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya.

Sementara itu, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. Seterusnya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan sikap ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. Seterusnya, pernyataan yang dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi ialah: Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti.

Hanim menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang boleh dipercayai sebab mereka baik hati, bersifat kasih sayang, tololong menolong, dan membantu orang dalam kesusahan. Apabila saya bertanya mengenai kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan kita patut menjaga tingkah laku, dapat memberi manfaat pada keluarga, dan dapat memberi sokongan pada mereka yang akan menghadapi peperiksaan, contohnya kakak yang akan menduduki peperiksaan UPSR.

Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu yang antara lainnya ialah seseorang suka menipu, contohnya menipu keluarga dan kawan dan suka mencuri. Kemudiannya, beliau menjelaskan tentang faedah yakin kepada diri sendiri, iaitu yakin kita boleh buat sesuatu perkara. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jika kitalau tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita mudah putus asa, dan tidak yakin dengan sesuatu perkara yang dilakukan. Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada

Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab Allah itu Tuhan kita Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hanim menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru, suka menolong orang, dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA152

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, kita tau yang ini baik, yang ini yang buruk.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Menolong orang dalam kesusahan, menolong kucing yang terjatuh dalam longkang, dan menolong ibu bapa.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Dapat mengetahui mana perbuatan yang baik, mana perbuatan yang buruk, kelakuan diri kita bertambah baik.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Kita tak tau mana perbuatan yang kita buat tu baik atau buruk, kita pergi rumah orang kita tidak duduk dengan sopan, mengusik barang dalam rumah itu, tidak memberi salam bila masuk.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Tidak, kita mesti ada perasaan tolong menolong, baik hati, dan kasih sayang.

Dalam Petikan HA152, Hanim menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita dapat membezakan perkara baik dan buruk. Seterusnya, saya bertanya mengenai contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri kamu menjadi seorang yang baik akhlak dan beliau menjelaskan di antaranya ialah menolong orang dalam kesusahan, menolong kucing yang terjatuh dalam longkang, dan menolong ibu bapa.

Hanim menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah dapat membezakan perbuatan baik dan buruk serta kelakuan kita bertambah baik. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah tidak dapat menilai sama ada perbuatan yang dilakukan baik atau buruk, contohnya bila bertandang ke rumah orang tidak duduk dengan sopan, mengusik barang di dalam rumahnya, dan tidak memberi salam kepada tuan rumah. Akhir sekali, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu, sebab menurut beliau ianya perlu dilengkapi dengan sifat tolong menolong, baik hati, dan kasih sayang.

Kesimpulan

Bagi Hanim, akhlak dan kepercayaan berkait antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Hanim menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu tindakan. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkait antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Hanim menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap mempunyai kaitan disebabkan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hanim juga menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara atau mengambil sesuatu tindakan. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Kemudiannya, Hanim turut menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini,

beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hanim menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru, suka menolong orang, dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Hanim turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah mengeratkan silaturahim, hidup lebih bahagia, dan dapat menjaga nama baik keluarga. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, hidup tidak bahagia, dan nama baik keluarga akan tercemar. Nampaknya, Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hanim menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi

perhatian kepada anak mereka, tingkah laku mereka menjadi buruk dan suka bercakap perkara yang kurang sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menunjukkan contoh yang baik di hadapan anak-anak, mengerjakan solat, membawa al-Quran, dan mendidik anak dalam membezakan antara perkara yang baik dan perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA158

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, sebab dia dah menjaga kita dari kecil hingga sekarang.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Perangai dan kelakuan akan jadi buruk terhadap diri kita sendiri, bercakap benda yang tak elok.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Membuat perkara yang baik, sembahyang, baca al-Quran, beritahu mana yang baik mana yang tidak baik.

Dalam Petikan PA158, saya bertanya Hanim adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik, beliau bersetuju sebab menurut beliau mereka telah menjaga kita dari kecil hingga sekarang. Seterusnya, beliau memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, yang antara lainnya ialah perangai anak jadi buruk dan suka bercakap perkara yang kurang sopan.

Selanjutnya, saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau

menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya membuat perkara baik seperti solat, membaca al-Quran, dan menasihati anak dalam membezakan perkara yang baik dan perkara buruk.

Sehubungan itu, Hanim juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik. Menurutnya, kawan yang bersopan santun membantu kita dalam pelajaran dan mendorong kita melakukan kebaikan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti ponteng sekolah, membuang masa dengan melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara di atas dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan PA161

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, dia boleh mengajar kita benda yang baik, dia tidak cakap perkataan yang buruk.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Dia akan mengajar kita benda yang baik, contoh menolong kawan dalam kesusahan, membantu kawan jika kawan tidak tahu membuat latihan yang diberi oleh guru.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Dia akan mengajak kita membuat benda yang tidak berfaedah seperti merokok, membuang masa, ponteng sekolah.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, dia akan menolong kita menjadi berbudi bahasa, dan percakapan kita menjadi baik dan dia tidak membuat perangai yang buruk nanti bertambah buruklah kelakuan kita jika berperangai buruk.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?

- S: Perangai akan menjadi buruk, kelakuan akan menjadi buruk, tidak mendengar cakap ibu bapa dan guru.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Mengajar perkara-perkara yang baik, contoh mengulang kaji di rumah dia, membuat kerja yang berfaedah seperti membaca buku, jika cikgu tak masuk kelas, membuat “study group”.

Dalam Petikan PA161, Hanim memberi penjelasan tentang adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu, dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau kawan yang baik mengajar kita perkara yang baik dan tidak akan mengucapkan perkataan yang tidak elok didengar. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa mereka boleh mengajar dan membantu kita dalam kesusahan, contohnya mengajar kita membuat latihan yang diberikan oleh guru. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun antara lainnya ialah mereka mengajak kita membuat perkara tidak berfaedah seperti merokok, membuang masa, dan ponteng sekolah. Beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik sebab pada anggapan beliau mereka boleh membantu diri untuk menjadi berbudi bahasa dan bertutur kata baik. Menurut Hanim lagi, kawan yang berbudi bahasa tidak akan berperangai buruk dan mempengaruhi orang lain untuk berperangai buruk. Beliau juga menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin menyebabkan perangai kita menjadi buruk dan tidak mendengar cakap ibu bapa dan guru. Akhir sekali, saya meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri dan beliau menjelaskan bahawa rakan sebaya mengajar perkara yang baik, contohnya mengulang kaji pelajaran dan membuat perkara berfaedah seperti belajar secara berkumpulan ketika ketiadaan guru di dalam kelas.

Kesimpulan

Hanim turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah mengeratkan silaturahim, hidup lebih bahagia, dan dapat menjaga nama baik keluarga. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, hidup tidak bahagia, dan nama baik keluarga akan tercemar. Nampaknya, Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hanim menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, tingkah laku mereka menjadi buruk dan suka bercakap perkara yang kurang sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menunjukkan contoh yang baik di hadapan anak-anak, mengerjakan solat, membawa al-Quran, dan mendidik anak dalam membezakan antara perkara yang baik dan perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sehubungan itu, Hanim juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita

melakukan perkara baik. Menurutnya, kawan yang bersopan santun membantu kita dalam pelajaran dan mendorong kita melakukan kebaikan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti ponteng sekolah, membuang masa dengan melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Hanim menganggap bahawa perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang selalu menolong orang. Dalam hal ini, Hanim tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak beradab. Dalam hal ini, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria khusus bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hanim mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti rajin dan berbuat baik kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hanim juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti tolong-menolong. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria kebajikan sosial secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hanim mengaitkannya dengan perbuatan seperti membuang sampah merata-rata dan tidak patuh kepada arahan ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Seterusnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti berkelakuan kurang sopan di rumah orang. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan tidak mengendahkan arahan ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Hanim menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah suka menolong orang dan beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Hanim, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Bagi Hanim, akhlak dan kepercayaan berkait antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam sesuatu tindakan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Hanim menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti memberi kepercayaan sepenuhnya pada keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu tindakan. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkait antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dalam hubungan antara akhlak dengan pemikiran.

Seterusnya, Hanim menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap mempunyai kaitan disebabkan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hanim juga menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara atau mengambil sesuatu tindakan. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung

bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Kemudiannya, Hanim turut menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Sementara itu, Hanim juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hanim menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru, suka menolong orang, dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Hanim turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah mengeratkan silaturahim, hidup lebih bahagia, dan dapat menjaga nama baik keluarga. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh

setiap hari, hidup tidak bahagia, dan nama baik keluarga akan tercemar. Nampaknya, Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hanim menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, tingkah laku mereka menjadi buruk dan suka bercakap perkara yang kurang sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menunjukkan contoh yang baik di hadapan anak-anak, mengerjakan solat, membaca al-Quran, dan mendidik anak dalam membezakan antara perkara yang baik dan perkara buruk. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sehubungan itu, Hanim juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik. Menurutnya, kawan yang bersopan santun membantu kita dalam pelajaran dan mendorong kita melakukan kebaikan. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti ponteng sekolah, membuang masa dengan melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya

dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Hanim tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6

Huraian ringkas pemahaman Hanim tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|-----------------|---|
| Makna Akhlak | <p>Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara</p> <p>Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik</p> <p>Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang buruk</p> <p>Hanim menggunakan kriteria kebijakan sosial dan adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.</p> <p>Hanim menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial secara tidak langsung</p> <p>Hanim menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak</p> |
| Hubungan Akhlak | <p>Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan</p> <p>Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.</p> <p>Hanim menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran</p> <p>Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap</p> <p>Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan</p> <p>Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi</p> <p>Hanim menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk</p> |

Sambungan....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|---|
| | Hanim menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik |
| Pembentukan Akhlak | Hanim menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak Hanim menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. |
| | Hanim menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial dan tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak |

Hazimah

Hazimah berumur 10 tahun 4 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang agak pendiam.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Hazimah menyatakan bahawa pengertian perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, nampaknya beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang melakukan perkara baik seperti solat lima waktu, menolong ibu bapa,

dan mendengar arahan guru. Dalam hal ini, nampaknya Hazimah tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara buruk seperti tabiat suka mencuri, tidak mengerjakan solat, suka berbohong, dan membunuh orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Hazimah ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA163

P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhlak dan orang yang tidak berakhlak?

S: Boleh, tengok dia buat baik atau jahat. Orang baik solat lima waktu, orang jahat dia mencuri, dia tak sembahyang, bohong. Orang tu baik sebab selalu tolong ibu bapa, dia dengar apa yang cikgu cakap.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Hazimah sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhlak dengan orang yang tidak berakhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhlak melakukan solat lima waktu, selalu menolong ibu bapa, dan mendengar nasihat guru, manakala orang yang tidak berakhlak pula suka mencuri, tidak solat, dan suka berbohong.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa, menghormati kawan, dan memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak

langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hazimah juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti duduk dengan senyap dalam perpustakaan dan makan dengan tertib. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Sementara itu, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menunaikan solat lima waktu, membaca al Quran, dan mengikuti sunnah Nabi. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti makan dengan gelojo. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu dan menderhaka kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Hazimah ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
- S: Sembahyang, baca al-Quran, memberi salam apabila bertemu guru, jangan menderhaka kepada ibu bapa, jangan membuli orang, jangan melawan cakap cikgu, ikut sunnah nabi, menolong ibu bapa, membuat sesuatu kerja dengan pantas, jangan buat bising di perpustakaan, mengikut adab makan, duduk diam-diam semasa melawat di hospital.
- P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
- S: Derhaka kepada Allah, tidak sembahyang, membuli, merompak, derhaka kepada ibu bapa, tidak percaya akan Nabi Muhammad dan Allah, tidak menolong ibu bapa, membunuh, tidak mengikut adab makan, tidak mengikut peraturan sekolah, berlari-lari semasa orang sedang baca Yasin dekat rumah, menengking ibu bapa.

Dalam petikan di atas, saya meminta Hazimah menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah melakukan solat, membaca al-Quran, memberi salam kepada guru, mentaati ibu bapa, beramah mesra dengan orang, mendengar nasihat guru, mengikut sunnah Nabi, menolong ibu bapa, pantas membuat sesuatu kerja, duduk dengan senyap di perpustakaan, mengikut adab makan, dan duduk dengan sopan ketika melawat ke hospital.

Seterusnya, Hazimah menyenaraikan perkara yang dianggap sebagai akhlak yang buruk, antara lainnya ialah derhaka kepada Allah seperti tidak melakukan solat, membuli, merompak, derhaka kepada ibu bapa, tidak percaya kepada Allah dan RasulNya, tidak menolong ibu bapa, membunuh, mengabaikan adab makan, melanggar peraturan sekolah, berlari-lari ketika orang sedang membaca surah Yasin di rumah, dan menengking ibu bapa.

Kemudiannya, Hazimah menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah taat kepada perintah Allah dan ibu bapa. Dalam menjelaskan hal ini, beliau

menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Hazimah, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau merujuk kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hazimah semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA165

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
S: Sebab kita tahu kita dah besar, dah cukup umur, kita gunakan akal fikiran untuk tahu benda itu buruk atau baik.

Dalam petikan di atas, saya meminta Hazimah memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Beliau menjelaskan bahawa apabila sudah matang dan meningkat dewasa, kita boleh menggunakan akal fikiran dalam menentukan sesuatu perkara sama ada ianya contoh akhlak baik atau buruk.

Kesimpulan

Hazimah menyatakan bahawa pengertian perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, nampaknya beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang melakukan perkara baik seperti solat lima waktu, menolong ibu bapa, dan mendengar arahan guru. Dalam hal ini juga, Hazimah tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara buruk seperti tabiat suka mencuri, tidak mengerjakan solat, suka berbohong, dan membunuh orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa, menghormati kawan, dan memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti duduk dengan senyap dalam perpustakaan dan makan dengan tertib. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menuaikan solat lima waktu, membaca al Quran, dan mengikut sunnah Nabi. Jelas di sini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti makan dengan gelojoh. Nampaknya, beliau

menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu dan menderhaka kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Kemudiannya, Hazimah menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah taat kepada perintah Allah dan ibu bapa. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Hazimah, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Hazimah, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti mempercayai Rukun Iman dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan kepercayaan. Seterusnya, Hazimah menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab perasaan terjadi hasil daripada perbuatan yang dilakukan manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perasaan.

Sementara itu, Hazimah juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan hubungan antara akhlak dan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain disebabkan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hazimah juga menjelaskan tentang hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Hazimah juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hazimah ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA171

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Sebab dia percaya pada Allah, Rasul dan Malaikat.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Sebab itu perbuatan dilakukan oleh manusia.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Sebab dia gagal dalam peperiksaan, jadi mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
- S: Sebab dia dengar cakap ibu bapa dia, dia jadikan nasihat ibu bapa dia sebagai panduan hidup, dia dengar cakap cikgu, jadi pandai.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Sebab dia buat sesuatu perkara contoh dah masuk waktu solat dia lepak-lepak lagi sebab dia lalai mengingati Allah.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Boleh.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
- S: Sebab dia baik, dia tidak melawan cakap guru, dia taat kepada Allah, dia tidak derhaka kepada guru atau ibu bapa.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Gembira, kita rasa kita boleh simpan rahsia orang tu, kita mula belajar sungguh-sungguh nak dapat 'A' dalam pelajaran.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Sedih, rasa macam tak nak kawan dengan orang, rasa macam malas nak belajar, kita tak nak belajar bersungguh-sungguh sebab orang semua tidak yakin kepada kita.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Kita boleh buat perkara yang orang tu suruh kita buat, contoh kalau orang tu suruh kita buat persembahan kat atas pentas, kita nak pergi, sebab kita yakin pada diri sendiri.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?

- S: Kita rasa takut, kita malu, kita rasa kita tak boleh buat perkara yang orang tu suruh buat, kalau orang tu suruh kita ambil dia punya barang yang terjatuh dalam rumah jiran, kita tak nak.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Dapat.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Kita sembahyang lima waktu, buat perkara yang baik, tolong ibu bapa, membawa al-Quran, tidak derhaka kepada Allah, selalu tolong cikgu(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-----------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung. | Perbuatan |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan. | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR. | Motivasi |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya. | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta. | Perbuatan |
| Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. | Sikap |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Sikap |
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Sikap |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya. | Perbuatan |

Dalam Petikan HA171, Hazimah menjelaskan tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap berkaitan dengan kepercayaan sebab menurut beliau, seseorang wajib percaya dengan sepenuh hati pada Allah, Rasul dan Malaikat. Apabila saya bertanya Hazimah tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang.

Seterusnya, dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, Hazimah memberikan contoh di mana seseorang yang gagal dalam peperiksaan perlu mengawal emosi dan bersedia untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan di dalam pelajaran. Hazimah menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai

suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab mendengar nasihat ibu bapa dan guru dianggap sebagai suatu motivasi atau panduan hidup yang berguna. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab ianya seperti membuat sesuatu perkara, contohnya tingkah laku yang buruk seperti melepak ketika waktu maghrib menunjukkan seseorang yang lalai dari mengingati Allah.

Menurut Hazimah, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan perbuatan ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung, Ali menolong ayahnya membasuh kereta, dan Ali menolong ayahnya membasuh kereta. Seterusnya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya.

Seterusnya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan sikap ialah: Ali membasuh tangan sebelum makan nasi, dan Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. Selanjutnya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan motivasi ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR ,dan Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya.

Dalam hal ini, Hazimah menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang boleh dipercayai sebab menurutnya mereka baik hati, tidak melawan dan derhaka kepada ibu bapa dan guru serta taat kepada Allah. Apabila saya bertanya kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan kita patut merasa gembira, contohnya dipercayai oleh rakan sebab dapat menyimpan rahsia peribadinya dan sebagai dorongan untuk kita berusaha dengan lebih gigih lagi dalam menghadapi pelajaran.

Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu yang antara lainnya ialah kita akan sedih sebab semua orang tidak mahu berkawan dengan kita dan tidak bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh. Kemudiannya, beliau menjelaskan tentang faedah yakin kepada diri sendiri, iaitu kita mampu buat sesuatu perkara tanpa perasaan gementar, contohnya ketika membuat persembahan di atas pentas. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita mudah takut dan malu untuk melakukan perkara yang agak mencabar, contohnya mengambil barang yang terjatuh dalam halaman rumah jiran. Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab kita selalu buat perkara baik seperti mengerjakan solat lima waktu, membaca al-Quran, taat perintah Allah, dan selalu menolong guru.

Sementara itu, Hazimah juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hazimah ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA179

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, sebab kita berdisiplin, kita mengikut peraturan sekolah, kita selalu tolong ibu bapa, kita mesti taat dengan ibu bapa.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Kita ikut sunnah Nabi, kita selalu bersembahyang, kita tak buat benda yang jahat.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Kita disukai oleh Allah dan masyarakat, kita akan menjadi orang yang bersopan, kita tidak akan berbuat jahat.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Kita tidak akan disukai oleh masyarakat, kita tidak akan membuat perkara yang baik.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Tidak, kita perlu banyak buat perkara yang baik, contoh dengar cakap ibu bapa, kita tidak boleh derhaka kepada ibu bapa, kita mesti mengikut perintah Allah.

Dalam Petikan HA179, beliau menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita dapat mematuhi peraturan sekolah, rajin membantu ibu bapa, dan sentiasa taat perintah ibu bapa. Seterusnya, saya bertanya tentang contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri kamu menjadi seorang yang baik akhlak dan beliau menjelaskan di antaranya ialah mengikut sunnah Nabi, mengerjakan solat, dan tidak melakukan perkara yang buruk.

Hazimah menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah disukai Allah dan masyarakat, menjadi orang yang bersopan santun, dan tidak akan melakukan perkara yang buruk. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah tidak disukai oleh masyarakat sekeliling dan tidak suka melakukan kebaikan. Akhir sekali, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu, sebab menurut beliau ianya perlu dilengkapi dengan melakukan perbuatan yang baik, sentiasa menuruti perintah Allah dan ibu bapa, dan tidak menderhaka terhadap keduanya.

Kesimpulan

Bagi Hazimah, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti mempercayai Rukun Iman dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Hazimah menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab perasaan terjadi hasil daripada perbuatan yang dilakukan manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Hazimah juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan sehari-hari. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hazimah juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks ini, beliau

menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Hazimah juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Dalam hal berkaitan, Hazimah juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Hazimah turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin turut mendidik anak mereka menjadi orang yang berdisiplin. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hubungan yang erat sesama ahli keluarga dan dapat

mengelakkan perselisihan faham. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak harmoni dan tidak ada kerjasama dalam keluarga. Nampaknya, Hazimah menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak-anak akan mempunyai tingkah laku yang buruk dan tidak berdisiplin. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur kesalahan yang dilakukan anak mereka, mengajar anak membaca al-Quran, membawa anak bersempbahyang jemaah di masjid ataupun surau, dan menasihati anak supaya melakukan perkara yang baik. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Hazimah ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA185

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, sebab ibu bapa itu jenis yang bertanggung jawab untuk memelihara kita.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.
- S: Kita tak akan menjadi orang yang berdisiplin. Kita tidak akan menjadi orang yang berdisiplin bila kita keluar bersama ibu bapa ke pasar malam, kita menjerit-jerit .
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.

S: Selalu menegur jika kita membuat salah, selalu ajar kita membaca al-Quran, selalu ajar kita ke surau, selalu menyuruh kita membuat perkara yang baik, suruh kita sembahyang.

Dalam Petikan PA185, saya bertanya Hazimah adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik, beliau bersetuju sebab menurut beliau mereka bertanggung jawab untuk memelihara kita. Seterusnya, Hazimah memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, yang antara lainnya ialah anak menjadi tidak berdisiplin, contohnya berperangai tidak senonoh seperti menjerit-jerit semasa keluar bersama ibu bapa ke pasar malam.

Selanjutnya, saya meminta Hazimah untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya menegur anak jikalau melakukan kesalahan, mengajar membaca al-Quran, membawa anak bersembahyang jemaah di surau, dan selalu menasihati anak supaya berkelakuan baik.

Sehubungan itu, Hazimah juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik dan menegur jikalau melakukan kesilapan. Menurutnya, kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun ialah kita boleh mencontohi sikap mereka dalam membentuk tingkah laku yang baik. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak bersopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Hanim ketika menjelaskan tentang perkara di atas dipaparkan dalam petikan di bawah.

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, sebab dia boleh ajar kita tentang perkara yang baik, dia boleh betulkan jika kita buat salah, dia boleh tentang kita bila kita melakukan kesilapan.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Kita boleh ikut perangai dia, kita juga akan mempunyai akhlak baik.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Kita juga tidak akan bersopan santun, kita akan terpengaruh dengan ajakan dia untuk buat perkara yang tidak baik.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, sebab kita boleh ikut contoh dia jadi orang yang berbudi bahasa.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Kita juga tidak akan berdisiplin, kita akan membuat perkara yang tidak baik, contoh merompak, ponteng sekolah, dan derhaka kepada ibu bapa.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Tegur kita jika buat salah, selalu ajak kita buat perkara yang baik, ajak kita belajar, tolong ibu bapa, ajak kita pergi sembahyang jemaah di surau.

Dalam Petikan PA188, Hazimah memberi penjelasan tentang adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu, dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau mereka mengajar kita membuat perkara baik dan menegur jikalau kita melakukan kesilapan. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa kita boleh mencontohi mereka dalam membentuk akhlak diri. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun, antara lainnya ialah kita mudah terpengaruh dengan perangai yang buruk dan menjadi orang yang tidak beradab sopan.

Beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik sebab pada anggapan beliau mereka boleh menjadi contoh orang yang berbudi bahasa. Beliau juga menjelaskan bahawa berkawan dengan rakan tidak berdisiplin menyebabkan kita tidak berdisiplin dan suka melakukan perkara negatif seperti merompak, ponteng sekolah, dan derhaka kepada ibu bapa . Akhir sekali, saya

meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri, dan beliau menjelaskan bahawa rakan sebaya boleh menegur kesilapan yang dilakukan dan mengajak melakukan kebaikan, contohnya belajar bersama, menolong ibu bapa serta mengajak ke surau untuk mengerjakan sembahyang jemaah.

Kesimpulan

Hazimah turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin turut mendidik anak mereka menjadi orang yang berdisiplin. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hubungan yang erat sesama ahli keluarga dan dapat mengelakkan perselisihan faham. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak harmoni dan tidak ada kerjasama dalam keluarga. Nampaknya, Hazimah menggunakan kriteria adab seharian secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak-anak akan mempunyai tingkah laku yang buruk dan tidak berdisiplin. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur kesalahan yang dilakukan anak mereka, mengajar anak membaca al-Quran, membawa anak bersembahyang jemaah di masjid

ataupun surau, dan menasihati anak supaya melakukan perkara yang baik. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sehubungan itu, Hazimah juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik dan menegur jikalau melakukan kesilapan. Menurutnya, kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun ialah kita boleh mencontohi sikap mereka dalam membentuk tingkah laku yang baik. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak bersopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Hazimah menyatakan bahawa pengertian perkataan akhlak merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Seterusnya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang melakukan perkara baik seperti solat lima waktu, menolong ibu bapa, dan mendengar arahan guru. Dalam hal ini juga, Hazimah tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara buruk seperti tabiat suka

mencuri, tidak mengerjakan solat, suka berbohong, dan membunuh orang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa, menghormati kawan, dan memberi salam ketika bertemu dengan kawan dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perbuatan seperti duduk dengan senyap dalam perpustakaan dan makan dengan tertib. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menuaikan solat lima waktu, membaca al Quran, dan mengikut sunnah Nabi. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Hazimah mengaitkannya dengan perbuatan seperti melawan cakap ibu bapa. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti makan dengan gelojoh. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak suka menolong ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Selanjutnya, Hazimah mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu dan menderhaka kepada ibu bapa. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Kemudiannya, Hazimah menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Misalnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah taat kepada perintah Allah dan ibu bapa. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Bagi Hazimah, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti mempercayai Rukun Iman dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Hazimah menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab perasaan terjadi hasil daripada perbuatan yang dilakukan manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Hazimah juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan sehari-hari. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan sikap. Dalam hal berkaitan, Hanim juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain apabila seseorang melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Sementara itu, Hazimah juga turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat dan dorongan untuk orang yang ingin berjaya. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dalam hubungan antara akhlak dengan motivasi.

Dalam hal berkaitan, Hazimah juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu

bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Hazimah turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin turut mendidik anak mereka menjadi orang yang berdisiplin. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hubungan yang erat sesama ahli keluarga dan dapat mengelakkan perselisihan faham. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak harmoni dan tidak ada kerjasama dalam keluarga. Nampaknya, Hazimah menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Hazimah menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka bertanggung jawab mendidik kita dari kecil hingga dewasa. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak-anak akan mempunyai tingkah laku yang buruk dan tidak berdisiplin. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya menegur kesalahan yang dilakukan anak mereka,

mengajar anak membaca al-Quran, membawa anak bersembahyang jemaah di masjid ataupun surau, dan menasihati anak supaya melakukan perkara yang baik. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sehubungan itu, Hazimah juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik dan menegur jikalau melakukan kesilapan. Menurutnya, kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun ialah kita boleh mencontohi sikap mereka dalam membentuk tingkah laku yang baik. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak bersopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Hazimah tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7

Huraian ringkas pemahaman Hazimah tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|----------------|--|
| Makna Akhlak | Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara |
| | Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik |
| | Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk |
| | Hazimah menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. |
| | Hazimah menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam |

Sambungan....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|--|
| Hubungan Akhlak | <p>konteks salah laku sosial, adab sehari-hari, sahsiah, dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan</p> <p>Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria motivasi secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk</p> |
| Pembentukan Akhlak | <p>Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.</p> <p>Hazimah menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak</p> |

Sofiya

Sofiya berumur 10 tahun 7 bulan semasa temu duga dijalankan. Beliau adalah murid Tahun Lima dan merupakan seorang murid yang mempunyai pencapaian akademik yang baik berdasarkan Peperiksaan Semester Satu tahun 2009. Ketika sesi temu duga, beliau memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan dan beliau nampaknya seorang murid yang agak tenang dan pendiam.

Makna Akhlak

Makna akhlak dianalisis daripada soalan tentang makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Sofiya menyatakan bahawa pengertian perkataan akhlak adalah merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, nampaknya beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Sementara itu, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang bersifat lemah lembut. Dalam hal ini, nampaknya Sofiya tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara tidak bersopan dan tidak senonoh. Dalam hal ini, beliau tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk. Petikan di bawah ini memaparkan tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

P: Boleh kamu bezakan orang yang berakhhlak dan orang yang tidak berakhhlak?

S: Orang yang berakhhlak ni dia lembut, tak ganas, orang yang tidak berakhhlak perangai dia macam orang tak pergi sekolah, dia banyak mencarut.

Dalam petikan di atas, saya bertanya Sofiya sama ada beliau boleh membezakan antara orang yang berakhhlak dengan orang yang tidak berakhhlak. Beliau berpendapat orang yang berakhhlak bersifat lemah lembut, manakala orang yang tidak berakhhlak pula mempunyai tingkah laku buruk contohnya suka bercakap perkataan lucah.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Sofiya mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, Sofiya juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara seperti bersikap rajin. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menutup aurat. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkannya dengan tingkah laku seperti merempit. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Beliau juga mengaitkan akhlak

yang buruk dengan perbuatan seperti berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, dan bersikap sompong. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan akhlak yang buruk.

Sementara itu, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meragut, membuli, mengugut, dan menjual arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan MA191

- P: Senaraikan seberapa banyak kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang mulia.
S: Sopan santun, dengar cakap ibu bapa, rajin, baik hati, menutup aurat.
P: Senaraikan seberapa banyak yang kamu tahu tentang perkara yang menunjukkan akhlak yang buruk.
S: Jual arak, berpoya-poya, selekeh, merempit, bunuh diri, membuli, meragut, menagih dadah, sompong.

Dalam petikan di atas, saya meminta Sofiya menyenaraikan perkara yang beliau anggap berkaitan dengan akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Menurut beliau, akhlak yang mulia ialah bersopan santun, mentaati ibu bapa, rajin, baik hati, dan menutup aurat.

Seterusnya, Sofiya menyenaraikan perkara yang dianggap menunjukkan akhlak yang buruk, di antara lainnya ialah menjual arak, berpoya-poya, selekeh, merempit, membunuh diri, membuli, meragut, menagih dadah, dan bersifat sompong.

Sementara itu, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku

secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Sofiya, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak. Sebagai tambahan, petikan di bawah memaparkan tingkah laku Sofiya semasa menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan MA192

- P: Nyatakan bagaimana kamu menentukan sama ada sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk.
S: Gunakan akal fikiran untuk menentukan sesuatu perkara itu contoh akhlak buruk atau baik.

Dalam petikan di atas, saya meminta Sofiya memberikan penjelasan tentang bagaimana untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah contoh akhlak baik atau buruk. Beliau menjelaskan bahawa kita seharusnya menggunakan akal fikiran dalam menentukan sesuatu perkara sama ada ianya contoh akhlak baik atau buruk.

Kesimpulan

Sofiya menganggap bahawa pengertian perkataan akhlak adalah merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Kemudiannya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang bersifat lemah lembut. Dalam hal ini, Sofiya tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara tidak bersopan dan tidak

senonoh. Dalam hal ini, beliau juga tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Sementara itu, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Sofiya mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Sofiya juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara seperti bersikap rajin. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Dalam hal ini, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menutup aurat. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkannya dengan tingkah laku seperti merempit. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, dan bersikap sombang. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meragut, membuli, mengugut, dan menjual arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Secara khususnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Sofiya, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak dianalisis daripada soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, hubungan akhlak dengan perasaan, hubungan akhlak dengan pemikiran, hubungan akhlak dengan sikap, hubungan akhlak dengan perbuatan, hubungan akhlak dengan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Bagi Sofiya, akhlak dan kepercayaan berkaitan sebab beliau menganggap kita mesti percaya kepada Allah dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Sofiya menyatakan akhlak dan perasaan berkaitan antara satu sama lain sebab perasaan lahir dari dalam jiwa manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang

kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap berkaitan dengan nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Sofiya juga menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dengan perkara yang dilakukan seseorang. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Sementara itu, Sofiya turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai panduan di dalam kehidupan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan HA198

- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai kepercayaan di atas berkaitan dengan kepercayaan.
- S: Sebab yang ditulis sebagai kepercayaan patut dipercayai oleh manusia, contohnya percaya kepada Allah.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai sikap di atas berkaitan dengan sikap.
- S: Sikap ini berkaitan dengan nilai murni.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai emosi di atas berkaitan dengan emosi.
- S: Sebab emosi ni dia perasaan dalam jiwa.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai motivasi di atas berkaitan dengan motivasi.
- S: Sebab perkara yang ditulis sebagai motivasi ini berkaitan dengan panduan untuk hidup.
- P: Jelaskan mengapa perkara yang ditulis sebagai perbuatan di atas berkaitan dengan perbuatan.
- S: Perbuatan ni dia berkaitan dengan perlakuan setiap orang.
- P: Adakah orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru boleh dipercayai?
- S: Ya, boleh.
- P: Jikalau boleh dipercayai, mengapa?
- S: Sebab dia orang baik kelakuan dan percakapan.
- P: Senaraikan kebaikan yang diperolehi jika orang yakin kepada kamu.
- S: Kawan-kawan akan membantu kita menjadi lebih yakin.
- P: Senaraikan keburukan yang diperolehi jika orang tidak yakin kepada kamu.
- S: Akan menimbulkan masalah dan pergaduhan disebabkan orang tidak yakin kepada kita.
- P: Apakah faedah jika kita yakin pada diri sendiri?
- S: Kita akan mendapatkan apa yang kita ingin, seperti mendapat 5A dalam UPSR.
- P: Apa akan berlaku jika kita tidak yakin pada diri sendiri?
- S: Kita akan gagal dalam kehidupan, contoh dalam kehidupan rumah tangga.
- P: Adakah kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat bantu kamu membina sikap yang baik?
- S: Dapat membantu.
- P: Jika dapat membantu kamu, mengapa?
- S: Sebab Allah Maha Penyayang, Allah tolong kita dalam aspek kehidupan(lihat kerja di bawah).

| Pernyataan | Respons |
|--|-----------|
| Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung | Perbuatan |
| Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan | Emosi |
| Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR | Sikap |
| Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya | Motivasi |
| Ali menolong ayahnya membasuh kereta | Perbuatan |
| Ali membersihkan tangan sebelum makan nasi | Perbuatan |
| Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. | Sikap |

| Pernyataan | Respons |
|--|-------------|
| Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya sebentar tadi. | Emosi |
| Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib. | Perbuatan |
| Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya | Kepercayaan |

Dalam Petikan HA198, Sofiya menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai kepercayaan dianggap berkaitan dengan kepercayaan sebab menurut beliau manusia hendaklah percaya kepada Allah. Apabila saya bertanya Sofiya tentang mengapa perkara yang beliau tulis sebagai sikap dianggap berkaitan dengan sikap, beliau menyatakan sikap adalah berkaitan dengan nilai murni.

Dalam menjelaskan mengapa perkara yang beliau tulis sebagai emosi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan emosi, beliau menjelaskan bahawa emosi berkaitan dengan perasaan dalam jiwa seseorang. Sofiya menyatakan perkara yang beliau tulis sebagai motivasi dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan motivasi sebab motivasi dianggap mempunyai kaitan dengan panduan hidup. Seterusnya, beliau menjelaskan perkara yang beliau tulis sebagai perbuatan dianggap sebagai suatu yang berkaitan dengan perbuatan sebab ianya berkaitan dengan perlakuan setiap orang.

Menurut Sofiya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan perbuatan ialah: Ali tidak ambil peduli keadaan ibunya yang sakit di kampung, Ali menolong ayahnya membasuh kereta, Ali masih leka bersempang dengan kawan-kawannya di luar rumah walau pun telah masuk waktu solat Maghrib, dan Ali membasuh tangan sebelum makan nasi. Seterusnya, pernyataan yang dianggap berkaitan dengan emosi ialah: Ali kecewa kerana mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan dan Ali merasa putus asa apabila melihat keputusan peperiksaannya.

Kemudiannya, pernyataan yang dianggap oleh Sofiya berkaitan dengan kepercayaan ialah: Ali beristigfar kepada Allah agar diampunkan dosanya.

Selanjutnya, pernyataan yang dianggap yang berkaitan dengan sikap ialah: Ali bersyukur kepada Allah kerana mendapat 5A dalam peperiksaan UPSR dan Ali belajar bersungguh-sungguh untuk mengikuti jejak langkah adik beradiknya yang melanjutkan pelajaran ke universiti. Sebagai tambahan, pernyataan yang dianggap oleh Sofiya berkaitan dengan motivasi ialah : Ali sentiasa menjadikan nasihat ibu bapa sebagai panduan hidupnya.

Pada umumnya, Sofiya menjelaskan bahawa orang yang sentiasa menghormati ibu bapa dan guru adalah orang yang boleh dipercayai sebab menurutnya mereka orang yang baik dalam percakapan dan tingkah laku. Apabila saya bertanya tentang kebaikan yang diperolehi jikalau orang yakin kepada kamu, beliau menjelaskan mereka dapat mendorong kita untuk menjadi orang yang mempunyai keyakinan yang kental.

Seterusnya, beliau menjelaskan keburukan yang diperolehi jikalau orang tidak yakin kepada kamu yang antara lainnya ialah timbul pelbagai masalah dan boleh mencetuskan pergaduhan. Kemudiannya, Sofiya menjelaskan faedah yakin kepada diri sendiri, iaitu kita akan memperolehi apa yang diinginkan, misalnya mendapat A dalam semua subjek peperiksaan UPSR. Apabila saya bertanya apa akan berlaku jikalau kita tidak yakin kepada diri sendiri, beliau menjelaskan kita dikhuatiri gagal dalam aspek kehidupan contohnya dalam kehidupan berumah tangga.

Secara umumnya, beliau mengakui bahawa kepercayaan yang kukuh kepada Allah dapat membantu membina sahsiah dan sikap yang baik sebab Allah yang Maha Penyayang sentiasa membantu kita dalam semua aspek kehidupan di dunia dan akhirat.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak

langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini juga, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

Petikan HA206

- P: Adakah dengan mengamalkan disiplin, kamu akan melakukan perbuatan yang baik?
- S: Ya, kita akan menjadikan disiplin sebagai panduan untuk hidup.
- P: Beri contoh perbuatan yang boleh pengaruh diri kamu jadi baik.
- S: Solat berjemaah di masjid, membaca al-Quran.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa kebaikan perbuatan yang sopan.
- S: Disenangi masyarakat, masyarakat akan hormat pada kita.
- P: Cuba kamu senaraikan beberapa keburukan perbuatan yang tidak sopan.
- S: Tidak disenangi oleh masyarakat, masyarakat tidak suka pada kita.
- P: Adakah tingkah laku yang sopan sudah cukup untuk membentuk perangai yang baik?
- S: Ya, jika tingkah laku kita baik dan sopan, perangai kita juga baik.

Dalam Petikan HA206, Sofiya menjelaskan bahawa dengan amalan disiplin berterusan kita dapat hidup dengan bahagia. Seterusnya, saya bertanya tentang contoh perbuatan yang boleh mempengaruhi diri kamu menjadi seorang yang baik akhlak dan beliau menjelaskan di antaranya ialah solat berjemaah di masjid dan membaca al-Quran.

Sofiya menyenaraikan beberapa kebaikan perbuatan sopan di antaranya ialah disenangi masyarakat dan masyarakat akan menghormati kita. Beliau menyenaraikan beberapa keburukan perbuatan tidak sopan di antaranya ialah tidak disenangi oleh masyarakat sekeliling dan masyarakat tidak menghormati kita. Akhir sekali, beliau bersetuju dengan pernyataan bahawa tingkah laku sopan sudah cukup untuk

membentuk perangai yang baik terhadap seseorang individu, sebab menurut beliau tingkah laku baik akan membentuk peribadi mulia.

Kesimpulan

Bagi Sofiya, akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti percaya kepada Allah dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Sofiya menyatakan akhlak dan perasaan mempunyai kaitan sebab perasaan lahir dari dalam jiwa manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap dikaitkan dengan nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Sofiya turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan.

Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dengan perkara yang dilakukan seseorang. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Pada umumnya, Sofiya turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai panduan di dalam kehidupan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini juga, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak dianalisis daripada soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dalam konteks tertentu.

Sofiya turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni mendorong membuat

perkara baik seperti menunaikan solat dan menutup aurat. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah dapat mengeratkan silaturahim dan boleh menyelesaikan masalah peribadi dan kewangan. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak bahagia sebab mementingkan diri sendiri, contohnya terlibat dalam najis dadah. Nampaknya, Sofiya menggunakan kriteria adab sehari-hari dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan pula peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka mendidik anak mereka menjadi manusia yang baik dan berguna. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan gagal dalam pelajaran dan tidak berada sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya lebih berdisiplin dan sentiasa menunjukkan teladan yang baik di hadapan anak mereka. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Petikan di bawah memaparkan tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut.

Petikan PA212

- P: Adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik?
- S: Ya, sebab ibu bapa yang bertanggung jawab boleh menjadikan diri anak-anak mereka menjadi baik.
- P: Apa yang akan berlaku jika ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin diri kamu.

- S: Kita akan gagal dalam peperiksaan, perangai kita akan menjadi kurang ajar.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku diri kamu.
- S: Mengajar kita menjadi berdisiplin, menunjukkan akhlak yang baik kepada anak-anak.

Dalam Petikan PA212, saya bertanya Sofiya adakah ibu bapa yang bertanggung jawab sudah cukup untuk membentuk disiplin yang baik, beliau bersetuju sebab menurut beliau mereka bertanggung jawab untuk memelihara kita dan membentuk akhlak kita menjadi baik. Seterusnya, Sofiya memberi penjelasan apa yang akan berlaku jikalau ibu bapa tidak memberikan perhatian untuk membentuk disiplin, yang antara lainnya ialah kita akan gagal dalam bidang akademik dan menjadi orang yang bersifat kurang ajar.

Selanjutnya, saya meminta beliau untuk menyenaraikan beberapa perkara yang patut dilakukan oleh ibu bapa untuk membentuk tingkah laku anak-anak dan beliau menjelaskan bahawa ibu bapa sepatutnya bertanggung jawab dalam mendidik disiplin anak mereka dan menunjukkan contoh yang baik di hadapan anak mereka.

Sementara itu, Sofiya turut menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan berakhhlak mulia. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik untuk diikuti supaya menjadi orang yang lebih berdisiplin. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak beradab sopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Tingkah laku Sofiya ketika menjelaskan tentang perkara tersebut dipaparkan dalam petikan di bawah.

- P: Kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan tingkah laku diri kamu, ya atau tidak?
- S: Ya, sebab kawan yang baik selalu menunjukkan akhlak yang mulia.
- P: Apakah kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun?
- S: Kita akan menjadi bersopan santun, kita akan menjadi orang yang berdisiplin.
- P: Apakah keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun?
- S: Kita akan menjadi jahat, kita menjadi tidak pandai sebab melakukan perkara yang buruk seperti mematahkan kerusi meja di kelas.
- P: Adakah kawan yang berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik?
- S: Ya, sebab kawan yang berbudi bahasa dapat menolong kita menjadi seorang yang baik, kita juga akan menjadi berbudi bahasa jika berkawan dengan orang yang berbudi bahasa.
- P: Apa yang berlaku jika kamu berkawan dengan rakan yang tidak berdisiplin?
- S: Kita akan menjadi jahat, kita selalu gagal dalam peperiksaan, kita juga akan menjadi tidak berdisiplin di sekolah.
- P: Sebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri kamu.
- S: Membuat kerja sekolah bersama-sama, melakukan perkara yang berfaedah seperti membaca buku, berbincang tentang pelajaran.

Dalam Petikan PA215, Sofiya memberi penjelasan tentang adakah kawan yang baik boleh mempengaruhi pembentukan diri kamu, dan beliau nampaknya bersetuju dengan pernyataan tersebut sebab pada anggapan beliau mereka selalu menunjukkan akhlak yang mulia. Apabila saya bertanya tentang kebaikan mempunyai kawan bersopan santun, beliau menegaskan bahawa kita juga akan mengikut jejak langkah mereka menjadi orang yang berdisiplin dan bersopan santun. Seterusnya, beliau menerangkan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun, antara lainnya ialah kita mudah terpengaruh dengan perangai yang negatif dan menjadi kurang cerdik bila sanggup melakukan perbuatan buruk seperti merosakkan kerusi dan meja di dalam kelas.

Beliau bersetuju bahawa kawan berbudi bahasa dapat menolong bentuk perangai kita jadi baik sebab pada anggapan beliau mereka boleh membantu kita menjadi orang yang baik dan berbudi bahasa. Beliau juga menjelaskan berkawan dengan rakan tidak berdisiplin menyebabkan kita terpengaruh dengan tingkah laku

buruk, sering gagal dalam peperiksaan, dan menjadi murid tidak berdisiplin di sekolah. Akhir sekali, saya meminta beliau menyebutkan beberapa perkara yang boleh dilakukan oleh rakan sebaya untuk bantu membentuk kelakuan diri, dan beliau menjelaskan bahawa kita boleh membuat tugas yang diberi oleh guru bersama-sama dan melakukan perkara yang berfaedah seperti membaca buku serta mengulang kaji pelajaran.

Kesimpulan

Sofiya turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni mendorong membuat perkara baik seperti menunaikan solat dan menutup aurat. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah dapat mengeratkan silaturahim dan boleh menyelesaikan masalah peribadi dan kewangan. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak bahagia sebab mementingkan diri sendiri, contohnya terlibat dalam najis dadah. Nampaknya, Sofiya menggunakan kriteria adab sehari-hari dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan pula peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka mendidik anak mereka menjadi manusia yang baik dan berguna. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan gagal dalam pelajaran dan tidak berada sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam

kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya lebih berdisiplin dan sentiasa menunjukkan teladan yang baik di hadapan anak mereka. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Sofiya turut menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan berakhlek mulia. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik untuk diikuti supaya menjadi orang yang lebih berdisiplin. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak beradab sopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Sofiya menganggap bahawa pengertian perkataan akhlak ialah merujuk perbuatan melakukan perkara yang baik. Dalam hal ini, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara.

Kemudiannya, beliau menjelaskan bahawa akhlak yang baik ialah akhlak yang ada pada orang yang bersifat lemah lembut. Dalam hal ini, Sofiya tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan perbuatan yang ada kaitan dengan akhlak yang baik.

Dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang melakukan perkara tidak bersopan dan tidak senonoh. Dalam hal ini, beliau juga tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak

langsung bagi menentukan perbuatan yang mempunyai kaitan dengan akhlak yang buruk.

Sementara itu, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan jenis akhlak. Secara khususnya, akhlak boleh dikategorikan kepada dua jenis yang berbeza, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Pada umumnya, Sofiya mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Seterusnya, Sofiya juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan melakukan perkara seperti bersikap rajin. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa beliau juga menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Dalam hal ini, beliau juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti menutup aurat. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Kemudiannya, dalam membincangkan hal mengenai akhlak yang buruk, Sofiya mengaitkannya dengan tingkah laku seperti merempit. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Sebagai tambahan, beliau juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, dan bersikap sompong. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria adab sehari-hari secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, beliau mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti meragut, membuli, mengugut, dan menjual arak. Dalam hal ini, beliau menggunakan

kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

Dalam hal yang berkaitan, Sofiya menjelaskan tentang perkara yang dianggap berkaitan dengan akhlak. Secara khususnya, beliau menyatakan bahawa perkara yang dikaitkan dengan akhlak ialah beradab sopan. Dalam menjelaskan hal ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Bagi Sofiya, cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran logik secara tidak langsung dalam menentukan baik atau buruknya sesuatu akhlak.

Sofiya menjelaskan bahawa akhlak dan kepercayaan berkaitan antara satu sama lain sebab beliau menganggap kita mesti percaya kepada Allah dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan. Seterusnya, Sofiya menyatakan akhlak dan perasaan mempunyai kaitan sebab perasaan lahir dari dalam jiwa manusia. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyatakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan hubungan antara akhlak dan pemikiran. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan pemikiran berkaitan antara satu sama lain sebab pemikiran positif seperti logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala pemikiran negatif seperti cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang tidak baik. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria pemikiran waras

secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan sikap berkaitan antara satu sama lain sebab sikap dikaitkan dengan nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap. Dalam hal berkaitan, Sofiya turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan perbuatan. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan perbuatan berkaitan antara satu sama lain dengan perkara yang dilakukan seseorang. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perbuatan.

Pada umumnya, Sofiya turut menjelaskan hubungan antara akhlak dengan motivasi. Misalnya, beliau menyatakan akhlak dan motivasi berkaitan antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai panduan di dalam kehidupan. Dalam hal ini, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan motivasi.

Sementara itu, Sofiya juga menjelaskan bagaimana sesuatu akhlak menjadi buruk. Misalnya, beliau menyatakan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Misalnya, beliau menyatakan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan menghormati ibu bapa dan guru dan taat perintah Allah. Dalam hal ini juga,

beliau menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Sofiya turut menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga yang harmoni mendorong membuat perkara baik seperti menuaikan solat dan menutup aurat. Menurut beliau, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah dapat mengeratkan silaturahim dan boleh menyelesaikan masalah peribadi dan kewangan. Kemudiannya, beliau menyatakan keburukan keluarga yang kacau bilau, yang antara lainnya ialah keluarga menjadi tidak bahagia sebab mementingkan diri sendiri, contohnya terlibat dalam najis dadah. Nampaknya, Sofiya menggunakan kriteria adab sehari-hari dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, Sofiya menjelaskan pula peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, beliau bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik, misalnya beliau menjelaskan mereka mendidik anak mereka menjadi manusia yang baik dan berguna. Selanjutnya, beliau mengatakan jikalau ibu bapa tidak memberi perhatian kepada anak mereka, anak akan gagal dalam pelajaran dan tidak berada sopan. Kemudiannya, beliau menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya mendidik anak supaya lebih berdisiplin dan sentiasa menunjukkan teladan yang baik di hadapan anak mereka. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, Sofiya turut menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan berakhlek mulia. Menurutnya, kawan yang bersopan santun memberikan contoh yang baik untuk diikuti supaya menjadi orang yang lebih berdisiplin. Selanjutnya, kawan yang tidak bersopan santun mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak beradab sopan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, pemahaman Sofiya tentang akhlak dipaparkan dalam Jadual 4.8.

Jadual 4.8

Huraian ringkas pemahaman Sofiya tentang akhlak

| Perkara | Huraian ringkas |
|-----------------|---|
| Makna Akhlak | <p>Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara.</p> <p>Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan akhlak yang baik.</p> <p>Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan akhlak yang buruk.</p> <p>Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks salah laku sosial, tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks</p> |
| Hubungan Akhlak | <p>Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.</p> <p>Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.</p> <p>Sofiya menggunakan kriteria pemikiran waras secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran Sofiya menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.</p> |

Sambungan....

| Perkara | Huraian ringkas |
|--------------------|--|
| | Sofiya menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan. |
| | Sofiya menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi. |
| | Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. |
| Pembentukan Akhlak | Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik. |
| | Sofiya menggunakan kriteria adab sehari-hari dan kepercayaan agama secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. |
| | Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku secara tidak langsung dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. |
| | Sofiya menggunakan kriteria sahsiah secara tidak langsung bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. |

Rumusan

Secara keseluruhan, pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak melibatkan tiga komponen utama. Ringkasnya, tiga bahagian tersebut ialah makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Kajian ini membabitkan lapan orang subjek yang terdiri daripada murid Tahun Lima sebuah sekolah kebangsaan. Sementara itu, dapatan kajian yang diperolehi daripada semua subjek telah pun dianalisis. Pada umumnya, pemahaman lapan orang murid Tahun Lima tentang akhlak dirumuskan seperti di bawah.

Ahmad

Ahmad berumur 11 tahun 3 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak,

hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Ahmad berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Ahmad menggunakan cita rasa masyarakat sebagai kriteria menentukan baik buruk sesuatu perkara.
- Ahmad menggunakan kriteria cita rasa masyarakat menentukan akhlak yang baik.
- Ahmad tidak menyatakan kriteria bagi menentukan akhlak buruk.
- Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, kriteria sahsiah, dan kebijakan sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, kriteria sahsiah, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Ahmad menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Ahmad tidak menyatakan sebarang kriteria dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Ahmad tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Ahmad menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan antara akhlak dan pemikiran.
- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Ahmad menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kebajikan sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Ahmad menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Ahmad menggunakan kriteria sahsiah dan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Jalil

Jalil berumur 11 tahun 5 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Jalil berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Jalil tidak menggunakan sebarang kriteria sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara.
- Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial dalam menentukan akhlak yang baik.
- Jalil tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial dan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Jalil menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Jalil menggunakan kriteria pemikiran rasional dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

- Jalil menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Jalil tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perasaan.
- Jalil menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dengan pemikiran.
- Jalil menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan sikap.
- Jalil menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan perbuatan.
- Jalil menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan motivasi.
- Jalil menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama dan kebijakan sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Jalil menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Jalil menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan adab sehari-hari dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Jalil menggunakan kriteria kebijakan sosial dan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Amir

Amir berumur 11 tahun 6 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Amir berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Amir tidak menggunakan sebarang kriteria sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara itu.
- Amir tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik.
- Amir tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Amir menggunakan kriteria kebajikan sosial, tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, dan adab sehari-hari bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Amir menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Amir menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Amir tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

- Amir menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Amir tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan perasaan.
- Amir menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dengan pemikiran.
- Amir menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dengan sikap.
- Amir menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan perbuatan.
- Amir menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dengan motivasi.
- Amir menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Amir menggunakan kriteria kepercayaan agama dan tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Amir menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Amir menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Amir menggunakan kriteria citarasa masyarakat bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Farid

Farid berumur 11 tahun 8 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Farid berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Farid tidak menggunakan sebarang kriteria sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara.
- Farid tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik.
- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Farid menggunakan kriteria kebijakan sosial, tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Farid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.

- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Seterusnya, Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.
- Farid menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Farid tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Farid menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.
- Farid menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Farid menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Farid menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Farid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama dan cita rasa masyarakat bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama, adab sehari-hari, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Farid menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Zaki

Zaki berumur 11 tahun 4 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Zaki berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara.
- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan akhlak yang baik.
- Zaki tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Zaki menggunakan kriteria kebajikan sosial, tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

- Zaki menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Zaki menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Zaki menggunakan kriteria pemikiran logik dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.
- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Zaki tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Zaki menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.
- Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Zaki menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Zaki menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Zaki menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Zaki menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama dan tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Zaki menggunakan kriteria kepercayaan agama dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Hanim

Hanim berumur 10 tahun 7 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Hanim berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria sebagai penentuan baik buruk sesuatu perkara.
- Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik.
- Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang buruk.

- Hanim menggunakan kriteria kebijakan sosial dan adab sehari-hari dalam menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Hanim menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Hanim menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Hanim menggunakan kriteria pemikiran logik dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.
- Hanim menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Hanim tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Hanim menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.
- Hanim menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Hanim menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Hanim menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Hanim menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.
- Hanim menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

- Hanim menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Hanim menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Hanim menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial dan tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Hazimah

Hazimah berumur 10 tahun 4 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Hazimah berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria secara tidak langsung dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara.
- Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik.

- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Hazimah menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, kriteria adab sehari-hari, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Hazimah menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, adab sehari-hari, sahsiah, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Hazimah menggunakan kriteria pemikiran logik dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.
- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Hazimah tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Hazimah menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.
- Hazimah menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Hazimah menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Hazimah menggunakan kriteria motivasi bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Hazimah menggunakan kriteria adab seharian bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Hazimah menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Hazimah menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Sofiya

Sofiya berumur 10 tahun 7 bulan semasa temu duga berlangsung. Dalam hal ini, temuduga yang dijalankan mengandungi tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Dalam bahagian yang pertama, temuduga berkaitan dengan soalan tentang makna akhlak, penentuan akhlak baik dan buruk, perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak mulia dan akhlak buruk, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, bahagian kedua mengandungi soalan tentang hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, dan motivasi, bagaimana akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik. Sementara itu, bahagian ketiga mengandungi soalan tentang peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku Sofiya berhubung dengan pemahaman beliau tentang akhlak:

- Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara.
- Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang baik.

- Sofiya juga tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk.
- Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan kepercayaan agama bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.
- Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, dan tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk.
- Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.
- Sofiya menggunakan kriteria pemikiran logik dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak.
- Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan kepercayaan.
- Sofiya tidak menggunakan sebarang kriteria bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan perasaan.
- Sofiya menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang berkaitan dengan hubungan akhlak dan pemikiran.
- Sofiya menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan antara akhlak dan sikap.
- Sofiya menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan perbuatan.
- Sofiya menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan hubungan akhlak dan motivasi.
- Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

- Sofiya menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.
- Sofiya menggunakan kriteria adab sehari-hari dan kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.
- Sofiya menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.
- Sofiya menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan dan perbincangan lanjut merentasi lapan subjek kajian dari dapatan kajian ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab Lima. Di samping itu, perbincangan juga bertumpu kepada implikasi kajian dari sudut teori dan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, satu cadangan penyelidikan lanjutan akan dibincangkan secara mendalam.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Kajian ini bertumpu kepada tiga bahagian utama, iaitu makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Berdasarkan tujuan kajian ini, enam soalan khusus kajian telah dibentuk secara terperinci dan lapan orang murid dipilih secara rawak bertujuan sebagai subjek kajian yang terdiri dari murid Tahun Lima di sebuah sekolah kebangsaan di pinggir bandar Seremban. Kajian ini berlandaskan teori perspektif bersepada sejagat yang bersifat menyeluruh dan berkait rapat dengan elemen kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Kajian ini menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian, manakala temu duga klinikal pula digunakan sebagai teknik pengumpulan data. Temu duga dijalankan dalam tiga peringkat. Dalam peringkat pertama, temu duga dijalankan untuk mengenal pasti makna akhlak, peringkat kedua untuk mengenal pasti hubungan akhlak, dan peringkat ketiga untuk mengenal pasti pembentukan akhlak. Seterusnya, bab ini mengandungi dua bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi rumusan dan perbincangan tentang hasil kajian merentasi subjek kajian. Bahagian kedua pula mengandungi kesimpulan, implikasi kajian termasuklah implikasi kepada teori, amalan pendidikan, kajian lanjutan, dan akhir sekali, iaitu rumusan.

Rumusan Kajian

Dalam bahagian ini, perbincangan merentasi lapan subjek kajian untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak dibuat berdasarkan analisis kajian yang diperoleh dari tiga peringkat temu duga klinikal, iaitu makna

akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Berikut ialah rumusan tentang tingkah laku murid.

Makna Akhlak

Dalam kajian ini, makna akhlak membabitkan enam aspek, iaitu makna akhlak, akhlak baik, akhlak buruk, jenis akhlak, perkara yang berkaitan dengan akhlak, dan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dalam konteks tertentu.

Makna akhlak. Pada umumnya, enam orang murid menyatakan bahawa akhlak adalah melakukan sesuatu perkara yang baik atau mendatangkan kebaikan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, mereka tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu perkara. Seorang murid pula mentafsirkan makna bagi perkataan akhlak sebagai perbuatan melakukan perkara baik yang disukai oleh masyarakat. Nampaknya, beliau menggunakan cita rasa masyarakat sebagai kriteria dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak.

Seterusnya, seorang murid lain menyatakan bahawa makna bagi perkataan akhlak membabitkan perbuatan melakukan perkara yang direhui oleh Allah. Nampaknya, murid ini menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan makna akhlak.

Akhhlak baik. Empat orang murid mengaitkan akhlak baik dengan individu yang suka menolong orang, membantu orang, atau melakukan kebaikan. Namun begitu, mereka tidak menyatakan sebarang kriteria untuk menentukan akhlak baik. Seorang murid lain pula mengaitkan akhlak baik dengan orang yang pandai membaca al Quran, boleh menjadi imam, dan suka memberi salam. Murid ini menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan akhlak yang baik.

Seterusnya, seorang murid lain mengaitkan akhlak baik dengan orang yang lemah lembut. Namun begitu, murid ini tidak menyatakan sebarang kriteria bagi

menentukan akhlak yang baik. Selanjutnya, seorang murid lain pula mengaitkan akhlak yang baik dengan orang yang baik dan disukai masyarakat. Murid ini menggunakan kriteria cita rasa masyarakat bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak baik. Seorang murid lain pula mengaitkan akhlak yang baik dengan melakukan perkara baik seperti solat lima waktu, menolong ibu bapa, dan mendengar arahan guru. Murid ini tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang baik.

Akhhlak buruk. Empat orang murid mengaitkan akhlak buruk dengan orang yang tidak bersopan santun. Mereka tidak menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk. Seterusnya, seorang murid pula mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak berakhhlak. Nampaknya, murid ini juga tidak menyatakan sebarang kriteria dalam menentukan akhlak yang buruk.

Sementara itu, seorang murid menyatakan orang yang selalu meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah sebagai perbuatan yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Murid ini menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan akhlak yang buruk. Seterusnya, seorang murid pula mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan orang yang melakukan perkara buruk seperti mencuri, tidak mengerjakan solat, suka berbohong, dan membunuh orang. Murid berkaitan menggunakan kriteria kepercayaan agama sebagai asas bagi menentukan akhlak yang buruk.

Seterusnya, seorang murid mengaitkan perbuatan orang yang tidak suka menolong orang sebagai akhlak yang buruk. Namun begitu, murid ini tidak pula menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan akhlak yang buruk.

Jenis Akhlak. Pada umumnya, akhlak terbahagi kepada dua bahagian, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk.

Akhhlak mulia. Seorang murid mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa dan kawan, dan memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru. Seterusnya, seorang murid

lain mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru dan bersopan santun di hadapan tetamu.

Seorang murid lain pula mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru. Selanjutnya, seorang murid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru. Bagi seorang murid lain, beliau mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru. Seterusnya, seorang murid lain juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan tingkah laku seperti memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan akhlak yang mulia.

Seterusnya, empat orang murid mengaitkan akhlak yang mulia dengan adab seperti menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah, rajin, duduk senyap dalam perpustakaan, dan makan dengan tertib. Mereka menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menandakan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang mulia. Pada umumnya, dua orang murid juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan personaliti diri seperti bercakap dengan lemah lembut dan bersopan dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria sahsiah sebagai asas bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Selanjutnya, tiga orang murid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perkara kebajikan seperti menolong ibu bapa dan menziarahi orang sakit. Tiga orang murid lain juga mengaitkan akhlak yang mulia dengan perkara kebajikan seperti menolong guru, menolong orang susah, dan menolong orang tua melintas jalan. Mereka juga menggunakan kriteria kebajikan sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Bagi empat orang murid, mereka mengaitkan akhlak yang mulia dengan beribadah kepada Allah seperti perbuatan menuaikan solat lima waktu, membaca al-

Quran, menutup aurat, dan mengikut sunnah Nabi. Mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia.

Akh�ak buruk. Lima orang murid mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti merempit, meludah merata-rata, membuang sampah merata-rata, membuang masa, tidak patuh arahan ibu bapa, tidak menghormati guru, dan tidak memberi salam ketika bertemu dengan guru. Mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menandakan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang buruk.

Pada umumnya, lima orang murid juga mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti bermain di dalam kelas, tidak beradab di rumah orang, berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, bersikap sompong, mencederakan kawan, makan dengan gelojoh, dan biadap dengan guru. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menandakan perbuatan yang berkait dengan akhlak yang buruk.

Seterusnya, empat orang murid mengaitkan akhlak yang buruk dengan personaliti seseorang seperti mengumpat, mencerca, dan melawan cakap ibu bapa. Mereka menggunakan kriteria sahsiah bagi menandakan perbuatan yang berkait dengan akhlak yang buruk.

Selanjutnya, enam orang murid mengaitkan akhlak yang buruk dengan salah laku seperti mencuri, meragut, membuli, mengugut, menjual arak, menggores kereta guru, merosakkan telefon awam, dan tidak suka menolong ibu bapa dan guru. Mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menandakan perbuatan yang berkait dengan akhlak yang buruk.

Pada umumnya, dua orang murid mengaitkan akhlak yang buruk dengan perbuatan seperti tidak mengerjakan solat lima waktu, membuat maksiat, minum arak, dan meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah. Mereka menggunakan kriteria

kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak yang buruk.

Perkara yang berkaitan dengan akhlak. Menurut empat orang murid, perkara yang berkaitan dengan akhlak ialah membaca al Quran, melakukan perkara kebaikan untuk mendapat pahala dari Allah, taat perintah kedua ibu bapa, dan bersyukur kepada Allah. Mereka menyatakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.

Seterusnya, empat orang murid pula menyatakan bahawa perkara yang berkaitan dengan akhlak ialah berdikari, mengikuti pengajaran guru dengan tekun, perlakuan yang baik, suka menolong orang, dan beradab sopan. Pada umumnya, mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang berkaitan dengan akhlak.

Cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak. Menurut seorang murid, kita hendaklah meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang samada melakukan kebaikan atau perkara yang dilarang Allah sebagai perkara yang berkaitan dalam penentuan baik buruk sesuatu akhlak. Beliau menyatakan kriteria kepercayaan agama sebagai asas bagi menentukan baik buruk sesuatu akhlak. Seterusnya, dua orang murid menyatakan bahawa cara menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti tingkah laku dan perangai seseorang itu terlebih dahulu. Namun begitu, mereka tidak pula menyatakan sebarang kriteria bagi menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

Bagi seorang murid lain, beliau mengaitkan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria pemikiran rasional dalam menentukan baik buruk sesuatu akhlak. Selanjutnya, empat orang murid mengaitkan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang buruk dan perkara yang baik.

Mereka menggunakan kriteria pemikiran logik bagi menentukan baik buruk sesuatu akhlak.

Hubungan Akhlak

Hubungan akhlak membabitkan lapan aspek, iaitu hubungan akhlak dengan kepercayaan, perasaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi, bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, dan cara untuk membentuk akhlak yang baik dalam konteks tertentu.

Hubungan akhlak dengan kepercayaan. Ringkasnya, empat orang murid menjelaskan bahawa akhlak berkaitan dengan kepercayaan sebab mereka menganggap kita mesti memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu perkara. Mereka menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan kepercayaan.

Sementara itu, empat orang murid lain menjelaskan bahawa akhlak dengan kepercayaan berkaitan sebab mereka menganggap kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur atas segala nikmat yang diberikan oleh-Nya. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan kepercayaan.

Hubungan akhlak dengan perasaan. Secara keseluruhan, semua murid menjelaskan bahawa akhlak dan perasaan berkaitan sebab akhlak mempunyai pengaruh dalam perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tertentu seperti gembira, sedih, terkejut, tidak puas hati, dan kecewa. Walau bagaimanapun, mereka tidak meletakkan sebarang kriteria dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan perasaan.

Hubungan akhlak dengan pemikiran. Pada umumnya, semua murid menjelaskan bahawa akhlak dan pemikiran saling berkaitan sebab fikiran logik,

rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak baik, manakala fikiran cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak tidak baik. Mereka menggunakan kriteria pemikiran waras dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan pemikiran.

Hubungan akhlak dengan sikap. Secara ringkas, empat orang murid berpendapat bahawa akhlak dan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan sehari-hari. Oleh yang demikian, mereka menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan sikap.

Kemudiannya, empat orang murid lain menganggap bahawa akhlak dan sikap berkaitan sebab sikap adalah kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti rajin, malas, tidak bertolak ansur, kurang ajar, atau suka mengganggu kawan. Mereka menggunakan kriteria adab sehari-hari dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan sikap.

Hubungan akhlak dengan perbuatan. Pada umumnya, kajian ini mendapati semua murid menyatakan bahawa akhlak dan perbuatan berkait di antara satu sama lain dalam menjelaskan tingkah laku seseorang samada melakukan perkara yang baik ataupun perkara yang buruk. Mereka menggunakan kriteria sahsiah bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan perbuatan.

Hubungan akhlak dengan motivasi. Secara ringkas, semua murid menjelaskan bahawa akhlak dan motivasi berkait di antara satu sama lain sebab motivasi dianggap sebagai nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan sebagai pendorong kepada orang yang inginkan kejayaan. Mereka semua menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak dan motivasi.

Bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk. Pada keseluruhannya, lima orang murid menjelaskan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang

melakukan perkara yang buruk seperti membuli, tabiat suka mencuri, tidak menghiraukan nasihat ibu bapa, hilang keyakinan diri akibat tekanan hidup, dan melakukan perkara yang merosakkan peribadi. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Seterusnya, seorang murid menjelaskan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Dalam konteks ini, beliau menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Sebagai tambahan, dua orang murid menjelaskan bahawa sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk.

Cara untuk membentuk akhlak yang baik. Pada umumnya, semua murid menjelaskan bahawa cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah melalui perbuatan menghormati ibu bapa dan guru, suka menolong orang, dan taat perintah Allah. Dalam konteks ini, mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama, kebijakan sosial, dan tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan cara untuk membentuk akhlak yang baik.

Pembentukan Akhlak

Pembentukan akhlak membabitkan tiga aspek, iaitu peranan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Ringkasnya, dua orang murid menjelaskan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Mereka menganggap keluarga harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Mereka menganggap kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah mengeratkan silaturahim, hidup bahagia, dan dapat menjaga nama baik keluarga, manakala keburukan ikatan keluarga kacau bilau yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, hidup terseksa, dan nama baik keluarga tercemar. Ringkasnya, mereka menggunakan kriteria sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, tiga orang murid lain menjelaskan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Mereka menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Menurut mereka, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah melakukan perkara baik bersama, contohnya solat berjemaah, makan bersama keluarga, dan mendorong ahli keluarga untuk mencapai kejayaan terutamanya dalam bidang pelajaran.

Mereka turut menjelaskan keburukan ikatan keluarga yang kacau bilau yang antara lainnya ialah keluarga dipandang rendah oleh masyarakat dan masa depan terjejas sebab kurang mendapat perhatian dan dorongan dari ibu bapa. Dalam konteks ini, nampaknya mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama dan cita rasa masyarakat dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, dua orang murid turut menjelaskan tentang peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Mereka menganggap keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang

berdisiplin akan mengajar anak mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin. Menurut mereka, antara kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah hidup menjadi lebih teratur dan ahli keluarga menjadi lebih berdisiplin, manakala keburukan ikatan keluarga kacau bilau antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, tidak ada kerjasama dalam keluarga, dan hidup menjadi tidak teratur. Mereka menggunakan kriteria adab sehari-hari bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, seorang murid lain juga menjelaskan tentang peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa keluarga yang harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga harmoni mengikut peraturan dan sentiasa mengikuti perkembangan anaknya supaya menjadi manusia yang baik dan bersopan. Menurutnya, kebaikan keluarga yang harmoni ialah tidak berpecah belah dan saling menghormati antara satu sama lain.

Tambah beliau, keburukan keluarga kacau bilau yang antara lainnya ialah keluarga tidak terurus, anak terbiar, dan tingkah laku anak melampaui batas sebab kurang kawalan ibu bapa. Dalam konteks ini, nampaknya beliau menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak.

Peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, empat orang murid menjelaskan tentang peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Mereka bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik anak-anak. Mereka menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, iaitu memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang dilakukan, memberi nasihat sebagai motivasi supaya mereka tidak mengulangi kesalahan, merotan anak jikalau didapati

melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak, dan menunjukkan teladan baik di hadapan anak. Mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, empat orang murid lain turut menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Mereka bersetuju bahawa ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik dan mereka bertanggung jawab atas setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka, contohnya menyuruh anak menutup aurat dan melarang anak berkawan dengan rakan yang bertingkah laku buruk. Seterusnya, anak-anak akan menderhaka kepada ibu bapa dan tidak hormat kepada orang yang lebih tua jika lau tidak diberikan perhatian oleh ibu bapa.

Kemudiannya, mereka menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya melarang anak membuat perkara buruk, menyuruh mereka mendirikan solat, membaca al-Quran, menunjukkan contoh yang baik terhadap anak-anak, membawa anak solat berjemaah di surau ataupun masjid, dan menegur setiap kesalahan yang dilakukan anak mereka. Ringkasnya, mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak.

Peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Pada umumnya, seorang murid menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab beliau menganggap rakan yang berbudi bahasa sentiasa menunjukkan tingkah laku sopan yang boleh dicontohi rakan lain. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberikan teladan yang baik kepada kawan-kawan, manakala kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita boleh terpengaruh dengan

tingkah laku yang buruk, misalnya tidak menghormati orang tua. Nampaknya, beliau menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan sahsiah dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, seorang murid lain juga menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Beliau bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak bersama membuat perkara kebaikan. Menurutnya, kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik dan dipuji masyarakat, manakala kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif sehingga kita terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk. Beliau menggunakan kriteria cita rasa masyarakat bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, dua orang murid turut menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Mereka bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik. Menurut mereka, antara kebaikan mempunyai kawan bersopan santun ialah mereka membantu kita dalam pelajaran, dan mendorong kita melakukan kebaikan. Mereka turut menjelaskan keburukan mempunyai kawan tidak bersopan santun, yang antara lainnya ialah mereka mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk seperti ponteng sekolah, membuang masa melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Sementara itu, dua orang murid lain juga menjelaskan tentang peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Mereka bersetuju bahawa kawan yang baik

mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara kebaikan seperti mengajak pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama-sama, hormat, dan tidak berdendam dengan guru, dan melakukan perkara yang berfaedah. Mereka menjelaskan bahawa antara kebaikan mempunyai kawan bersopan santun ialah mereka boleh membantu kita dalam membentuk akhlak yang terpuji, manakala keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun ialah kita mudah terpengaruh dengan tingkah laku mereka yang buruk. Mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Seterusnya, dua orang murid turut menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Mereka bersetuju bahawa kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong kita melakukan perkara baik dan menengur jikalau melakukan kesilapan. Mereka turut menjelaskan kebaikan mempunyai kawan bersopan santun yang di antaranya ialah kita boleh mencontohi sikap mereka dalam membentuk tingkah laku yang baik, manakala kuburukan kawan yang tidak bersopan santun ialah mereka mempengaruhi kita membuat perkara yang buruk dan menjadi tidak bersopan santun. Nampaknya, mereka menggunakan kriteria kepercayaan agama bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Rumusan

Beberapa kriteria telah dikenal pasti bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang mulia. Misalnya, perbuatan yang dikaitkan dengan interaksi sosial bagi akhlak mulia ialah mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa, menghormati kawan, memberi salam, dan bersopan santun. Seterusnya, perbuatan yang termasuk dalam adab sehari-hari ialah menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah,

rajin, duduk dengan senyap, dan makan dengan tertib. Perbuatan yang termasuk dalam sahsiah pula ialah bercakap dengan lemah lembut dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Selanjutnya, perbuatan yang termasuk dalam kebajikan sosial ialah menolong ibu bapa, guru, dan orang yang lebih tua. Bagi kepercayaan agama, antara perbuatan yang dikaitkan dengan kriteria tersebut ialah menunaikan solat lima waktu, membaca al-Quran, menutup aurat, dan mengikut sunnah Nabi.

Seterusnya, beberapa kriteria juga telah dikenal pasti bagi menentukan perkara yang dikaitkan dengan akhlak yang buruk. Misalnya, perbuatan yang dikaitkan dengan interaksi sosial bagi akhlak buruk ialah merempit, meludah merata-rata, membuang sampah merata-rata, membuang masa, tidak patuh arahan ibu bapa, tidak menghormati guru, dan tidak memberi salam kepada guru. Perbuatan yang termasuk dalam adab seharian ialah bermain di dalam kelas, tidak beradab di rumah orang, berpoya-poya, berpakaian tidak kemas, menagih dadah, bersikap sompong, makan dengan gelojoh, dan biadap dengan guru. Seterusnya, perbuatan yang dikaitkan dengan sahsiah ialah mengumpat, mencerca, melawan cakap ibu bapa, mencuri, meragut, membuli, mengugut, dan menjual arak. Selanjutnya, perbuatan yang dikaitkan dengan salah laku sosial ialah merosakkan telefon awam, tidak suka menolong ibu bapa dan guru, dan tidak mengendahkan arahan ibu bapa. Akhir sekali, perbuatan yang dikaitkan dengan kepercayaan agama bagi akhlak buruk ialah tidak mengerjakan solat lima waktu, melakukan maksiat, minum arak, dan meninggalkan perkara yang diperintah Allah.

Secara keseluruhan, enam orang murid tidak meletakkan sebarang kriteria dalam memberikan makna akhlak, seorang murid menggunakan kriteria cita rasa masyarakat dan selebihnya seorang murid lagi menggunakan kriteria kepercayaan agama. Dalam menentukan akhlak baik, empat orang murid menggunakan kriteria kepercayaan agama, tiga orang murid tidak menyatakan sebarang kriteria, dan seorang murid menggunakan kriteria cita rasa masyarakat. Seterusnya, dalam menentukan akhlak buruk, enam orang

murid tidak meletakkan sebarang kriteria dan dua orang murid lagi menggunakan kriteria kepercayaan agama.

Seterusnya, dalam menentukan akhlak mulia, semua murid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, sahsiah, kebijakan sosial, dan kepercayaan agama. Dalam menentukan akhlak buruk pula, semua murid mengaitkannya dengan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, adab sehari-hari, sahsiah, tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, dan kepercayaan agama. Empat orang murid mentafsirkan perkara yang berkaitan dengan akhlak dengan menggunakan kriteria kepercayaan agama, manakala empat orang murid pula menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial. Seterusnya, seorang murid menggunakan kriteria kepercayaan agama untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak, dua orang murid tidak menyatakan sebarang kriteria, seorang murid menyatakan kriteria pemikiran rasional, dan empat orang menggunakan kriteria pemikiran logik.

Secara ringkas, empat orang murid menggunakan kriteria sahsiah untuk menjelaskan hubungan akhlak dengan kepercayaan dan empat orang murid lagi menggunakan kriteria kepercayaan agama. Dalam mentafsirkan hubungan akhlak dengan perasaan pula, semua murid tidak menyatakan sebarang kriteria dalam hal tersebut. Seterusnya, semua murid menggunakan kriteria pemikiran waras dalam mentafsirkan hubungan akhlak dengan pemikiran. Empat orang murid menggunakan kriteria sahsiah dalam mentafsirkan hubungan akhlak dengan sikap, manakala empat orang murid lain menggunakan kriteria adab sehari-hari.

Seterusnya, semua murid mentafsirkan hubungan akhlak dengan perasaan menggunakan kriteria sahsiah. Semua murid juga mentafsirkan hubungan akhlak dengan motivasi menggunakan kriteria sahsiah. Walau bagaimanapun, bagi menjawab soalan bagaimana sesuatu akhlak boleh menjadi buruk, lima orang murid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, seorang murid menggunakan

kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, dan dua orang murid menggunakan kriteria kepercayaan agama. Selanjutnya, semua murid menggunakan kriteria kepercayaan agama, kebijakan sosial, dan tingkah laku dalam konteks interaksi sosial bagi mentafsirkan cara membentuk akhlak yang baik.

Ringkasnya, dalam menjawab soalan tentang peranan keluarga dalam pembentukan akhlak, dua orang murid menggunakan kriteria sahsiah, tiga orang murid menggunakan kriteria kepercayaan agama, dua orang murid menggunakan kriteria adab sehari-hari, manakala seorang murid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial. Seterusnya, empat orang murid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan empat orang murid lain menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam menerangkan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Selanjutnya, seorang murid menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan sahsiah, seorang murid lain pula menggunakan kriteria cita rasa masyarakat, dua orang murid lain menggunakan kriteria tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, dan empat orang murid lain pula menggunakan kriteria kepercayaan agama dalam mentafsirkan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak.

Perbincangan

Dalam bahagian ini, perbincangan bertumpu kepada penjelasan, analisis, tafsiran, sintesis, dan ringkasan hasil kajian dengan berpandukan soalan kajian. Berikut adalah rumusan tentang tingkah laku murid.

Makna akhlak

Kajian ini mendapati sebahagian besar murid Tahun Lima menyatakan akhlak sebagai suatu perkara yang baik atau suatu yang boleh mendatangkan kebaikan kepada seseorang dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai tambahan, terdapat segelintir murid

menggunakan konteks berbeza untuk menjelaskan pandangan mereka tentang akhlak, iaitu konteks masyarakat dan kepercayaan agama.

Jadual 5.1

Rumusan Pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak.

| Komponen akhlak | Jenis akhlak | Kriteria akhlak dari pemahaman murid |
|--------------------|---------------|--|
| Makna akhlak | Akhhlak baik | Interaksi sosial |
| Hubungan akhlak | Akhhlak buruk | Adab sehari-hari Sahsiah Kebajikan sosial Salah laku sosial |
| Pembentukan akhlak | | Kepercayaan agama Cita rasa masyarakat |

Mereka menganggap melakukan suatu yang disukai oleh jiran dan masyarakat sebagai suatu perbuatan yang baik. Dalam menjawab soalan ini, terdapat murid yang menganggap melakukan perbuatan yang direhui oleh Allah selaras dengan ajaran agama sebagai perbuatan yang baik. Sebahagian besar murid yang lain pula menyatakan makna akhlak tanpa memberi sebarang penjelasan yang baik, manakala murid lain pula menganggap bahawa akhlak sebagai perkara yang baik semata-mata.

Nampaknya, hasil kajian ini konsisten dengan kajian Suriani (2005) yang mendapati murid sekolah menganggap perbuatan terhadap Allah, Rasul, ibu bapa, dan guru sebagai contoh akhlak. Antara persamaan yang didapati dalam kajian ini dengan kajian Suriani (2005) ialah makna akhlak yang diberikan oleh murid menjurus kepada melakukan perbuatan tertentu seperti melakukan perkara mengikut kehendak masyarakat dan perkara yang bertepatan dengan ajaran agama. Perbezaan kajian ini dengan kajian Suriani (2005) ialah dalam kajian ini murid menyatakan akhlak sebagai melakukan perkara baik yang disukai oleh agama dan masyarakat, manakala dalam kajian Suriani (2005) hanya memfokuskan kepada melakukan perbuatan baik terhadap Allah, Rasul, ibu bapa, dan guru yang lebih menjurus kepada ajaran agama.

Kajian ini juga mendapati sebahagian besar jawapan yang diberikan oleh murid dalam memberikan makna akhlak bertumpu kepada perbuatan melakukan perkara tertentu sahaja, iaitu dari aspek lahiriah sahaja dan tidak menyentuh aspek dalam ataupun batiniah, walaupun akhlak membabitkan kedua-dua aspek ini. Dalam menjawab soalan ini, sebahagian besar murid menyatakan akhlak sebagai satu perbuatan yang baik. Jawapan yang diberikan oleh murid tidak lengkap atau tidak menyeluruh sebab penjelasan mereka membabitkan satu aspek sahaja.

Sebahagian besar murid Tahun Lima menyatakan akhlak yang baik merupakan suatu yang berkaitan dengan tingkah laku baik oleh seseorang individu seperti suka menolong orang, berlemah lembut, dan mendengar arahan ibu bapa dan guru. Mereka menerangkan akhlak yang baik tanpa memberikan penjelasan terperinci mengenai perkara tersebut. Segelintir murid pula menjelaskan akhlak yang baik dari pandangan agama apabila akhlak yang baik dikaitkan dengan orang yang selalu menjadi imam di dalam solat dan pandai membaca al-Quran. Seterusnya, terdapat murid lain menjelaskan akhlak yang baik dari pandangan masyarakat apabila mengaitkannya dengan individu yang sentiasa disanjung dalam sesuatu kelompok masyarakat.

Dalam menjawab soalan ini, penjelasan murid kebanyakannya tertumpu dari sudut masyarakat, iaitu aspek sosial, dan pandangan agama, iaitu aspek budaya, manakala dalam kajian ini akhlak ditakrifkan dari sudut dalaman jiwa manusia seperti efektif, pegangan, dan pemikiran serta unsur luaran yang melibatkan ciri seperti fizikal, sosial, dan budaya. Dari satu segi, persamaan antara makna akhlak yang diberikan dalam kajian ini dengan jawapan yang diberikan oleh sebahagian besar murid tertumpu dari aspek sosial dan budaya.

Dalam kajian ini, sebahagian besar murid mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang tidak bersopan santun, tidak suka menolong orang lain, dan tidak berakhlik. Seterusnya, segelintir murid mengaitkan akhlak yang buruk selaras dengan pandangan

agama apabila mereka mengaitkan akhlak yang buruk dengan orang yang meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah, mempunyai tabiat suka mencuri, sifat suka berbohong, dan melakukan jenayah berat seperti membunuh orang lain.

Walau bagaimanapun, kebanyakan murid dapat memberikan penjelasan dengan menyatakan perbezaan di antara akhlak yang baik dan akhlak yang buruk. Hasil kajian ini konsisten dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Ismail, Selamat, Azmi, Abd. Basit, dan Hafiz (2004). Mereka mendapati bahawa ciri keperibadian seseorang itu, sama ada mempunyai akhlak baik ataupun buruk dianggap oleh murid sebagai aspek utama yang mempengaruhi pembentukan akhlak, terutamanya murid di sekolah menengah. Antara persamaan yang didapati dalam kajian ini dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail, Selamat, Azmi, Abd. Basit, dan Hafiz (2004) ialah ciri keperibadian seseorang memberi kesan kepada murid dalam membezakan akhlak yang baik dan akhlak yang buruk.

Kajian ini mendapati segelintir murid menjelaskan akhlak yang mulia dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, seperti akhlak yang mulia membabitkan perbuatan mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa dan kawan, memberi salam ketika bertemu dengan kawan atau guru, dan bersopan santun di hadapan tetamu. Seterusnya, murid yang lain pula menjelaskan akhlak yang mulia dari sudut sopan santun, seperti akhlak yang mulia sering dikaitkan dengan perbuatan menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah, duduk dengan senyap di dalam perpustakaan, dan makan dengan tertib.

Dalam kajian ini, terdapat juga murid yang menjelaskan pandangan mereka mengenai akhlak yang mulia dari sudut sahsiah, seperti akhlak yang mulia melibatkan tingkah laku bercakap dengan lemah lembut dan menjawab pertanyaan dengan sopan. Seterusnya, murid yang lain pula menjelaskan akhlak yang mulia dari sudut kebajikan sosial, seperti akhlak yang mulia melibatkan tingkah laku menolong ibu bapa,

menziarahi orang sakit, menolong guru, orang melarat, dan orang tua melintas jalan. Walau bagaimana pun, terdapat murid yang menyatakan akhlak yang mulia dari pandangan agama, bila mereka menjelaskan bahawa akhlak yang mulia membabitkan perbuatan menunaikan solat lima waktu, membaca al-Quran, mengikut sunnah Nabi, dan menutup aurat.

Kajian ini mendapati sebahagian murid Tahun Lima menjelaskan akhlak yang buruk dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, seperti akhlak yang buruk membabitkan perbuatan merempit, meludah merata-rata, membuang sampah merata-rata, membuang masa, tidak patuh arahan ibu bapa, tidak menghormati guru, dan tidak memberi salam ketika bertemu dengan guru. Seterusnya, murid lain menjelaskan akhlak yang buruk dari sudut sopan santun, seperti akhlak yang buruk melibatkan tingkah laku bermain di dalam kelas, tidak bersopan santun di rumah orang, berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, bersikap sompong, mencederakan kawan, makan dengan gelojoh, dan biadap dengan guru.

Seterusnya, murid yang lain pula menjelaskan akhlak yang buruk dari sudut sahsiah, seperti akhlak yang buruk melibatkan perbuatan mengumpat, mencerca, dan melawan cakap ibu bapa. Murid lain menjelaskan akhlak yang buruk dari sudut tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, seperti akhlak yang buruk melibatkan perbuatan suka mencuri, meragut, membuli, mengugut, menjual arak, menggores kereta guru, merosakkan telefon awam, dan tidak suka menolong ibu bapa dan guru. Walau bagaimanapun, terdapat murid yang menjelaskan akhlak yang buruk dari sudut pandangan agama, apabila mereka mengaitkan akhlak yang buruk dengan tingkah laku seperti tidak mengerjakan solat lima waktu, membuat maksiat, minum arak, dan meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah.

Nampaknya, kebanyakan jawapan yang diberikan oleh murid bertumpu kepada aspek manifestasi tentang akhlak. Dari satu segi, dapatan kajian ini didapati selaras

dengan objektif yang ingin dicapai dalam Kurikulum Pendidikan Islam yang menggariskan apabila murid telah mengikuti pelajaran ini, mereka dapat menyedari dan memahami serta dapat membezakan akhlak yang mulia dengan akhlak yang buruk dalam kehidupan seharian.

Kajian ini mendapati kebanyakan murid Tahun Lima menyatakan perkara yang berkaitan dengan akhlak dari pandangan agama seperti perkara yang berkaitan dengan akhlak melibatkan perbuatan membaca al-Quran, melakukan perkara kebaikan untuk mendapat pahala dari Allah, taat kepada perintah ibu bapa, dan bersyukur kepada Allah. Seterusnya, murid lain pula menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akhlak dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial seperti akhlak membabitkan tingkah laku berdikari, mengikuti pengajaran guru dengan tekun, berkelakuan baik, suka menolong orang, dan bersopan santun. Dari satu sudut, jawapan yang diberikan oleh murid kepada soalan yang diberikan ini juga dilihat dari aspek manifestasi akhlak dan hanya membabitkan satu aspek sahaja.

Kajian ini mendapati segelintir murid Tahun Lima menyatakan cara untuk menentukan baik atau buruk sesuatu akhlak dari pandangan agama iaitu aspek budaya seperti mereka menganggap cara untuk menentukan baik atau buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang samada melakukan kebaikan atau perkara yang dilarang Allah. Murid lain pula menyatakan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak tanpa memberikan sebarang penjelasan khusus. Misalnya, mereka menganggap cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah dengan meneliti tingkah laku dan perangai seseorang terlebih dahulu.

Seterusnya, terdapat murid yang menyatakan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak dari pandangan rasional yang mana mereka menganggap cara untuk menentukan baik atau buruk sesuatu akhlak ialah dengan berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan. Walau

bagaimanapun, kebanyakan murid menerangkan cara untuk menentukan baik atau buruk sesuatu akhlak dari sudut pemikiran logik yang mana mereka menganggap cara untuk menentukan baik atau buruk sesuatu akhlak dengan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang baik dengan perkara yang buruk.

Hubungan akhlak

Dalam kajian ini, sebahagian murid Tahun Lima menjelaskan hubungan di antara akhlak dengan kepercayaan dari sudut sahsiah seperti hubungan di antara akhlak dengan kepercayaan mengaitkan seseorang yang menaruh kepercayaan penuh terhadap keupayaan dirinya dalam melakukan sesuatu perkara. Sebahagian murid lain pula menjelaskan hubungan akhlak dengan kepercayaan dari pandangan agama iaitu aspek budaya seperti hubungan akhlak dengan kepercayaan melibatkan kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur di atas segala nikmat yang diberikan oleh-Nya.

Dalam menjawab soalan ini, semua murid didapati mengaitkan hubungan akhlak dengan kepercayaan dari aspek dalaman akhlak, iaitu ciri iktikad yang dikaitkan dengan aspek pegangan hidup. Nampaknya, terdapat persamaan yang agak jelas di antara jawapan yang diberikan oleh murid dengan definisi akhlak yang difokuskan dalam kajian ini.

Kajian ini mendapati semua murid Tahun Lima menyatakan hubungan di antara akhlak dengan perasaan tanpa memberikan penjelasan yang lebih lanjut. Misalnya, mereka menganggap akhlak mempunyai pengaruh dalam perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tertentu seperti gembira, sedih, terkejut, tidak puas hati, dan kecewa. Dalam satu segi, murid bersetuju bahawa akhlak mengandungi aspek dalaman yang melibatkan ciri perasaan, seperti yang ditakrifkan dalam kajian ini.

Kajian ini juga mendapati semua murid Tahun Lima menjelaskan hubungan di antara akhlak dengan pemikiran dari sudut pemikiran waras iaitu aspek pemikiran yang mana mereka semua menganggap hubungan di antara akhlak dengan pemikiran adalah saling berkait sebab fikiran logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak yang baik, manakala fikiran cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak tidak baik.

Ringkasnya, murid bersetuju bahawa pemikiran yang waras memberi impak kepada pembentukan akhlak diri seseorang, yang mana aspek dalaman akhlak merupakan suatu perkara yang penting untuk menjana keperibadian seseorang berlandaskan jasmani, emosi, rohani, dan intelek.

Kajian ini mendapati sebahagian daripada murid Tahun Lima menjelaskan hubungan antara akhlak dengan sikap mempunyai kaitan apabila mereka menganggap sikap mempunyai kaitan dengan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang di dalam kehidupan seharian. Namun begitu, mereka tidak memberikan penjelasan lebih lanjut tentang perkara tersebut. Seterusnya, sebahagian murid yang lain pula menjelaskan hubungan di antara akhlak dengan sikap dari sudut adab seharian, yang mana mereka menganggap hubungan di antara akhlak dengan sikap saling berkaitan sebab sikap adalah kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti rajin, malas, tidak bertolak ansur, kurang ajar, dan suka mengganggu kawan.

Dalam satu aspek, hasil kajian ini didapati konsisten dengan hasil kajian yang dilakukan Mardzelah (2000). Subjek kajian beliau terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah di utara semenanjung dan menggunakan soal selidik untuk menjalankan kajian. Hasil kajian beliau mendapati hubungan yang signifikan antara aktiviti reakreasi dan pengamalan pengawasan dalaman diri (*muhasabat al-nafs*), manakala dalam kajian ini pula mendapati murid menganggap sikap mempunyai kaitan dengan kebiasaan atau tingkah laku seseorang.

Kajian ini mendapati semua murid Tahun Lima menyatakan hubungan di antara akhlak dengan perbuatan dari sudut sahsiah, iaitu aspek sosial yang mana mereka menganggap akhlak berkaitan dengan perbuatan dalam menjelaskan tingkah laku seseorang sama ada melakukan perkara yang baik atau perkara yang buruk.

Dalam kajian ini, semua murid Tahun Lima menyatakan hubungan di antara akhlak dengan motivasi dari sudut sahsiah, iaitu aspek sosial yang mana mereka menganggap motivasi diberikan sebagai nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan pendorong kepada orang yang inginkan kejayaan.

Kajian ini mendapati sebahagian murid Tahun Lima menyatakan akhlak boleh menjadi buruk dari sudut tingkah laku dalam konteks salah laku sosial, yang mana mereka menganggap akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti membuli, tabiat suka mencuri, tidak menghiraukan nasihat ibu bapa, hilang keyakinan diri akibat tekanan hidup, dan melakukan perkara yang merosakkan peribadi.

Seterusnya, segelintir murid yang lain pula menyatakannya dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, yang mana mereka menganggap akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru. Murid yang lain menyatakan akhlak boleh menjadi buruk dari pandangan agama, yang mana mereka menganggap akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang tidak taat perintah Allah dan tidak menghiraukan nasihat ibu bapa.

Dalam menjawab soalan ini, kebanyakan murid Tahun Lima menyatakan cara untuk membentuk akhlak yang baik dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, iaitu aspek sosial yang mana mereka menganggap cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan sentiasa mentaati ibu bapa dan guru. Seterusnya, murid yang lain menyatakan cara membentuk akhlak yang baik dari sudut kebajikan sosial, yang mana mereka menganggap cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan selalu

menolong orang lain. Seterusnya, murid yang lain pula menyatakan cara untuk membentuk akhlak yang baik dari pandangan agama, yang mana mereka menganggap cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan mentaati perintah Allah.

Nampaknya, hasil kajian ini didapati menyokong objektif yang ingin dicapai dalam kurikulum Pendidikan Islam. Misalnya, dalam kajian ini murid menganggap cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah dengan sentiasa taat kepada ibu bapa dan guru, selalu menolong guru, dan taat perintah Allah, manakala salah satu daripada objektif tersebut ialah memberi penekanan kepada peraturan dan cara hidup muslim dalam hubungan dengan Allah dan rasul-Nya.

Pembentukan Akhlak

Kajian ini mendapati segelintir murid Tahun Lima menjelaskan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak dari sudut sahsiah yang mana mereka menganggap keluarga sejahtera boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk. Seterusnya, mereka menganggap kebaikan ikatan keluarga sejahtera ialah mengeratkan silaturahim, hidup bahagia, dan dapat menjaga nama baik keluarga, manakala keburukan ikatan keluarga kacau bilau yang antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, hidup terseksa, dan nama baik keluarga tercemar.

Murid yang lain pula menjelaskan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak dari pandangan agama dan masyarakat yang mana mereka menganggap keluarga yang sejahtera boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik. Menurut mereka, antara kebaikan ikatan keluarga sejahtera ialah melakukan perkara baik bersama contohnya solat berjemaah, makan bersama keluarga, dan

mendorong ahli keluarga untuk mencapai kejayaan terutamanya dalam bidang pelajaran. Mereka turut menjelaskan keburukan ikatan keluarga kacau bilau yang antara lainnya keluarga dipandang rendah oleh masyarakat dan masa depan terjejas sebab kurang mendapat perhatian dan dorongan dari ibu bapa.

Seterusnya, murid yang lain pula menjelaskan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak dari sudut adab sopan yang mana mereka menganggap keluarga sejahtera boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin mengajar anak mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin. Mereka menjelaskan kebaikan ikatan keluarga sejahtera ialah hidup lebih teratur dan ahli keluarga menjadi berdisiplin, manakala keburukan ikatan keluarga kacau bilau antara lainnya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, tiada kerjasama dalam keluarga, dan hidup tidak teratur.

Sebagai tambahan, segelintir murid yang lain menyatakan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial yang mana mereka menganggap keluarga yang sejahtera boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab keluarga sejahtera mengikut peraturan dan sentiasa mengikuti perkembangan anaknya supaya menjadi manusia yang baik dan bersopan. Mereka menganggap kebaikan keluarga yang sejahtera ialah tidak berpecah belah dan saling menghormati di antara satu sama lain, manakala keburukan keluarga yang kacau bilau antara lainnya ialah keluarga tidak terurus, anak terbiar, dan tingkah laku anak mereka seringkali melampaui batas disebabkan kurangnya kawalan dari pihak ibu bapa.

Dari satu sudut, hasil kajian yang dijalankan ini boleh memberikan maklumat tambahan kepada hasil kajian yang dilakukan Hashim, Khairul, Fahmi, dan Shafeq (2008). Misalnya, dalam kajian ini murid menganggap keluarga yang sejahtera boleh mempengaruhi disiplin seseorang sebab suasana keluarga yang ceria menggalakkan

pembentukan tingkah laku yang baik. Sementara itu, hasil kajian Hashim, Khairul, Fahmi, dan Shafeq (2008) mendapati isu gejala sosial memberi kesan bukan sahaja kepada keluarga malah kepada masyarakat. Mereka menggunakan instrumen soal selidik dan menjadikan remaja lepas sekolah sebagai sampel kajian.

Dapatan kajian ini juga didapati menyokong hasil kajian yang dilakukan Adam (2006). Dalam kajian ini, murid menganggap keluarga yang sejahtera mengikut peraturan dan sentiasa mengikuti perkembangan anaknya supaya menjadi manusia yang baik dan bersopan. Kajian yang dilakukan Adam (2006) ke atas empat puluh lima orang responden yang sedang mengikuti program pemulihan dadah menggunakan soal selidik dan sesi temu bual berfokus pula mendapati sokongan moral, penghayatan kerohanian yang konsisten daripada keluarga, masyarakat setempat, dan rakan sebaya senasib mampu membantu penagih menghindari penagihan semula.

Dalam kajian ini, sebahagian murid Tahun Lima menyatakan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial, yang mana mereka menganggap ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik anak mereka. Di samping itu, mereka juga menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, di antaranya ialah memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang dilakukan, memberikan nasihat sebagai motivasi supaya mereka tidak mengulangi kesalahan, merotan anak jikalau didapati melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak, dan menunjukkan teladan yang baik di hadapan anak.

Sebahagian murid yang lain menjelaskan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak dari pandangan agama, yang mana mereka menganggap ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik dan bertanggung jawab di atas setiap perbuatan yang dilakukan oleh anak mereka contohnya menyuruh mereka menutup aurat dan

melarang mereka berkawan dengan rakan yang tidak senonoh. Murid juga berpendapat anak akan menderhaka kepada ibu bapa dan tidak menghormati orang tua jikalau tidak diberikan perhatian oleh ibu bapa.

Sebagai tambahan, mereka menyarankan tindakan yang dianggap perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka misalnya melarang mereka melakukan maksiat, mengingatkan mereka supaya sentiasa mendirikan solat, membaca al-Quran, menunjukkan contoh baik di hadapan mereka, membawa mereka bersama untuk mengerjakan solat berjemaah di surau atau masjid, dan menegur setiap kesalahan yang dilakukan oleh anak mereka.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati semua murid bersetuju ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik dalam kalangan anak mereka. Nampaknya, hasil kajian ini secocok dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Arip (1993) ke atas dua ratus lapan puluh orang pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di sebuah sekolah menengah agama berasrama penuh menggunakan soal selidik mendapati faktor paling utama dalam pembinaan akhlak ialah peranan ibu bapa di rumah diikuti oleh program agama di sekolah.

Kajian ini mendapati segelintir murid Tahun Lima menjelaskan peranan rakan sebaya dari sudut tingkah laku dalam konteks interaksi sosial dan sahsiah yang mana mereka menganggap kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menganggap rakan yang berbudi bahasa menunjukkan tingkah laku yang sopan dan boleh dicontohi rakan lain. Mereka menganggap kawan yang bersopan santun dapat memberikan teladan yang baik kepada rakan sebaya manakala kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif hingga seseorang boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk, misalnya tidak menghormati orang tua.

Murid yang lain pula menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dari sudut pandangan masyarakat yang mana mereka menganggap kawan yang

baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik dan mengajak membuat perkara baik. Mereka menganggap kawan yang bersopan santun dapat memberi contoh yang baik dan dipuji masyarakat manakala kawan yang tidak bersopan santun memberikan contoh negatif hingga seseorang boleh terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk.

Seterusnya, murid yang lain menjelaskan peranan pembentukan akhlak dari sudut tingkah laku dalam konteks salah laku sosial yang mana mereka bersetuju kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka sentiasa mendorong untuk melakukan perkara baik. Sebagai contoh, di antara kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun ialah mereka sering membantu dalam pelajaran dan mendorong untuk melakukan perkara yang baik. Mereka turut menjelaskan keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun, yang antara lainnya mereka mempengaruhi rakan lain melakukan kesalahan seperti ponteng sekolah, membuang masa melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok.

Seterusnya, terdapat segelintir murid lain yang menjelaskan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak dari pandangan agama yang mana mereka menganggap kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab mereka menunjukkan tingkah laku yang baik, menegur kesilapan yang dilakukan kawan, dan mengajak kepada kebaikan, misalnya mengerjakan solat berjemaah di masjid, bersama mengulang kaji pelajaran, hormat dan tidak berdendam dengan guru, dan melakukan perkara yang berfaedah. Mereka turut menjelaskan kebaikan mempunyai kawan yang bersopan santun yang antara lainnya ialah mereka boleh membantu dalam pembentukan tingkah laku yang baik manakala keburukan mempunyai kawan yang tidak bersopan santun ialah rakan lain mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang buruk dan menjadi orang yang tidak bersopan santun.

Dalam satu aspek, hasil kajian ini ada mempunyai persamaan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Azizi dan Rosnah (2004). Dalam kajian ini, kebanyakan murid menganggap kawan yang tidak bersopan santun boleh mempengaruhi rakan lain untuk mencontohi tingkah laku tidak sopan dan melakukan kesalahan seperti ponteng sekolah, membuang masa melakukan perkara negatif, dan menghisap rokok. Dalam kajian dilakukan oleh Azizi dan Rosnah (2004) yang menggunakan soal selidik ke atas empat ratus orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara kelompok atas kelompok di beberapa buah sekolah menengah di empat buah negeri pula mendapati rakan sebaya merupakan orang yang paling kerap dirujuk oleh murid sebagai elemen paling berpengaruh dalam berlakunya masalah gentrisme. Nampaknya, rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan tingkah laku murid sama ada ke arah tingkah laku yang baik atau ke arah tingkah laku yang buruk.

Kesimpulan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Kesimpulan bagi hasil dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Murid mentafsirkan akhlak ialah melakukan perkara baik yang disukai masyarakat dan diredhai Allah dalam kehidupan seharian.
2. Murid mengaitkan akhlak baik dengan individu yang suka menolong orang, melakukan kebaikan, pandai membaca al-Quran, bersikap lemah lembut, disukai masyarakat, solat lima waktu, suka menolong ibu bapa, dan mendengar arahan guru.
3. Murid mengaitkan akhlak buruk dengan individu yang tidak bersopan santun, meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah, suka melakukan perkara buruk seperti mencuri, tidak mengerjakan solat, suka berbohong, dan membunuh orang, serta tidak suka menolong orang.

4. Murid mentafsirkan jenis akhlak dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu akhlak yang mulia dan akhlak yang buruk. Murid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti mendengar nasihat ibu bapa dan guru, menghormati ibu bapa dan kawan, memberi salam kepada rakan dan guru, bersopan santun di hadapan tetamu, menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekolah, rajin, duduk senyap dalam perpustakaan, dan makan dengan tertib. Seterusnya, murid mengaitkan akhlak yang mulia dengan perbuatan seperti bercakap dengan lemah lembut dan bersopan, menjawab pertanyaan kawan dengan sopan, menolong ibu bapa, guru, dan orang tua melintas jalan, menunaikan solat lima waktu, membaca al-Quran, menutup aurat, dan mengikut sunnah Nabi. Sementara itu, murid mengaitkan akhlak buruk dengan perbuatan seperti merempit, meludah merata-rata, membuang sampah merata-rata, membuang masa, tidak patuh arahan ibu bapa, tidak menghormati guru, tidak memberi salam ketika bertemu dengan guru, bermain di dalam kelas, tidak beradab di rumah orang, berpoya-poya, berpakaian selekeh, menagih dadah, sompong, mencederakan kawan, makan dengan gelojoh, dan biadap dengan guru. Selanjutnya, murid mengaitkan akhlak buruk dengan perbuatan seperti mengumpat, mencerca, melawan cakap ibu bapa, mencuri, meragut, membuli, mengugut, menjual arak, menggores kereta guru, merosakkan telefon awam, tidak suka menolong ibu bapa dan guru, tidak mengendahkan arahan ibu bapa, tidak mengerjakan solat lima waktu, melakukan maksiat, minum arak, dan meninggalkan perkara yang diperintahkan Allah.
5. Murid mentafsirkan perkara yang berkaitan dengan akhlak ialah membaca al-Quran, melakukan perkara kebaikan untuk mendapat pahala

dari Allah, taat perintah kedua ibu bapa, bersyukur kepada Allah, berdikari, mengikuti pengajaran guru dengan tekun, perlakuan yang baik, suka menolong orang, dan beradab sopan.

6. Murid mentafsirkan cara untuk menentukan baik buruk sesuatu akhlak ialah meneliti terlebih dahulu tingkah laku seseorang samada melakukan kebaikan atau perkara yang dilarang Allah, berfikir secara mendalam menggunakan pemikiran rasional sebelum melakukan sesuatu tindakan, dan menggunakan akal fikiran bagi membezakan perkara yang buruk dan perkara yang baik.
7. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan kepercayaan adalah berkaitan sebab seseorang mesti memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap keupayaan diri kita dalam melakukan sesuatu perkara dan kepercayaan yang kukuh kepada Allah merupakan asas kepada seseorang hamba untuk bersyukur di atas segala nikmat yang diberikan oleh-Nya.
8. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan perasaan adalah berkaitan sebab akhlak mempunyai pengaruh kepada perasaan seseorang hingga boleh menimbulkan perasaan tertentu seperti gembira, sedih, terkejut, tidak puas hati, dan kecewa.
9. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan pemikiran saling berkaitan sebab fikiran logik, rasional, berguna, dan waras memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak baik manakala fikiran cetek, tidak rasional, tidak berguna, dan tidak wajar memberi sumbangan kepada pembentukan akhlak tidak baik.
10. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan sikap berkaitan dengan perbuatan yang dilakukan seseorang dalam kehidupan seharian

dan mereka menganggap sikap adalah kebiasaan atau tingkah laku seseorang seperti rajin, malas, tidak bertolak ansur, kurang ajar, atau suka mengganggu kawan.

11. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan perbuatan saling berkaitan dalam menyatakan tingkah laku seseorang samada melakukan perkara yang baik atau buruk.
12. Murid mentafsirkan hubungan di antara akhlak dengan motivasi berkaitan sebab motivasi merupakan nasihat untuk orang yang melakukan kesalahan dan pendorong kepada orang yang inginkan kejayaan.
13. Murid mentafsirkan sesuatu akhlak boleh menjadi buruk apabila seseorang melakukan perkara yang buruk seperti membuli, tabiat suka mencuri, hilang keyakinan diri akibat tekanan hidup, tidak menghiraukan nasihat ibu bapa dan guru, melakukan perkara yang merosakkan peribadi, dan tidak taat perintah Allah.
14. Murid mentafsirkan cara untuk membentuk akhlak yang baik ialah menghormati ibu bapa dan guru, suka menolong orang, dan taat perintah Allah.
15. Murid mentafsirkan kepentingan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Murid menganggap keluarga harmoni boleh mempengaruhi disiplin diri untuk menjadi baik dan bersopan sebab ibu bapa yang berdisiplin mengajar anak mereka dalam membezakan perkara yang baik dan perkara yang buruk, suasana keluarga yang ceria dan menggalakkan dalam pembentukan tingkah laku yang baik, ibu bapa yang berdisiplin akan mengajar anak mereka beradab sopan dan lebih berdisiplin, dan keluarga harmoni mengikut peraturan dan sentiasa mengikuti

perkembangan anaknya supaya menjadi manusia yang baik dan bersopan. Seterusnya, murid menganggap kebaikan ikatan keluarga harmoni ialah mengeratkan silaturahim, hidup bahagia, dapat menjaga nama baik keluarga, melakukan perkara baik bersama seperti makan dan solat berjemaah, mendorong ahli keluarga mencapai kejayaan dalam bidang pelajaran, ahli keluarga lebih berdisiplin, dan saling menghormati di antara satu sama lain. Selanjutnya, murid menganggap keburukan ikatan keluarga kacau-bilau di antaranya ialah ibu bapa bergaduh setiap hari, hidup tertekan, nama baik keluarga tercemar, keluarga dipandang rendah oleh masyarakat, masa depan terjejas sebab kurang perhatian ahli keluarga, tiada kerjasama dalam keluarga, anak terbiar, keluarga tidak terurus, dan tingkah laku anak melampaui batas sebab kurang kawalan ibu bapa.

16. Murid mentafsirkan kepentingan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak. Misalnya, murid menganggap ibu bapa bertanggung jawab membentuk disiplin yang baik sebab mereka telah banyak berkorban masa dan tenaga untuk mendidik anak dan ibu bapa bertanggung jawab atas setiap perbuatan yang dilakukan anak mereka, contohnya menyuruh anak menutup aurat dan melarang mereka berkawan dengan rakan yang bertingkah laku buruk. Seterusnya, murid menyarankan tindakan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa dalam memastikan pembentukan tingkah laku yang baik dalam kalangan anak mereka, misalnya memberikan hukuman sebagai pengajaran atas kesalahan yang dilakukan, memberi nasihat sebagai motivasi supaya mereka tidak mengulangi kesalahan, merotan anak jika lau didapati melakukan kesalahan yang boleh meruntuhkan akhlak, menunjukkan teladan baik di hadapan anak,

melarang anak membuat perkara buruk, menyuruh mereka mendirikan solat dan membaca al-Quran, membawa anak untuk solat berjemaah di surau ataupun masjid, dan menegur kesalahan yang dilakukan.

17. Murid mentafsirkan kepentingan peranan rakan sebaya dalam pembentukan akhlak. Misalnya, murid menganggap kawan yang baik mempengaruhi pembentukan akhlak diri sebab kawan yang berbudi bahasa menunjukkan tingkah laku sopan yang boleh dicontohi kawan lain, mengajak bersama membuat perkara kebaikan, dan sentiasa mendorong kawan lain melakukan perkara baik seperti pergi ke masjid, mengulang kaji pelajaran bersama, menegur kesilapan yang dilakukan, dan hormat serta tidak berdendam dengan guru. Seterusnya, murid menganggap kawan yang bersopan santun dapat memberikan teladan yang baik, membantu kawan dalam pelajaran, mendorong kawan melakukan kebaikan, membantu kawan membentuk akhlak terpuji, dan sikap yang boleh dicontohi sepanjang masa. Selanjutnya, murid menganggap kawan yang tidak bersopan santun boleh memberi contoh negatif seperti mempengaruhi kawan dengan tingkah laku buruk dan tidak beradab, misalnya tidak menghormati orang tua, ponteng sekolah, dan menghisap rokok.

Implikasi Kajian

Beberapa implikasi boleh dibuat berdasarkan kepada dapatan kajian. Implikasi tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu implikasi kepada teori, amalan pendidikan, dan cadangan penyelidikan lanjut.

Implikasi kepada Teori

Perspektif bersepada sejagat yang mendasari kajian ini membantu saya dalam proses pengumpulan data, menganalisis data, dan membuat pentafsiran data. Kekuatan teori ini membantu saya menjawab soalan kajian untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Data dikumpulkan melalui teknik temu duga klinikal dan disusun mengikut tema yang tertentu. Proses pengumpulan data dianalisis dengan mendalam berdasarkan tema tertentu dan seterusnya ditafsirkan secara terperinci mrentas subjek kajian.

Perspektif bersepada sejagat adalah relevan bagi menangani kesahan dalaman. Secara ringkas, hasil kajian ini tidak dapat digunakan untuk membuat generalisasi statistik kepada populasi kajian tetapi boleh digeneralisasikan secara natural atau analitik daripada satu kes kepada satu kes lain yang serupa dengan kajian ini. Hasil kajian juga memaparkan secara terperinci setiap kes yang dianalisis. Protokol temu duga yang digunakan dalam kajian ini juga telah diuji rintis bagi menaksir kesahan dan kebolehpercayaannya.

Teknik pengumpulan data menggunakan temu duga klinikal membantu saya dalam membuat analisis tentang pemahaman murid yang membabitkan komponen di dalam akhlak. Pengetahuan murid dalam memberikan makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak ditafsirkan berdasarkan kepada pengalaman mereka semata-mata. Walaupun sesetengah jawapan yang diberikan oleh responden menerusi temu duga kurang menepati kehendak soalan, namun pengetahuan itu adalah benar dalam konteks pemahaman mereka sendiri.

Temu duga klinikal yang dijalankan ke atas responden memberikan data kajian yang mendalam tentang bagaimana mereka menjawab tugasan temu duga yang membabitkan makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Temu duga klinikal juga membantu saya dalam membuat analisis tentang tugasan yang

membabitkan ketiga-tiga komponen temu duga yang telah disebutkan di atas. Secara ringkas, penafsiran dan analisis data dilakukan secara terperinci di bawah tema yang ditetapkan berdasarkan tiga komponen tugas temu duga tersebut.

Sebagai tambahan, hasil kajian ini memberi implikasi kepada teori yang mendasari kajian. Teori yang digunakan ialah perspektif bersepada sejagat (PBS). Menurut teori ini, akhlak melibatkan aspek kerohanian, mental, dan tingkah laku. Mengikut perspektif bersepada sejagat lagi, akhlak dilihat sebagai satu konsep yang bersepada. Namun begitu, hasil kajian menunjukkan bahawa pandangan murid tentang akhlak banyak bertumpu kepada aspek fizikal dalam kehidupan sehari-hari.

Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh pengalaman murid tentang akhlak yang melibatkan aspek fizikal dan kurang aspek kognitif dan kejiwaan. Ini bukan bererti definisi akhlak yang dimajukan oleh perspektif bersepada sejagat adalah pincang, tetapi mungkin pengalaman murid banyak bertumpu kepada aspek fizikal. Oleh itu, kajian mendalam yang memberi perhatian khusus kepada pengalaman rohani, kognitif, dan jasmani murid dalam memberi makna kepada konstruk akhlak dianggap relevan untuk dijalankan pada masa akan datang. Antara lain, kajian seperti ini dapat menambahkan lagi pengetahuan tentang konsepsi murid sekolah rendah tentang akhlak. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan contoh tentang kebergunaan sesuatu teori, misalnya saya menggunakan perspektif bersepada sejagat yang mana hasil kajian ini dapat menyumbang kepada implikasi terhadap teori tersebut.

Implikasi kepada Amalan Pendidikan

Dalam kajian ini, terdapat beberapa implikasi terhadap pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak.

Kajian ini mendapati makna akhlak yang diberikan oleh murid hanya bertumpu kepada aspek luaran seperti kegiatan fizikal, sosial, dan budaya, yang mana kurang tumpuan diberikan kepada aspek kejiwaan atau dalaman individu yang membabitkan

aspek kepercayaan, perasaan diri, dan pemikiran. Justeru, penggubal kurikulum harus mengambil kira fenomena ini, dalam mana aspek kejiwaan kurang diberi tumpuan. Para guru juga mempunyai tanggungjawab untuk mengembangkan aspek kejiwaan dalam pengajaran mereka.

Implikasi kedua pula membabitkan hubungan akhlak. Dalam hal ini, murid menjelaskan bahawa terdapat jalinan hubungan di antara akhlak dengan kepercayaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi. Jelas di sini, murid yang ditanya mampu memberikan contoh untuk menunjukkan perkaitan yang bermakna di antara akhlak dengan aspek yang dinyatakan di atas. Justeru, pihak yang terlibat perlu meningkatkan usaha untuk menunjukkan perkaitan hubungan tersebut, contohnya penggubal kurikulum, pihak pengurusan sekolah, dan persatuan ibu bapa dan guru. Dalam hal ini, penggubal kurikulum perlu memberikan tumpuan yang seimbang dan lebih bermakna untuk menunjukkan kaitan hubungan di antara akhlak dengan kepercayaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi. Misalnya, mereka boleh menyedia dan memperkayakan pelbagai modul yang mengandungi aktiviti pembelajaran yang menonjolkan kaitan hubungan antara akhlak dengan kepercayaan, pemikiran, sikap, perbuatan, dan motivasi samada dalam bentuk teks maupun imej. Dalam hal ini, guru boleh merancang aktiviti berbeza dan menarik untuk menunjukkan kepada murid tentang perkaitan antara akhlak dan aspek yang telah disebutkan.

Seterusnya, implikasi ketiga pula membabitkan pembentukan akhlak. Murid menyatakan bahawa keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak. Dalam hal ini, pihak terlibat perlu memberi sokongan yang padu untuk merealisasikan pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan murid sekolah. Misalnya, pihak sekolah dan persatuan ibu bapa dan guru boleh menyokong dan memainkan peranan dengan menganjurkan pelbagai aktiviti dan program bermakna yang mensasarkan keluarga, ibu bapa, dan rakan sebaya sebagai kumpulan yang aktif

berperanan dalam pembentukan akhlak. Sebagai tambahan, dengan adanya program dan aktiviti yang dirancang dengan sistematik untuk kumpulan sasaran ini selanjutnya dapat membantu pembentukan akhlak dalam kalangan murid, khususnya di sekolah rendah.

Implikasi kepada Kajian Lanjutan

Kajian ini telah mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak melalui kaedah temuduga klinikal. Kajian ini hanya melihat beberapa aspek daripada pemahaman murid tentang akhlak, iaitu dari sudut makna akhlak, hubungan akhlak, dan pembentukan akhlak. Oleh itu, kajian ini tidak melihat punca kemerosotan akhlak dalam kalangan murid serta tidak menjurus kepada sesuatu aspek akhlak yang khusus dan tertentu.

Justeru, saya mencadangkan agar kajian lanjut yang lebih mendalam tentang aspek kejiwaan dalam akhlak dapat dijalankan oleh pengkaji lain demi meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Misalnya, kajian yang lebih mendalam tentang pemahaman mengenai aspek kejiwaan akhlak dalam kalangan murid Tahun Lima. Selain itu, kajian yang lebih mendalam tentang aspek luaran akhlak yang merangkumi kegiatan fizikal, sosial, dan budaya juga boleh dijalankan untuk melihat sejauh mana aspek ini mempengaruhi pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan murid, khususnya di peringkat sekolah rendah.

Akhlak ditakrifkan secara bersepadu sebagai gabungan di antara aspek kerohanian dan fizikal. Namun begitu, masih banyak pengetahuan tentang akhlak yang perlu dikaji secara lanjut dan lebih mendalam terutamanya kajian yang memfokuskan kepada aspek bersepadu, iaitu gabungan di antara aspek kejiwaan dan tingkah laku.

Dalam kajian ini, konsepsi murid tentang akhlak nampaknya bertumpu kepada satu bahagian sahaja, iaitu aspek fizikal. Kemungkinan ini berlaku disebabkan konsepsi murid tentang akhlak adalah tidak lengkap dan bersepadu disebabkan oleh pemahaman

murid yang tidak begitu mendalam tentang akhlak. Sebagai kesimpulan, kajian lanjut pada masa hadapan yang relevan berkaitan aspek kerohanian dan fizikal mungkin boleh dijalankan untuk menggabungkan konsepsi murid tentang akhlak dan memberi maklumat tambahan kepada aspek kejiwaan.

Rumusan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pemahaman murid Tahun Lima tentang akhlak. Namun begitu, hasil kajian mendapati konsepsi akhlak bagi murid banyak bertumpu kepada aspek fizikal dalam kehidupan. Sebagai contoh, penjelasan murid tentang akhlak banyak bertumpu kepada realiti kehidupan mungkin disebabkan oleh pengalaman mereka yang banyak menjurus dalam aspek fizikal, manakala aspek kognitif dan kerohanian kurang diberi perhatian oleh murid.

Pada keseluruhannya, konsepsi akhlak yang dibentuk oleh murid adalah bertumpu pada aspek fizikal dan menjadikan konsep akhlak itu tidak dilihat secara bersepada, ataupun boleh dikatakan agak pincang dan tidak lengkap. Sebagai kesimpulan, kajian lanjut pada masa hadapan yang dianggap relevan boleh dijalankan untuk melihat punca bagi kepincangan konsepsi ini.

Rujukan

- Abdul Nasih, U. (1988). *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdullah, I. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Abdullah, M. (2013). *Etika Guru Pendidikan Islam*. Dalam *kursus Multaqa Nasional Guru Pendidikan Islam Malaysia*. Sektor Pengurusan Pendidikan Islam: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Adam, M. (2006). *Tingkah Laku penagihan semula punca-punca penagihan dan pemulihian kerohanian menurut perspektif Islam*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Adnan, Y. (2003). *Pelaksanaan Kurikulum Semakan Pendidikan Islam*. Dalam *kursus Pendedahan SP dan HSP Pendidikan Islam Tahun 2 & 5*. Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad Ibrahim, A.S. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A. (1974). *Kitab Al-Akhlaq*, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Ahmad, M. S. (1992). Wawasan 2020: Model pembangunan negara dan implikasi masa kini. *Jurnal Pendidikan Islam*, 5, 30-53.
- Ahmad, M. S. (2007). Penilaian Kritis terhadap kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. Dalam Nik Azis, N. P., (ed). *Isu-isu kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.
- Ahmad, Roslee, & Mustafa. (2006). Kajian Punca, Risiko Merokok Dan Sumbangan Merokok Terhadap Penagihan Bahan. Satu Kajian Di Pusat Giat Mara Bukit Payong, Marang Terengganu dalam *kertas kerja Annual Conference on Teacher Education*, Kota Kinabalu, Sabah.
- Aida Suraya, M. Y. (1996). *Skim nombor perpuluhan bagi murid tahun lima sekolah rendah*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Faruqi. (1980). *Islam and culture*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Ghazali. (1988). *Keajaiban hati*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali. (1990). *Bimbingan mukminin*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali. (1991). *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 1-4. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Ali, S. H. (1981). *The Malays : Their problems and future*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia.
- Al-Jurjani. (2002). *al-Ta'rifa*, Beirut:Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Kaysi, M. I. (1997). *Adab sopan dan budi pekerti dalam Islam*. (Terj.) Hussin S. & Mohd. Nasir, R. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Asmawati, S. (2005). Pemantapan komponen akhlak dalam Pendidikan Islam bagi menangani era globalisasi. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), 58-64.
- Azizah, L. N. (2001). Pendidikan Agama Islam dan kesannya terhadap kehidupan insan yang bermoral. Dalam *kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azizi, Mohd Anuar, Abd. Rahim & Yusof. (2001). Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauh manakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan? Dalam *kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azizi, Ramlie, Jamaluddin & Yusof. (2001). Masalah Lepak Di kalangan remaja di Johor Bahru: Sejauh manakah remaja Melayu terlibat? Dalam *kertas kerja Seminar Kebangsaan Kepengetuaan*. Institut Aminuddin Baki, Genting Highland: Kuala Lumpur.
- Azizi, Y. & Asiah, S. (2007). *Fenomena Cinta, Janjitemu, Perlakuan Seks dan Hubungannya Dengan Masalah Kebimbangan Sosial Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y. & Hasmadi, H. (2007). *Masalah Gangguan Seksual Di Kalangan Guru-Guru Di Johor, Melaka, N. Sembilan dan Selangor*. Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y. & Jesmin, A. W. (2008). *Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah Laku Di Taman Seri Putri Batu Gajah Dan Kompleks Dar-Assa'adah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y. & Rosnah, B. (2004). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi, Y. & Shahrin, H. (2003). *Kefahaman mengenai konsep gas di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Empat di daerah Parit Buntar Perak*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azmi, A. & Shamsul, A. B. (2004). The Religious, The Plural, The Secular and The Modern: A Brief Critical Survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3), 217-225.

- Badrulzaman, B. (2006). *Persekutaran keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Baharuddin, A. (2000). *Masalah sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Battanero, C. & Serrano, L. (1999). The learning of randomness for secondary school students. *Journal for Research in Mathematic Education*, 30(5), 558-567.
- Bennabi, M. (1991). *Islam dalam sejarah dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bey, A. (1976). *Samudera al-fatihah*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Bogdan, R. C & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An introduction to Theories and Methods*, 4th ed., (h. 110-120), New York: Pearson Education group.
- Covey, S. (1990). *The 7 habits of highly effective people*. New York: A Fireside Book.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, And Evaluating Quantitative And Qualitative Research*, 4th ed., Boston: Pearson Education, Inc.
- Darraz, M. A. (1973). *Dustur al-Akhlaq fi al-Qur'an*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Fauziah, A. K. (2011). *Analisis kandungan buku teks matematik Tahun Empat di Malaysia dan Singapura*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fizwani, Suhana, Mohamed Syafiq, Mohamed Sharif & Sulaiman. (2008). Mengenal Pasti Punca-Punca Dan Kaedah Menangani Tingkah Laku Sumbang Mahram dalam *kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghazali, B. (1988). Rousseau's Child Educational Development Theory Seen in The Light of al-Ghazali's Thoughts. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2(7), 34-39.
- Goh, S. S., Rahimah, A., & Wong, T. K. (2005). Persepsi guru tentang pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di daerah Johor Bharu. Dalam *kertas kerja Seminar Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hacker, D. (2003). *Research and documentation in the electronic age*. 3rd ed. Boston: Bedford / St. Martin's.
- Haekal, M. H. (1989). *Sejarah Hidup Muhammad S.A.W*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Haron, D. (1988). Bumiputera dalam pendidikan agama: Masalah dan kemungkinan. Dalam Haron, D. & Sobri, S., (ed). *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Haron, D. (1990). *Manusia dan Islam (jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, A. B. (1988). *Konsep pembaharuan masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Hashim, Khairulhelmi, Mohd Fahmi & Syed. (2008). Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam keluarga; isu dan cabaran dalam *kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hunting, R. P. & Doig, B. A. (1997). Clinical assessment in mathematics: Learning the craft. *Focus on Learning problems in Mathematics*, 19 (3), 29-48.
- Husain, S. S. & Ashraf, S. A. (1989). *Krisis dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husin, J. (2011). *Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di daerah Kota Tinggi, Johor*. Tesis Ijazah doktor falsafah usuluddin tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibnu Miskawaih. (1966). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: American University of Beirut.
- Ishak, R. (1986). *Membentuk Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Ismail, M. & rakan-rakan. (2004). *Kajian sahsiah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor*. Research vote no.: 71872. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jalaluddin, & Usman, S. (1994). *Filsafat Pendidikan Islam: Konsep dan Perkembangan Pemikirannya*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Kamal, H. (1988). *Pendidikan dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1973). *Panduan guru untuk mengajar pelajaran ugama Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1982). *Buku panduan am kurikulum baru sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1982). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1985). *Laporan kajian mengenai kedudukan mata pelajaran pengetahuan agama Islam di sekolah menengah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *Sukatan pelajaran Pendidikan Islam kurikulum bersepadu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1993). *Laporan kajian pelaksanaan tugas dan tanggung jawab guru Pendidikan Islam di sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Educational Planning and Research Division.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Buku panduan penilaian perkara asas fardhu 'ain: Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam kurikulum bersepadu sekolah rendah, Tahun I-IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Pendidikan Islam Tahun Dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Khalid, M. (2007). *Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama di Sarawak*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Langgulung, H. (1981). *Beberapa tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies.

Lee. (2000). *Konsepsi pelajar tingkatan enam terhadap konsep kerja dalam fizik*. Kertas projek sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mardzelah, M. (2004). Januari 6. *Hubungan aktiviti rekreatif dengan kefahaman akhlak dan muhasabat al-nafs*. Didapatkan semula pada 6 Januari 2008, dari <http://www.uum.edu.my/downloads/geranfakulti.doc>.

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Case Study Research Qualitative research: a guide to design and implementation*, 2nd ed., (h. 39-54). San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Mohamad Faisal, A. (2005). *Pengajaran Pengajian Islam Dalam Pembentukan Akhlak Dan Sikap Pelajar IPTS: Kajian Di Kolej Yayasan Melaka*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd Arip, K. (1993). *Orientasi Sistem Pendidikan di Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh: Kajian Kes berkenaan Pembinaan Akhlak*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd Yusuf, A. (2000). Pemantapan Pendidikan Al Quran. Dalam Nik Azis, N.P., Rahimi, M.S., & Ahmad Zabidi, A. R. (et.al). *Isu-isu kritikal dalam Pendidikan Islam dan*

- Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari.* Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.
- Mustapha, B. (2003). *Persepsi Guru Pelatih Maktab Perguruan Kota Bharu terhadap karnival pertandingan.* Jabatan Pengajian Melayu, Maktab Perguruan Kota Bharu.
- Najati, M. U. (1993). *Al-Hadith al-Nabawiy wa Ilmu al-Nafs.* Beirut: Dar al-Syuruq.
- Naquib, S. M. (1990). *The Nature of man and the psychology of the human soul.* Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Naquib, S. M. (1991). *The concept of education in Islam.* Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Nasir, R. (2006). *The programme of bina sahsiah among staff in institution of higher learning: a case study at UTM & USM.* Research vote no.: 71855. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Azis, N. P. (1987). *Children's fractional schemes.* Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan, University of Georgia, Athens.
- Nik Azis, N. P. (1990). *Program pendidikan pelajar pintar cerdas.* Kajang: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.
- Nik Azis, N. P. (1992). *Penghayatan Matematik KBSR dan KBSM: Agenda tindakan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis, N. P. (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis, N. P. (1996). *Penghayatan matematik KBSR dan KBSM: Perkembangan profesional.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis, N. P. (1999a). *Potensi Intelek.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis, N. P. (1999b). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan Matematik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azis, N. P. (2007). *Isu-isu kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari.* Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.
- Nik Azis, N. P. (2007). *Isu-isu kritikal dalam pendidikan matematik.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nik Azis, N. P. (2012). *Bab Sebelas : Pengembangan Nilai melalui Penulisan Tesis dan Disertasi.* Dokumentasi akademik tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Nik Azis, N. P., Rahimi, M. S., & Ahmad Zabidi A. R. (2007b). *Isu-isu kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.
- Norhayati, F. (2003). *Penghayatan Adab Terhadap Ibu Bapa Di Dalam Perkara Asas Fardhu Ain, Satu Penilaian Di Sekolah Menengah Daerah Hulu Selangor*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Normah, A. A. & T. Subahan, M. M. (1997). Salah konsep dalam Kinematik di kalangan pelajar tingkatan 4: Penggunaan Peta Konsep. *Jurnal Pendidikan* (22), 51-68.
- Normala, A., Sharif, M. M., & Roslee, A. (2003). Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan kaunseling. *Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia*, 44(E), 58-70.
- Nur Afizah, M. N. (2008). *Values in Form One Mathematics Textbooks in Malaysia and Singapore*. Kertas projek sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurain, S. (2007). *Faktor-faktor mempengaruhi tingkah laku vandalisme di kalangan remaja sekolah menengah satu kajian kes di daerah Alor Gajah, Melaka*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Nurhayani, R. (2008). *Kefahaman murid Tingkatan Empat tentang nilai penggunaan kalkulator grafik dalam pembelajaran statistik*. Kertas projek sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Omar, I. (1996). Perkembangan Konsep Kebarangkalian di Kalangan Kanak-Kanak Melayu. *Jurnal Pendidikan* (21), 51-63.
- Osman, B. (1992). *Classification of knowledge in Islam*. Kuala Lumpur: Institute for Policy Research.
- Qaradhawi, Y. (1985). *Iman dan kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Qaradhawi, Y. (2003). *Islam dan Globalisasi Dunia*. (Terj.) Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Rafiah, K. (2004). *Kefahaman pelajar tingkatan empat tentang konsep kebarangkalian*. Kertas projek sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahimi, M. S. (2007). Pendidikan dan pembinaan masyarakat Hadhari: Perspektif Pendidikan Islam. Dalam Nik Azis, N. P. (ed). *Isu-isu kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Hazrah Enterprise.

- Rohaty, M. M. & Abdullah, M. N. (2001). Persepsi Remaja Terhadap Masa Hadapan. *Jurnal Pendidikan* (26), 37-52.
- Rosly, K. (2007). *Kelangsangan dalam media dan kesannya terhadap tingkah laku agresif pelajar*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Rugayyah, A. (2007). *Penyelesaian masalah kebarangkalian oleh murid Tingkatan Empat*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saadah, Salman, & Roslee. (2008). Kaedah menangani Kanak-Kanak Bermasalah Tingkah Laku dalam *kertas kerja Seminar Kaunseling Keluarga*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Sardar, Z. (1988). *The future of Muslim civilization*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Sharifah Norul Akmar, S. Z. (1997). *Skim penolakan integer pelajar tingkatan dua*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti, Z., Malek, A., & rakan-rakan. (1998). *Persepsi Guru Pembimbing Terhadap peranan sebagai mentor: Satu Tinjauan*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Suriani, S. (2005). *Satu Kajian tentang pembentukan akhlak pelajar menurut pandangan Imam al-Ghazali*. Disertasi sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Suzieleez Syrene, A. R. & Tajularipin, S. (2005). Gambaran mental dan perwakilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tentang konsep fungsi. *Jurnal Teknologi Universiti Teknologi Malaysia*, 44(E), 46-60.
- T. Ramayah (2003). *Persepsi Pelajar Universiti Sains Malaysia terhadap penggunaan sebenar perpustakaan secara talian*. Sekolah Pengurusan, Universiti Sains Malaysia.
- Thahir, N. (2006). Kefahaman guru tentang konsep komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa*, 3(3), 49-63.
- Tunku Sarah, T. M. J. (1997). *Pembinaan model penerapan nilai di dalam pengajaran di Institut Pengajian Tinggi (IPT)*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Patanah, W. Y. (1998). *Konsepsi murid tahun satu mengenai beberapa istilah matematik*. Laporan penyelidikan sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Watson, J. M. & Moritz, J. B. (2000). Developing concepts of sampling. *Journal for Research in Mathematics Education*, 31 (1), 44-70.
- Wong. (1998). *A study of the reading comprehension level among year three pupils of a primary school*. Disertasi sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research. Design and Methods*, 4th ed., CA: Sage Publications, Thousand Oaks.
- Yong, C. Y. (2007). *Personaliti pelajar tingkatan dua dan hubungannya dengan pencapaian akademik*. Tesis sarjana pendidikan tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Yunus, N. (1990). *Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR*. Institut Aminudin Baki, Genting Highland.
- Zantaniy, A. H. (1984). *Ussis Tarbiyyah al-Islamiyyah Fi Sunnah al-Nabawiyyah*. Tunisia: Dar al-Arabiyyah al-Kitab.